

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

- Penangkapan 10 Orang Aktivis Di Bawah ISA (Halaman 1)
 - Y.B. Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor (Pendang)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3):

- Penangkapan 10 Orang Aktivis Di Bawah ISA (Halaman 62)
 - Y.B. Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor (Pendang)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 28 dan B. 29 (Halaman 2)
Maksud B. 49 (Halaman 33)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)
(Pindaan)(No.2) 2001 (Halaman 48)

USUL-USUL:

- Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2001

Jawatankuasa:-

Maksud P. 28 (Halaman 3)
Maksud P. 33 (Halaman 33)
Maksud P. 45 (Halaman 33)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 59)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P. B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

Yang Berhormat	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
“	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)

Yang Berhormat	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dunung)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

Yang Berhormat	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan**Penolong Setiausaha**Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat**JURUBAHASA SERENTAK**Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin**BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. HassanHajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 8 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18(1)

Penangkapan 10 Orang Aktivist Di Bawah ISA

10.03 pagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir-rahmanir-rahim. Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pendang dengan ini mengusulkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2) supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk Dewan yang mulia ini merundingkan isu penangkapan 10 orang aktivis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Perkara ini merupakan perkara yang tertentu, berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Oleh sebab itu, sangat perlu diperbincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis dan Jumaat yang lalu pihak polis telah menahan 10 orang pemuda, sebahagiannya ahli PAS di bawah ISA kerana dikatakan terlibat dengan kegiatan militan. Mereka dikatakan pernah terlibat dalam perjuangan menentang Rusia di Afghanistan ketika melanjutkan pendidikan di Pakistan dan kini dianggap mengancam keselamatan negara. Mereka dikatakan menjadi anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia.

Kes ini adalah perkara tertentu yang melibatkan penangkapan anak muda dengan alasan yang direka-reka tanpa membukakan bukti yang sahih. Mereka juga ditahan di bawah ISA yang tidak memerlukan pihak polis mengemukakan apa-apa bukti dan tidak dibawa ke mahkamah untuk dibuktikan kesalahan mereka.

Kes ini adalah kepentingan ramai kerana sekali lagi ISA digunakan untuk menekan lawan politik dan orang yang berbeza pendapat dengan parti pemerintah. ISA digunakan untuk menakut-nakutkan orang-orang ramai dan jelas bertentangan dengan hak asasi manusia dan mencabul undang-undang yang memberi hak pembelaan diri kepada rakyat di negara ini. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) juga telah mengecam penggunaan ISA ini terhadap musuh politik. Rakyat sendiri telah menyatakan bantahan mereka dalam pelbagai bentuk terhadap ISA. Penangkapan 10 orang aktivis reformasi sebelum ini ternyata helah politik kerana sampai hari ini segala tuduhan mengenai senjata yang dikatakan dipunya oleh kumpulan itu tidak pernah dibuktikan.

Perkara ini perlu disegerakan kerana tahanan dan siasatan di bawah ISA tidak membenarkan mereka ditemui oleh keluarga dan peguam. Kaum keluarga berada dalam keadaan amat dukacita. Tidak ada maklumat mengenai di mana mereka berada dan keadaan kesihatan mereka. Maklumat dari bekas tahanan sebelum ini membuktikan ada penyeksaan dilakukan ke atas orang yang ditahan. Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam semasa membebaskan dua tahanan ISA baru-baru ini menganggap penahanan itu kejam dan tidak berperikemanusiaan. Demi keadilan dan hak asasi manusia mereka yang ditahan mesti dibebaskan segera tanpa apa-apa syarat. Seandainya kerajaan ada bukti untuk menahan mereka, mereka perlu dibawa ke mahkamah terbuka. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pendang pada 7 Ogos 2001. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Yang kedua, ianya adalah bagi kepentingan orang ramai; dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan. Setelah saya meneliti perkara ini saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu; ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan perkara ini juga perlu disegerakan. *[Tepuk]* Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahas. *[Tepuk]*

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahar selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN

(2001) 2001

DAN

USUL

ANGGARAN PEM BANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2001

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[7 Ogos 2001]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.28 dan B.29 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001]-

Tuan Pengerusi: Kepala Perbekalan B.28 dan P.29 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan dibuka semula untuk dibahas. Saya rasa ada masa dihadkan 10 minit ya.

10.10 pagi

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Saya ingin mendapat penjelasan, mungkin perkara ini telah dijelaskan semalam dalam penggulungan perbahasan di peringkat dasar ataupun tidak saya tidak pasti kerana saya tidak dapat hadir awal semalam. Saya terpaksa pulang menziarahi seorang ulama dan bekas pengasas PAS negeri Kedah yang telah meninggal dunia. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan di bawah Butiran 02903 iaitu mengenai dengan Projek Hidro Elektrik Sarawak, Bakun di mana peruntukan tambahan diperlukan sebanyak RM100 juta. Saya ingin mendapat penjelasan kerana kerajaan telah banyak membelanjakan wang untuk Projek Bakun. Sebelum ini kita diberitahu dalam jawapan bertulis bahawa kerajaan telah membayar kepada pihak tertentu dalam Projek Bakun ini sebanyak RM950 juta. Sekarang ini diminta pula RM100 juta tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan untuk apa peruntukan RM100 juta tambahan ini diperlukan.

Begitu juga di bawah Projek Samak Aquaculture Sdn. Bhd., Butiran 02904, peruntukan tambahan diperlukan sebanyak RM30 juta. Ini satu projek kerajaan negeri Kedah yang sudah hampir 10 tahun dan satu projek yang kontroversi yang memang menimbulkan perbahasan yang panjang di Dewan Undangan Negeri Kedah dan pertikaian di antara tuan punya tanah dengan pihak pemegang projek ini iaitu kerjasama antara kerajaan negeri dengan sebuah syarikat Arab Saudi, Ben Laden. Projek ini telah tergendala beberapa lama dan ia telah merugikan petani kerana petani memang tidak dapat lagi mengerjakan sawah mereka dan harga sawah juga tidak dibayar sepenuhnya mengikut tuntutan mereka.

Jadi, saya ingin mendapat tahu di bawah peruntukan RM30 juta ini untuk apa wang ini digunakan dan adakah pertikaian di antara tuan tanah sebagai petani yang mengusahakan tanah atau penyewapenyewa yang mengusahakan penyewaan tanah di situ telah dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri. Dan apakah projek ini telah dimulakan semula ataupun bilakah ia dijangka akan dimulakan semula. Projek ini telah

menelan banyak mangsa, ada yang ditangkap, ada yang dilokap, ada yang dihumban ke dalam kolam dan sebagainya. Ini kita perlu mendapat penjelasan, ia merupakan satu kegagalan projek penswastaaan kerajaan Barisan Nasional.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 02906, ini pun telah ditanya semalam oleh sahabat saya. Biarlah saya ambil yang Butiran 02907 - Projek Aircraft Leasing Sdn. Bhd. Saya ingin mendapat tahu apakah sebenarnya peranan projek ini, ia merupakan satu projek baru setakat yang kita tahu. Apa fungsi projek Projek Aircraft, apakah benar bahawa sebelum ini MAS telah membuat tempahan daripada syarikat Boeing untuk membeli beberapa buah pesawat dan MAS sebagaimana yang kita tahu mengalami keadaan kewangan yang sangat teruk. Walaupun peruntukan ini RM10 juta tetapi RM10 juta bagi kita orang miskin ini tentulah banyak. RM10 juta dibandingkan dengan RM1.8 bilion tak banyaklah. Tetapi kalau dibandingkan dengan RM10,000, RM20,000 untuk buat jalan kampung, kita pergi jumpa pegawai daerah minta tolong tarkan jalan ini kerana budak-budak sekolah hendak keluar payah, dia kata tidak ada peruntukan.

Kalau RM10,000, RM20,000, RM30,000, RM50,000 tak ada peruntukan. Jika dibandingkan dengan RM10 juta, RM10 juta ini lebih besar daripada RM10,000. Tetapi kalau hendak dibandingkan dengan RM1.8 bilion, RM3.8 bilion hendak beli Renong, tolong selamatkan orang-orang Renong itu memang kecillah RM10 juta ini. Tetapi kalau dibandingkan dengan orang kampung, pelajar-pelajar di kampung-kampung hendak keluar, RM50,000 pun tak ada duit, tak ada peruntukan, RM10 juta terlalu besar. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah benar.

Maknanya, dengan penubuhan Projek Aircraft Leasing ini, syarikat ini akan membeli pesawat-pesawat yang dipesan oleh MAS kemudian akan disewakan pula oleh MAS kemudian tentulah nanti akan memerlukan lagi banyak modal yang akan disuntik oleh kerajaan. Ini suntikan pertama. Jadi, ini saya ingin mendapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Terengganu.

10.15 pg

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 02903 iaitu mengenai Projek Hidro Elektrik Bakun yang mana telah pun disentuh sedikit tadi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Peruntukan tambahan yang diminta adalah begitu besar dan sebagaimana yang telah pun banyak diperkatkan di Dewan yang mulia ini Projek Bakun ini adalah satu projek yang menimbulkan pelbagai bentuk kontroversi dan pro dan kontranya sentiasa dibahaskan sehingga sekarang.

Kalau kita melihat kepada projek yang berjalan sekarang ataupun yang dimulakan kembali ini ianya dijangkakan akan mengambil masa antara lima hingga enam tahun dan budgetnya telah pun di'scale down, dengan izin, pada RM9 bilion. Namun demikian, projek ini adalah dianggarkan dua kali ganda daripada, dengan izin, proposed budget spending dalam konteks lebih kurang RM4.5 bilion dalam infrastruktur yang ada di negara kita. Daripada segi average spending dalam Projek Bakun ini adalah RM1.5 bilion iaitu 33% daripada perbelanjaan infrastruktur yang ada di negara kita.

Kalau kita melihat kepada sejarah Bakun ini sedikit, pada tahun 1994 projek ini telah diberikan kepada Ekran di bawah seorang manusia yang bernama Tan Sri Ting Pek Khiing. Pada tahun 1997 Ekran menghadapi masalah funding, masalah kewangan dan projek ini diserahkan kembali kepada kerajaan dan Kementerian Kewangan telah mengambil alih Projek Bakun ini dan membayar balik sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ringgit to ringgit terutamanya kepada Tan Sri Ting Pek Khiing ini dan jumlah keseluruhannya hampir RM1 bilion.

Apa yang menjadi persoalan kita difahamkan, saya ingin penjelasan projek ini telah....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat, penghayatan Yang Berhormat kepada projek Yang Berhormat boleh menjana dan membekalkan elektrik ke negara kita. Saya yakin kita sokong hasrat ataupun hati kecil Yang Berhormat perlu dibangunkan projek hidro ini supaya dapat

dibekalkan kuasa elektrik yang murah kepada rakyat Sabah dan Sarawak bukan sahaja di sini. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa belanja Projek Bakun ini 2,400 megawatt adalah lebih kurang belanja untuk membina satu janakuasa arang batu yang jumlah yang sama, kosnya lebih kurang sahaja. Tetapi kos productionnya ataupun menjana daripada air ini amat murah nanti bila dibandingkan dengan arang batu kerana membakar arang batu kena membeli arang batu, tetapi air ini free. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini projek yang baik untuk dibangunkan oleh kerajaan supaya rakyat Sabah dan Sarawak juga perlu dibela. Mereka juga perlukan satu tuntutan untuk membela cara hidup kita supaya mereka juga mendapat satu kualiti hidup yang sama dengan kita. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, daripada segi projek untuk menjana elektrik kepada rakyat memanglah kita senantiasa memberikan galakan untuk memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat tetapi dalam kes projek Bakun ini terlalu banyak persoalan besar yang perlu dijawab oleh kerajaan sendiri terutamanya terhadap manusia yang bernama Ting Pek Khiing ini sendiri. Siapakah dia Ting Pek Khiing ini terutamanya selepas beliau sendiri gagal untuk mendapatkan kewangan dalam projek ini dan kerajaan telah membayar Ringgit to Ringgit kepada Ting Pek Khiing ini.

Saya ingin penjelasan dalam Dewan ini, apakah benar dalam projek yang terbaharu ini Ting Pek Khiing sekali lagi telah diberikan satu projek ataupun mendapat tender berjumlah RM200 juta di bawah syarikat bernama Global Uphill Sdn. Berhad. Kalau ini benar bermakna suatu tindakan, suatu keputusan yang saya kira begitu teruk dilaksanakan oleh kerajaan kerana kalau kita melihat kepada prestasi dan rekod-rekod EKTRAN dahulu yang dimiliki oleh Ting Pek Khiing juga dan kemudiannya kalaulah diberikan kepada Gbbal Uphill ini sebanyak RM200 juta bermakna kita memberi kembali nyawa kepada seorang manusia yang terlalu banyak melakukan perkara-perkara yang memerlukan jawapan-jawapan yang besar di Dewan yang mulia ini. Inilah persoalan yang besar yang saya ingin kepada penjelasan, kalaulah ianya diberikan kepada Ting Pek Khiing.

Begitulah juga dalam konteks kesan dari segi ekologi terlalu banyak pandangan yang diberikan oleh NGOs dan pencinta-pencinta alam sekitar daripada segi kesan ekologi dan juga kesan daripada segi sosial. Sebagai contohnya Sahabat Alam Malaysia - mereka telah berkali-kali menyatakan bantahan mereka dan juga pandangan-pandangan yang mereka berikan secara membangun. Sebagai contohnya, mereka telah membuat kajian suatu resettlement yang dilakukan di kawasan yang bernama Asap di mana 9,000 orang penduduk telah ditempatkan semula di kawasan ini dan kajian yang dibuat oleh Sahabat Alam Malaysia mereka mendapati semua janji aw al yang diberikan untuk membela mereka yang dipindahkan ini adalah palsu.

Rumah-rumah mereka dan keadaan infrastruktur yang ada pada tempat itu amat menyedihkan. Tiada kemudahan asas malahan ramai di kalangan kanak-kanak anak-anak yang terpaksa dipindahkan ini tidak mampu ke sekolah, tidak dapat pergi ke sekolah kerana tidak ada kemudahan-kemudahan asas, kenderaan dan sebagainya untuk mereka pergi ke sekolah. Yang lebih menyedihkan lagi permasalahan kekurangan makanan food's shortage di mana tanah tempat mereka dipindahkan itu terlalu sempit dan tidak sesuai dengan kehidupan yang mereka telah lalui sebelum mereka dipindahkan.

Inilah persoalan-persoalan yang kita minta pihak kerajaan meneliti kembali perjalanan projek ini terutamanya daripada segi kepentingan penduduk-penduduk yang ada di sana...

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada seminit lagi itu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya berilah.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Oleh kerana saya sendiri telah pergi ke Sungai Asap di mana saya melihat rumah-rumah panjang yang telah dibina oleh projek ini lebih baik daripada rumah yang dahulu [Tepuk]

Jadi, ini tidak benar tetapi hanya infrastruktur seperti jalan raya itu memang keadaannya belum dibaiki oleh kerajaan tetapi kalau dibandingkan dahulu orang di Sungai Asap itu tidak ada jalan Yang Berhormat. Sekarang sudah ada jalan hanya belum ditar sahaja. Keadaan lebih baik 10 kali ganda atau 100 kali ganda lebih baik daripada yang dahulu. Terima kasih. *[Tepuk] [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, saya juga ingin penjelasan dari segi tender yang diberikan. *[Disampuk]* Saya akan jawab, saya akan jawab, apa pula takut *[Ketawa]* Saya akan jawab. Tender yang diberikan saya difahamkan ianya adalah berbentuk open tender berjumlah RM74 juta tetapi apa yang didapati oleh Global Uphill Sdn. Bhd adalah RM200 juta. Ini juga perlu kepada penjelasan.

Jadi, mengenai perubahan-perubahan yang berlaku itu saya rasakan kalaulah itu yang terbaik untuk setakat ini, terbaiklah untuk penduduk-penduduk di tempat itu tetapi kita minta supaya projek ini janganlah memberikan keuntungan kepada beberapa individu yang selama ini merupakan penyangak kepada ekonomi yang ada di negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tebrau.

10.26 pagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat Pagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk melafazkan sedikit dalam perbincangan tambahan peruntukan terutama dalam Maksud B.28 Perbendaharaan, Butiran 06000 dan juga Butiran 02000 Perkhidmatan Am B.29 juga Perbendaharaan.

Kita sebagaimana sedia maklum saya hendak menyentuh ada dua tiga perkara sahaja dalam perbincangan ini. Yang pertama, daripada segi bantuan yang kerajaan berikan kepada syarikat-syarikat swasta seperti hasil dalam negeri dan juga yang lain. Saya ingin tahulah, adakah kerajaan membuat satu dasar, penswastan ini, adakah gaji dan elaun pengerusi-pengerusi yang berkenaan itu yang diwastakan adakan ditetapkan oleh kerajaan ataupun ditetapkan oleh syarikat yang berkenaan.

Saya difahamkan pengerusi-pengerusi yang berkenaan menerima gaji yang agak besar lebih daripada gaji Perdana Menteri, kalau ianya betul. Kalau ianya betul, boleh atau tidak, dalam hal kita ini swasta swastalah, dia berjalanlah dengan sendiri. Lepas kerajaan beri bantuan tetapi gaji dia ini kerajaan tidak ada kuasa atau elaun kepada pengerusi yang berkenaan. Boleh tidak kerajaan buat satu dasar yang diputuskan oleh kerajaan bahawa setiap pengerusi yang memegang jawatan di syarikat-syarikat yang diwastakan oleh kerajaan itu dikawal oleh kerajaan, dia tetapkan. Sebab, kalau tidak nanti perbelanjaan dia ini tidak dikawal oleh kerajaan. Bila ada masalah timbul kerajaan akan beri bantuan.

Jadi, dalam jawatan pengerusi-pengerusi eksekutif ini kerajaan jadikan satu dasar supaya perbelanjaan-perbelanjaan itu dapat dikawal oleh pihak kerajaan dan tidak mendatangkan masalah kemudian hari, supaya perbelanjaan apa juga yang hendak dibuat mesti mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Sebab apa saya bercakap demikian, kita hendak jugalah selain daripada kita beri bantuan memanglah kerajaan berhasrat untuk syarikat-syarikat berjalan dengan maju demi kepentingan kepada rakyat tetapi dalam hal-hal perbelanjaan, kerajaan juga patut mengambil perhatian yang serius supaya tidak dibelanjakan dengan sewenang-sewenangnya.

Sehubungan dengan itu jugalah perkhidmatan yang dibuat oleh syarikat berkenaan hendaklah betul-betul memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat supaya rakyat tidak dibebankan dengan cukai, dengan pembayaran-pembayaran tertentu selepas diwastakan dan selepas itu kita juga memberikan bantuan kepada syarikat yang berkenaan.

Jadi, saya ingat sudah sampai masanyalah kerajaan mengambil perhatian yang serius dalam menentukan segala elaun dan bayaran-bayaran kepada pegawai-pegawai eksekutif supaya tidak terlampau tinggi, kalau ianya betul. Tetapi saya difahamkan memang besar elaun kepada pegawai-pegawai eksekutif yang berkenaan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, tidak boleh tengok orang senanglah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tambah sedikitlah, terima kasih. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pengerusi-pengerusi badan-badan syarikat yang diwastakan ini untuk mengelak mereka dari menyimpang daripada pengurusan. Umpamanya, pengerusi-pengerusi eksekutif ini dihapuskan dan dilantik hanya pengerusi non executive di kalangan tokoh-tokoh orang politik, Ahli-ahli Parlimen seperti yang dibuat oleh Tenaga Nasional. Minta pandangan daripada Yang Berhormat supaya tidak ada lagi pengerusi eksekutif full time diberi kepada tokoh-tokoh tertentu secara non-executive, dengan izin, supaya mereka lebih faham, lebih tahu seperti yang dilakukan oleh kerajaan ke atas Tenaga Nasional. Minta sedikit pandangan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut yang telah pun memberi pandangan dan cadangan yang baik tetapi jangan langsung tidak ada elaun atau gaji. Tidak ada pula siapa hendak kerja tidak ada elaun tidak ada gajilah. *[Ketawa]* Ada cuma kalau boleh kita kawal dan saya setuju pandangannya yang baik kerana saya tahu Yang Berhormat bagi Larut ini kalau dia berucap sebelah pagi dia baik sedikit

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sambung sedikit boleh, sedikit sahaja. Maksud saya tadi bukan tidak ada elaun – ada. Jangan suruh orang itu pegang sampai 20, 30 anak syarikat. *[Disampuk]* Kita terbuka, jadi pembangkang pun janganlah terus-terus tiba – kalau mereka pegang pun ambil satu sahaja elaun.....

Seorang Ahli: Paling banyak dua.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...ha, jadi beri peluang kepada orang lain baru terbuka, transparence baru kita boleh check and balance, dengan izin, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Ini yang bagus.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tengok sebagai contoh macam Petronas

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat yang berucapakah atau saya yang berucap ini....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, saya minta sedikit penjelasan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Larut, larut.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:banyak sangat okaylah.

Tuan Pengerusi: Kalau duduk jangan bangun semula ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yalah, Tuan Pengerusi. Minta maaf saya tertengok dia pula patutnya tengok Tuan Pengerusi. Minta maaf Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Memang orang daripada parti Barisan Nasional dia baik, dia tidak kira. Mana untuk kebaikan dia akan menegur. Ha, ini kita tidak hentam melulu. Tahniah kepada Larut dan saya setuju kalau boleh apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut itu dapat diberi perhatian oleh kerajaan. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, lagi seorang kacau.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak kacau, hendak bantu Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okay, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Untuk penjelasan Tuan Pengerusi, saranan Yang Berhormat bagi Tebrau. Dalam syarikat-syarikat kerajaan, agens-agensi kerajaan supaya ada mereka yang menduduki

Lembaga Pengarah mewakili rakyat supaya dapat dilaksanakan corporate governance, transparency. Ini kita mengucapkan syabas. Kadang-kadang sebelah sana menuduh membawa sesuatu yang tidak benar tetapi yang sebenarnya dia menghayati juga isu ini tetapi apabila kita cakap dia tidak mahu sokong.

Macam di Terengganu sebagai contoh, semua anak syarikat kerajaan dipengerusikan oleh exco-exco kerajaan negeri. Adakah Yang Berhormat tahu tentang perkara ini? Maknanya, mereka ini menghayati juga. Maknanya, kalau mereka pergi keluar negara, kalau dahulu exco-exco kerajaan negeri mereka dapat duduk mengawasi syarikat itu. Kadang-kadang mereka keluarlah negara, melawat tetapi kalau sebelah sini pergi dia mengata tetapi kalau sebelah sana pergi dia senyap sahaja. Hendak minta pandangan Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Itu memang pandangan yang baik pagi-pagi ini. Itu saya sudah kata pembangkang ini dia memang tidak ada kerja lainlah, mana yang okay tidak ada masalah kepada dia. Mana yang tidak okay walaupun betul, dia tidak akan setuju. Ini apa kita hendak buat. Sudah nama pembangkang kerja dia bangkanglah walaupun betul ataupun tidak betul. Itulah dinamakan pembangkang kalau tidak bukan pembangkang.

Seorang Ahli: Ini khutbah apa pagi-pagi ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Pengerusi, saya sudah cakap tadi saya ambil perkara berhubung dengan masalah yang timbul. Jadi, saya tidak hendak berucap panjang. Sebagai Ahli Parlimen yang mempunyai pandangan yang baik untuk rakan-rakan lain yang berucap *[Tepuk]* Saya dengan ini menutup ucapan saya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ramai sangat yang hendak ucap. Bagaimana ya. Bukit Mertajam, Bukit Mertajam.....

Puan Chong Eng: Terima kasih,

Tuan Pengerusi: Saya hendak kena hadkan janganlah ramai sangat kerana kita ada sehari sahaja esok. *[Disampuk]* Ya, ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan berkenaan dengan Maksud B.29 di bawah Butiran 02000 – Bayaran dan Pemberian; Butiran 021100 memberi bantuan kewangan sebanyak RM50 juta kepada Indah Water Konsortium Sdn. Berhad untuk meneruskan operasinya.

Projek penswastaan IWK ini merupakan satu kegagalan. Ini semua telah setuju. Kegagalan IWK bukan sahaja mengakibatkan kerugian kewangan rakyat tetapi juga melambatkan penyediaan infrastruktur pembetungan di seluruh negara. Ini adalah masalah yang lebih penting. Salah satu contoh ialah di Pulau Pinang di mana Pulau Pinang merupakan satu negeri yang begitu maju dan kita berbangga dengan KOMTAR, berbangga dengan jambatan Pulau Pinang dan juga berbangga dengan jambatan yang kedua yang juga mengadakan terowong di dalam laut tetapi di bandar Georgetown tidak ada loji rawatan najis. Semua najis dimasukkan terus ke laut pada zaman ini juga.

Pembangkang bangkang ialah kerana ketidakseimbangan dalam peruntukan kewangan dan bukan dikatakan semata-mata membangkang. Kita membangkang kerana ada sebabnya. *[Disampuk]* Bukankah lebih penting kita adakan loji rawatan berbanding dengan jambatan ataupun berbanding dengan KOMTAR ataupun berbanding dengan adanya Samak Aquaculture. Itulah dan sebenarnya projek loji rawatan kumbahan di Georgetown ataupun di Jelutong sepatutnya sudah patut dibina, sudah lama pada dekad yang lalu tetapi sampai hari ini tidak dibuat. Bilakah ia akan dibuat? Bilakah kita merupakan sebuah negara yang kita katakan hendak masuk era ekonomi, era ICT tetapi tidak ada loji rawatan najis di Georgetown Di mana bandar lagi yang kekurangan infrastruktur seperti ini? Itulah sebabnya ada wabak penyakit seperti Kolera di Pulau Pinang dan di mana-mana tempat yang lain.

Saya juga tidak sokong untuk memberi peruntukan sebanyak RM30 juta kepada Samak Aquaculture. Samak Aquaculture juga merupakan satu kegagalan. Sudah berapa tahun operasinya telah gagal untuk break event. Kalau ini adalah sebuah syarikat swasta, memang telah lama ditutup, gulung tikar.

Pada sesi Dewan yang lalu, iaitu empat bulan yang lalu baru diberi RM10 juta, sekarang diberi RM30 juta. Bolehkah kerajaan memberi penerangan, bilakah kita tidak perlu beri peruntukan kepada syarikat ini lagi. Siapakah pemegang-pemegang saham kepada syarikat ini. Saya difahamkan bahawa kerajaan perlu memberi ganti rugi kepada partnernya iaitu sebuah syarikat Arab kerana tidak berhenti hendak menjadi pemegang ataupun partner di dalam syarikat ini.

Kita perlu cut losses dan menggunakan wang ini untuk membuat loji rawatan najis, untuk mengadakan dan membuat rumah-rumah kos rendah. Mula-mula kita memberikan begitu banyak peruntukan di dalam belanjawan tambahan ini. 99.1% diberikan kepada perdagangan dan perindustrian dan siapakah beneficiary nya, kebanyakannya ialah syarikat-syarikat swasta dan siapakah yang mempunyai syarikat-syarikat ini. Mereka adalah lelaki, bumiputera dan segolongan sahaja boleh dikira dengan jari. Begitu banyak wang digunakan untuk beberapa orang individu dan kita nampak bahawa yang dikatakan ini boleh sokong.

Saya tidak sokong. Saya tidak boleh sokong pemberian ini. Kita pembangkang memang telah dan ramai orang lagi sudah dari awal-awalnya telah bangkang adakan projek Samak Aquaculture ini. Dari awal-awal lagi pembangkang memang telah bangkang penswastaaan IWK dan juga urusan sisa pepejal oleh Syarikat Alam Flora dan Southern Waste Management. Itu memang dari awal-awal dikatakan ini tidak viable tetapi dijalankan juga. Itulah yang dikatakan kerajaan tidak mendengar kepada pembangkang dan tidak menghormati suara-suara melainkan kerajaan. [Tepuk]

Inilah hari ini kita semua mesti memikul kerugian. Bukan sahaja kerugian tetapi juga rugi dari segi ada basic infrastructure tidak disediakan.

Dari segi ini saya hendak mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih bijak kerana tidak mengenakan Northern Waste Management Company untuk mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sampai hari ini kerana DAP di Pulau Pinang membangkangnya. Itu adalah satu contoh bahawa pandangan-pandangan pembangkang ada baiknya dan selalu ada sebabnya dan bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat 'Terbau' ...[Ketawa]

Beberapa Ahli: Tebrau, Tebraulah.

Puan Chong Eng: 'Terbau'..[Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tebrau – kerbau...[Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Itu dia kena betulkan.

Puan Chong Eng: Pembangkang hanya membangkang...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, kawasan saya itu baik-baik sebut ya.

Puan Chong Eng: 'Terbau' [Ketawa]

Seorang Ahli: 'Terbau' lagi, tidak betul lagi. [Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tak, Yang Berhormat...apa bunyi. Ini Tebrau. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya...ya...tidak apalah.

Puan Chong Eng: Itu tidak penting, yang penting ialah apakah isi kandungan ucapannya. [Sorak]

Tuan Pengerusi: Ya...ya..Yang Berhormat, kalau bunga ros itu nama lain pun cantik juga. [Ketawa]

Puan Chong Eng: Jadi, yang penting kalau kita hendak mengadakan satu demokrasi yang matang, bukan sahaja pembangkang mesti bertanggungjawab tetapi pihak pemerintah pun mesti matang untuk mengambil ataupun menerima teguran dan juga pandangan yang bernas daripada pihak pembangkang. Itulah masalah dengan Kerajaan Barisan Nasional selalu memandang pandangan dari pihak ini sebagai tidak mencintai negara....

Tuan Pengerusi: Ya..Sri Gading bangun Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat hendak habis dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Bukit Mertajam. Kerajaan bukan tidak menghormati suara pembangkang. Macam apa yang Yang Berhormat Bukit Mertajam kata Indah Water yang gagal, kita bersetuju. Indah Water kena memberikan perkhidmatannya yang baik, kita setuju. Cuma soalnya kadang-kadang parti pembangkang dia pembohong, memutar belit, itu yang kita tidak terima.

Puan Chong Eng: Cukup, cukup. Itu bukan pertanyaan, okay.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan ya.

Puan Chong Eng: Jadi, yang saya hendak mendapat penjelasan dari pihak kementerian bilakah loji rawatan di Jelutong akan dibina, yang pertama. Yang kedua, bilakah kita akan buat keputusan dengan Syarikat Samak Aquaculture ini. Adakah kita akan terus beri wang sahaja. Yang ini untuk siapa? Dan yang ketiga, bilakah pengurusan sisa pepejal Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. dan juga Syarikat Southern Waste Management Sdn. Bhd., bolehkah pihak kementerian beri Dewan ini satu laporan mengenai syarikat-syarikat ini. Bilakah jangkaan syarikat-syarikat ini boleh berdikari, boleh membuat keuntungan dan tidak perlu bantuan kewangan daripada kerajaan lagi. Sekiranya dalam 10 tahun yang akan datang pun tidak dapat mengurus diri sendiri, berdikari, apakah keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Serdang. Selepas itu saya hendak minta seorang sahaja lagi berucap ya. Mintalah mengatur sesama sendiri. Seorang sahaja lagi selepas daripada itu.

10.43 pg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh tentang P.29 Perkhidmatan dan Perbendaharaan sebanyak \$50 juta sebagai bantuan kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. untuk mengurus operasinya. Apa yang dikatakan oleh rakyat jelata tidak mendengar parti pembangkang terhadap tohmahan-tohmahan yang diberi di dalam Dewan ini, maka pihak Barisan Nasional menang semula dalam Dewan ini. Kalau rakyat tidak ada mendengar apa yang dikatakan oleh parti pembangkang, maka kita akan hancur dan huru-hara pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, IWK ditubuhkan dan diberi tanggungjawab untuk menguruskan penyelenggaraan sistem pemetungan di negara kita ini. Urusan ini penting untuk meningkatkan lagi kualiti alam sekitar dan juga untuk memberi satu sistem pemetungan yang lebih sempurna. Beberapa tahun ini oleh kerana pertukaran pengurusan oleh syarikat tersebut, maka kelemahan berlaku, maka diambil alih di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan.

Dengan demikian, pihak kerajaan perlu memberi satu penjelasan cara mana untuk meningkatkan pengurusan IWK pada masa yang akan datang untuk meneruskan pengurusan untuk meningkatkan lagi sistem pemetungan di negara kita ini dan cara mana untuk membetulkan kelemahan-kelemahan pengurusan dahulu di mana telah menimbulkan tidak puas hati orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberi sepanjang masa ini kerana sistem pemetungan begitu penting untuk negara kita, maka pihak kerajaan perlu mengambil serius terhadap cara-cara untuk menguruskan sistem pemetungan pada masa akan datang di mana pengurusan IWK sekarang adalah di bawah kementerian supaya dapat meyakinkan balik rakyat terhadap perkhidmatan pemetungan yang dijalankan pada masa kini.

Tuan Pengerusi, IWK pernah dikatakan lebih daripada 50% loji-loji rawatan kumbahan yang di bawahnya tidak selaras dengan standard atau kerana kelengkapan itu tidak begitu memuaskan menjadikan masalah hendaklah dibaiki tetapi sampai kini masih terdapat rayuan-rayuan atau aduan-aduan daripada orang ramai melalui mass media bahawa loji-loji sentiasa berbau busuk dan juga air kotor sentiasa melimpah keluar daripada loji.

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa IWK diambil alih oleh kerajaan, kerajaan telah terpaksa membayar sebanyak RM192.5 juta untuk

penswastaaan syarikat ini sebab sekarang kerajaan akan menambah bekalan RM50 juta. Ini bermakna kerajaan terpaksa membayar RM242.54 juta kepada syarikat ini. Inilah satu beban kepada rakyat. Adakah Yang Berhormat sedar ini?

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, semasa kerajaan mengambil alih pengurusan IWK, memang mengambil kira kelemahan-kelemahan atau kewangan yang dihadapi oleh syarikat itu. Pegawai-pegawai yang pakar untuk menganalisa syarikat tersebut perlu mengambil kira, kerajaan terpaksa mengeluarkan kewangan untuk membantu supaya operasinya diteruskan kerana sistem pembedaan di negara adalah penting. Kalau terputuslah perkhidmatan tersebut, bukan parti pembangkang rasa, orang ramai akan merasa kepahitannya. Maka, itulah sebabnya kerajaan serius untuk mengambil alih urusan untuk mengatasi masalah-masalah lampau di mana akan membetulkan kelemahan itu.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu, apa yang saya katakan tadi, oleh kerana lebih 50% loji-loji rawatan kumbahan yang tidak lengkap dan mesti dibaiki, maka walaupun demikian, komitmen yang diberikan oleh syarikat tersebut masih terdapat rayuan-rayuan atau aduan-aduan daripada orang ramai di mana loji sentiasa tidak berfungsi, di mana berbau busuk kerana air kotor melimpah, menjadikan masalah kepada orang ramai. Maka itulah, perkara ini hendaklah diambil kira.

Pengurusan baru IWK kini mesti mengambil kira terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat sebab sistem pembedaan yang begitu rapat dengan rakyat. Kalau masalah yang dihadapi oleh rakyat, maka terjejaslah kerajaan dan juga mungkin oleh hasutan-hasutan dari pihak yang tertentu, maka undi akan hilang. Ini satu hakikat, kenyataan yang hendaklah diambil kira. Maka itu sebab saya mintalah pihak pengurusan baru ini sentiasa mengambil tindakan terhadap cara mana untuk membetulkan kelengkapan kemudahan ke atas loji-loji yang masih belum dapat sempurna lagi.

Tuan Pengerusi, salah satu masalah saya hadapi di kawasan itu ialah Taman Sri Timah di Balakong. Taman perumahan ini diluluskan oleh kerajaan negeri di bawah skim perumahan pekerja-pekerja lombong supaya memberi jaminan kepada bekas-bekas pekerja lombong supaya mereka dapat perumahan seperti mana yang dikomited oleh kerajaan. Taman Sri Timah merupakan yang pertama yang diwujudkan sebagai perumahan kepada bekas pekerja-pekerja lombong di kawasan Balakong ini tetapi oleh kerana pembinaan rumah ini bukan melalui pemaju, hanya melalui pemborong untuk membina rumah, maka loji rawatan kumbahan yang dibina oleh pemborong itu tidak berfungsi beberapa lama, penduduk di 441 unit rumah ini menderita. Saya minta pihak Jabatan Pembedaan Negara dan IWK untuk memberi pertolongan tetapi pegawai tidak buat apa-apa kerana lojinya masih belum di bawah senarai penyelenggaraan.

Walau bagaimanapun, ini skim sosial. Tidak ada pemaju. Kalau tidak ada bantuan daripada pihak kerajaan dan IWK siapa akan beri pertolongan. Rakyat berbilang bangsa di situ rasa bimbang. Pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, MIC tempatan telah merayu dan saya sendiri melawat ke kawasan itu mintalah bantuan supaya membaikpulihkan loji tersebut untuk berfungsi, elakkan berbau busuk, elakkan menjejaskan kesihatan di tempat tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis ya.

Dato' Yap Pian Hon: Ha?

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah habis ya.

Dato' Yap Pian Hon: Saya ada sekejap lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, jadi seorang sahajalah ya. Sudah habis dah Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, saya minta....

Dato' Yap Pian Hon: Boleh saya gulung sedikit, sekejap, boleh saya gulung sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Yap Pian Hon: Gulung, menggulungkan. Satu minit untuk menggulungkan.

Tuan Pengerusi, dengan demikian itu saya mintalah kerjasama dan saya meminta pihak IWK untuk mengkaji semula keputusan untuk melantik 10 syarikat untuk menjalankan kutipan tunggakan tersebut. Ini mungkin dijadikan satu masalah di mana mungkin ada orang awam yang menyamar sebagai wakil syarikat untuk datang ke rumah dan mengutip tunggakan itu akan dijadikan rompak. Ini satu masalah yang hendaklah ditimbang di mana kita harap masalah ini dapat dirasional untuk menjalankan kutipan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, seorang sahaja saya minta. Seorang daripada Yang Berhormat semua ya. Saya tidak tahu ini, ada tiga orang ini. Saya hendak minta beri seorang sahaja.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Sarawak ni.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Beri lima minit seorang.

Tuan Pengerusi: Ya lima minit seorang. Ya, baiklah gitu. Jikalau lima minit seorang, maknanya ramai lagi yang bangun ya. 30 minit dah ya. Saya hendak beri dua orang sahaja lagi – lima minit ya. Saya ingat Jerlun yang minta ya, Jerlun dia minta ya. Jerlun minta ya. Sila, sila Jerlun. Jerlun lima minit Jerlun! Lepas itu daripada DAP seorang ya, lima minit sahaja. Ya, Tanjong.

10.54 pg.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya mengambil bahagian khusus untuk membincangkan tentang Maksud P.28 Perbendaharaan, Butiran 02904. Peruntukan sebanyak RM 20 juta adalah dikehendaki bagi menampung segala tanggungan bayaran dan kos operasi projek ternakan udang oleh Samak Aquaculture.

Dalam urusan hendak meluluskan sesuatu peruntukan yang diminta itu, tentulah ada perkara-perkara yang dikemukakan oleh pihak yang meminta. Maka, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah jumlah RM 20 juta itu hendak digunakan kerana sesungguhnya Projek Udang Kerpan di Kedah itu, memang dalam kawasan Parlimen Jerlun, kawasan saya, perbincangan boleh dikatakan sudah selesai antara kedua belah pihak yang terlibat bersengketa lebih kurang 7 tahun. Ke arah penyelesaian yang sesungguhnya dan projek itu dapat berjalan dengan baik dan licin ialah apa yang diperlukan komitmen sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri Kedah dalam menyelesaikan pembayaran pampasan kepada para petani yang terlibat tanah mereka diambil bagi projek tersebut dengan sepenuhnya tanpa ada sebarang karenah birokrasi yang menyulitkan kepada pihak yang terlibat, seramai lebih kurang 1,271 orang.

Bila mana projek itu berjalan dengan baik dan boleh menghasilkan udang harimau seperti mana yang dicita-citakan sudah tentulah boleh dieksport ke luar negeri dan mendapat tukaran wang asing di bawa masuk ke dalam negara kita. Di samping itu, boleh memberi peluang pekerjaan kepada sekian ramai rakyat khususnya di negeri Kedah, di sekitar kawasan Jerlun terutama sekali.

Saya mewakili rakyat Jerlun amnya dan para petani yang terlibat khususnya, yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk Projek Udang Harimau di Kerpan itu mengharapkan agar kesungguhan dan keikhlasan Menteri Besar Kedah sekarang ini melebihi daripada menteri besar-menteri besar yang lalu dalam menyelesaikan masalah yang berlarutan sangat lama ini demi faedah bersama supaya rakyat yang kais pagi makan tengah hari, dan kais petang makan malam itu tidak dinafikan hak mereka dan seterusnya dilayan dengan adil lagi saksama tanpa mengira fahaman politik masing-masing. Kalau tidak, maka tunggulah pilihan raya 2003 atau 2004 nanti. Rakyat akan tukar kepada Menteri Besar daripada PAS pula, insya-Allah.

Akhir sekali, saya mengharapkan agar bila mana diluluskan RM 20 juta itu dapat diselesaikan segera antara kedua-dua pihak yang terlibat dan diharapkan agar nama baik negara kita dapat dipulihkan balik sekurang-kurangnya di kalangan pelabur-

pelabur Timur Tengah yang sebenarnya banyak terjejas dua, tiga tahun akhir-akhir ini – supaya dapat dipulihkan dengan sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong.

10.58 pg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 02908 iaitu Malaysia Venture Capital Management Berhad di mana RM500 juta telah diperuntukkan sebagai sumber alternatif pembiayaan modal khususnya bagi bidang Information, Communication Technology.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia yang mempelopori penubuhan MSC mahu menjadikan Cyberjaya sebagai Silicon Valley tetapi selepas 5 tahun pembinaan dijalankan, mimpi untuk mewujudkan *cyber paradise* dengan *domestic start-up*, dengan izin, tetapi sejauh manakah pencapaian dari segi penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam melibatkan diri ataupun dalam memulakan *domestic start-up* ini.

Saya ingin tahu bagaimana melalui Venture Capital Management Berhad ini dapat menggunakan RM500 juta ini untuk membantu syarikat-syarikat tempatan khususnya untuk memulakan *start-up* dalam bidang ICT. Dengan kelembapan ekonomi dunia dan juga ekoran Dotcom crash baru-baru ini, didapati syarikat-syarikat Malaysia masih enggan memulakan operasi di Cyberjaya yang kini diberi nama yang lain – Siberia, kerana nampaknya sudah banyak kegiatan di Cyberjaya.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas kajian ataupun penemuan yang dibuat oleh Mc Kanzie and Company yang juga dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, di mana Mc Kanzie berpendapat bahawa MSC di Malaysia ini memulakan revamping ataupun rethinking dan juga scaling down impian MSC? Mc Kanzie berpendapat bahawa walaupun syarikat-syarikat asing telah bertapak di Cyberjaya tetapi mereka nampaknya tidak banyak melabur selain daripada membuka ibu pejabat di Cyberjaya. Dan setakat mana syarikat-syarikat tempatan telah bertapak di Cyberjaya? Mengikut laporan-laporan bahawa syarikat-syarikat tempatan pun tidak berminat untuk relocate di Cyberjaya. Walaupun banyak syarikat tempatan telah diberikan status MSC yang memerlukan mereka beroperasi dari Cyberjaya tetapi nampaknya mereka enggan berbuat demikian.

Mc Kanzie and Company juga memberi pandangan bahawa MSC tidak banyak menarik interest daripada syarikat-syarikat teknologi berubah ataupun telah begitu banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan the level of employment bagi pekerja-pekerja dalam bidang ini pun tidak begitu significant.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Sehubungan dengan itu, saya amatlah berpendapat bahawa Perdana Menteri telah mengambil satu sikap yang betul di mana beliau telah mengakui bahawa impact MSC kepada ekonomi Malaysia masih belum mencapai kejayaan yang diharapkan dan beliau berharap lebih banyak boleh dibuat dari segi ini. Jadi, dengan peruntukan RM500 juta ini, saya berharap bahawa khususnya syarikat-syarikat tempatan yang berminat dalam bidang ICT ini dapat memulakan domestic start-up untuk menceburi dalam bidang ini. Dan sehubungan ini saya ingin tahu adakah kerajaan akan menilai semula dasar yang memastikan syarikat-syarikat yang diberikan taraf MSC ini perlu beroperasi dari Cyberjaya ataupun diberi kelonggaran bahawa mereka boleh beroperasi dari Kuala Lumpur ataupun Petaling Jaya dan lain-lain tempat?

Pembangunan multimedia MDC telah berkata bahawa mereka telah berjaya mendaftarkan 540 syarikat yang berstatus MSC tetapi saya ingin tahu berapakah syarikat ini telah mula beroperasi di Cyberjaya? Dan kalau tidak beroperasi, apakah sebabnya mereka enggan beroperasi di Cyberjaya? Dan bagaimana MDC dan kerajaan khususnya akan dapat menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat asing dan juga syarikat-syarikat tempatan mula beroperasi di Cyberjaya supaya Cyberjaya tidak menjadi Siberia?

Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila.

11.04 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Bismillahir Rahmanir Rahim.

Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin menjawab beberapa isu yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen Yang Berhormat iaitu yang Bagan, Beluran, Tumpat, Gelang Patah, Kepong, Pendang, Kuala Terengganu, 'Terbau [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau. Ha, itu Bukit Mertajam sahaja, dia ada sebutan lain ya Tebrau, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya sengaja Tuan Pengerusi, kerana tadi nama ini telah disalah pronounce oleh Bukit Mertajam.

Jadi, lepas itu Bukit Mertajam, Serdang dan akhir sekali Jerlun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong akhir sekali.

Tuan Hashim bin Ismail: Oh ya, Tanjong. Sorry Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin menjawab tentang soalan Yang Berhormat Bagan yang menyentuh tentang isu Samak Aquaculture Sendirian Berhad di Kedah dan di samping itu ramai lagi yang menyentuh soalan ini, iaitu Jerlun, Pendang dan beberapa yang lain, yang saya tidak dapat sebutkan di sini. Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah bertanya selepas diambil alih berupa ekuiti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan isu ini, setelah diambil alih oleh kita daripada Syarikat Ben Laden, ekuiti syarikat ialah seperti berikut: Kerajaan Persekutuan – 60%; Kerajaan Negeri Kedah – 40%. Setakat ini Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang sama ada telah memberi hasil, sama ada untung ataupun rugi. Dan saya ingin rangkumkan jawapan ini pada persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat ertinya selepas ini saya tidak perlu lagi menyentuh isu yang sama.

Setakat ini 35 buah kolam telah dipulihkan dan sedang diusahakan. Hasil pertama dijangka diperolehi pada akhir bulan Oktober 2001. Ini berdasarkan unjuran syarikat bahawa sebuah kolam dijangka memberi keuntungan kira-kira RM40,000.

Dari segi pampasan tanah, Yang Berhormat Bagan ada membangkitkan isu ini, di samping Jerlun dan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang dan beberapa yang lain, setakat ini masalah pampasan tanah telah selesai. Bayaran kepada tuan tanah sedang dibuat iaitu RM29,000 serelung atau RM40,780 seekar. Ertinya proses penyelesaian pampasan tanah ini sedang berjalan dengan lancar dan setakat ini tidak ada masalah yang timbul daripada projek ini.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Bukit Mertajam minta penjelasan Yang Berhormat, sila.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, projek akuakultur ini telah dijalankan agak banyak tahun dan sampai hari ini kalau saya dapat jawapan dari Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dengan betul, bahawa masih belum ada hasil lagi. Adakah kementerian telah membuat kajian kalau sebuah akuakultur dalam urusan yang sama, perniagaan yang sama diuruskan oleh pihak swasta, apakah perbezaannya?

Saya dapati bahawa Samak akuakultur ini adalah di Kerpan, Kedah. Di Pulau Pinang ada banyak juga yang membela udang galah ini, dan mereka membuat keuntungan yang banyak. Ini adalah pihak swasta. Dan bagaimana projek kerajaan selalunya membuat kerugian, tidak boleh bersaing dengan pihak swasta. Dan juga kalau dari segi cost effectiveness sudah berapa pelaburan telah dimasukkan dalam projek ini? Dan juga dalam prinsip business, adakah ianya viable dan apakah sebabnya selalunya projek kerajaan tidak boleh berjaya?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang apabila kerajaan bercadang untuk melibatkan diri dalam venture ini, ertinya kita telah mengambil kira dari segi untung ruginya, dan ingin saya katakan bahawa projek ini adalah satu projek yang viable, menguntungkan. Misalnya kalau boleh saya katakan, Yang Berhormat, tadi saya katakan satu kolam boleh dapat harvest ataupun hasilnya RM40,000 dan kita boleh menggunakannya selama dua kali ertinya setahun kita boleh buat dua kali harvest, ertinya satu kolam sahaja boleh menghasilkan RM80,000. Kesemua sekali kita ada 226 kolam. Akhirnya 226 kolam akan beroperasi dan setakat ini secara stages, secara berperingkat-peringkat, 35 kolam yang akan beroperasi dan unjuran kita bahawa projek ini amat viable, menguntungkan. Maka dengan itulah kerajaan terjun dalam venture ini untuk bersama-sama meraih keuntungan dengan menggalakkan swasta yang lain.

Jadi, saya rasa kita telah membuat kajian unjuran teliti dari segi semua aspek dan kita dapati projek ini menguntungkan, kerana itulah kerajaan berani menceburkan diri dalam business ini ataupun projek venture ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri, hen dak beri kepada siapa Yang Berhormat? Ya Jerlun.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih di atas penjelasan Setiausaha Parlimen. Boleh atau tidak kerajaan memberi jaminan bahawa kalau sesi Parlimen yang lepas kita meluluskan RM10 juta untuk projek ini dan kali ini minta diluluskan pula RM30 juta, setelah ini tidak akan ada lagi permohonan yang seumpama ini untuk meneruskan projek Samak? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: InsyaAllah, Yang Berhormat Jerlun, apabila kita telah dapat hasilnya nanti, dan syarikat ini telah boleh berdikari, hasil daripada harvest yang kita perolehi, insyaAllah kita memang mahu mengelakkan supaya kita datang semula ke sini untuk mendapatkan bantuan tambahan.

Jadi, setakat ini Yang Berhormat Jerlun, saya hendak memberi jaminan 100% tidak bolehlah, tetapi saya rasa insyaAllah, dengan izin Allah kita tidak akan datang ke sini lagi untuk menyusahkan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam bangun lagi, hendak beri jalan atau tidak beri jalan, Yang Berhormat? Dua orang, Pendang pun.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya beri kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pendang dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen.

Saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan bahawa saham Kerajaan Pusat 60% dan kerajaan negeri 40%. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan Pusat telah membeli ekuiti yang dimiliki oleh Syarikat Ben Laden yang sebelum ini melabur sebanyak 60%? Dan jika itu benar bermakna bahawa tidak ada lagi pihak swasta yang terlibat dalam projek ternakan udang di Kerpan ini. Dan saya ingin juga tahu berapa banyak wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk membeli balik saham yang dimiliki oleh Syarikat Ben Laden dari Arab Saudi?

Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Memang benar, kita terpaksa mengambil alih daripada Syarikat Ben Laden apabila Syarikat Ben Laden sebenarnya gagal kerana masalah pengurusan dan masalah dalaman. Jadi kerana itu maka projek ini tidak dapat diteruskan oleh syarikat tersebut, kerana itu kerajaan rasa lebih baik kerajaan ambil alih usaha ini.

Dan untuk soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua, iaitu kerajaan membeli semula dengan harga RM19.5 juta dalam bentuk saham iaitu RM39 juta saham yang berharga 50 sen se saham. Ertinya kita beli, kita ambil alih dengan bayaran RM19.5 juta dan sekarang ini apabila diambil alih oleh kerajaan, kita telah memulakan operasi dan kita akan meneruskan projek ini sehingga ianya mendatangkan faedah keuntungan kepada kerajaan.

Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang lagi yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Hashim bin Ismail: Kalau macam ini, banyak lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan cakap macam itu, kalau hendak beri jalan, beri. Kalau tidak beri jalan, cakap tidak beri.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya teruskan dahulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak teruskan dahulu, Yang Berhormat. Dia tidak beri, dia hendak teruskan.

Tuan Hashim bin Ismail: Bukan saya tidak mahu beri jalan, saya selalu murah hati, saya akan beri, tetapi oleh kerana masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak tahulah saya, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Kerana masa begitu cemburu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak berilah itu maknanya. Teruskan, teruskan.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya. Yang Berhormat bagi Bagan juga ada menyentuh tentang LHDN menghantar pegawai-pegawai ke kedai-kedai dan premis-premis perniagaan untuk menyiasat akaun mereka dan Yang Berhormat kata ini tidak profesional.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hendak tanya soalan Kerpan, undang kerpan ini. Nanti sudah lari dah, susah hendak jawab pula. Ia tidak.

Tuan Hashim bin Ismail: Sudah banyak dah, apa lagi yang saya perlu jelaskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak beri. Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Berilah sedikit, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak beri, cakap tidak berilah, Yang Berhormat, senang saya beri keputusan.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay, Jeli, saya beri kawan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Jeli, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Mengenai projek undang harimau, ternakan undang harimau di Kerpan yang mana kita ingat kembali bahawa di dalam keghairahan beberapa kerajaan negeri hendak melaksanakan projek projek komersial, maka akta pengambilan balik telah dipinda pada ketika itu untuk membolehkan kerajaan negeri mengambil balik dan acquire tanah ini dan diberikan kepada swasta untuk memajukan. Dan salah satunya adalah tanah di Kerpan untuk projek ternakan undang harimau. Tetapi Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat pantau dan semak kerana saya perhatikan bahawa seawalnya lagi bahawa projek ini sudah tidak mendatangkan pulangan, walaupun Ben Laden sudah membelanjakan sebegitu banyak dan ianya tidak mendatangkan pulangan yang baik, yang menguntungkan kerajaan, tambahan pula konsultan yang terlibat bagi syarikat Samak Aquaculture ini, konsultan itu sendiri pun di Thailand gagal dari sudut melaksanakan projek ini di Thailand. Mereka berjaya untuk tempoh tertentu, tetapi selepas itu mereka tidak berjaya lagi. Jadi, minta pihak kerajaan semak dan siasat hal ini. Kerana apa? Saya bimbang dalam kes ini orang kampung masih tidak izin tanah tersebut diambil. Sampai sekarang mereka masih berdoa sehingga timbul satu kes, seorang pemuda telah diberi nama jolokan istimewa "Azmi Mandela Kerpan".

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasan Yang Berhormat itu panjang. Bunyi Jerlun tadi bersetuju kawasan dia. Janganlah begitu. Ya, sila jawab.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, Jerlun, dia tidak ada halangan, ini kawasan dia ini. Ini Jeli pula yang ... [Ketawa] yang lebih gempak daripada Jerlun ini. Tidak faham.

Tetapi Yang Berhormat Jeli, kita telah mengambil kira dari semua aspek seperti yang saya katakan tadi, dari segi kesesuaian tanahnya, airnya, kepakarannya dan risiko untuk rugi itu adalah kecil. Kita beroperasi lebih daripada satu kilometer ke laut, ertinya pencemaran air mungkin tidak begitu teruk di kawasan tersebut dan kita engage pakar yang benar-benar tahu dan arif tentang perkara ini. Bukan kita terjun dalam sebuah business tanpa mengambil kira semua perkara ini, kita hendak untung, semua business hendakkan untung.

Jadi, Yang Berhormat Jeli, saya juga ingin merujuk kepada jumlah tuan tanah. Saya ingin memaklumkan bahawa tuan tanah yang terlibat seramai 662 orang telah bersetuju, 662 orang telah bersetuju dan bersedia bersama-sama dalam menjayakan projek ini. Cuma 74 orang yang dahulu tidak bersetuju termasuklah wira tadi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat ya.

Tuan Hashim bin Ismail: ... termasuklah hero kita tadi itu, di kalangan 74 ini termasuklah saudara kita itu, dia bersetuju dengan pampasan yang dikemukakan oleh kerajaan, yang diajukan oleh kerajaan tadi, saya katakan tadi untuk serelung dan seekar itu. Mereka bersetuju dan tidak ada halangan, maka kerana itulah maka projek ini akan kita teruskan. Setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak, maka projek ini akan diteruskan. Itu jawapan saya kepada persoalan dari Yang Berhormat Jeli tadi.

Saya hendak pergi kepada soalan Yang Berhormat bagi Bagan tadi tentang LHDN yang dikatakan tidak profesional. Untuk makluman Yang Berhormat, LHDN menghantar pegawai-pegawai ke premis pembayar cukai adalah sebahagian daripada aktiviti audit dan pengesanan untuk menentukan akaun yang dihantar ke LHDN adalah betul, teratur seperti yang tercatat di dalam rekod dan buku akaun mereka. Itu sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Ok.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat sama ada satu garis panduan supaya LHDN jangan sahaja hendak seorang, sekurang-kurangnya dua orang, tiga orang untuk menemani pegawai untuk menyiasat kerana kalau seorang perseorangan, mungkin berlaku perkara.....[Ketawa]

Tuan Hashim bin Ismail: Memang benar Yang Berhormat. Kita ada garis panduan. Kita tidak pernah izinkan mana-mana pegawai LHDN pergi ke premis untuk check akaun berseorangan, never. Kita tidak pernah benarkan. Mesti dalam kumpulan, dua, tiga orang supaya kemungkinan berlaku rasuah seperti Yang Berhormat bimbangkan itu dapat kita elakkan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin dan begitu sensitif terhadap perkara ini dan insya-Allah Yang Berhormat, kita perhatikan bahawa semua ini berjalan dengan baik dan lancar.

Yang Berhormat bagi Beluran juga ada menyentuh tentang aquaculture, tadi Yang Berhormat, ya? Saya minta maaf tidak dapat sebut nama Yang Berhormat. Lebih kurang sama soalnya. Projek telah lama diambil tetapi belum mendatangkan keuntungan, memang benar kerana 'Ben Lader' dahulu dia tidak sempat beroperasi, baru ini hendak mula operasi dan mungkin kita dapat hasilnya pada penghujung Oktober dan seperti yang saya katakan tadi, unjuran yang saya kemukakan tadi adalah berkaitan dengan persoalan Yang Berhormat. Sama ada projek ini sesuai diteruskan, memang sesuai dan kita akan teruskan. Apakah masalah besar yang dihadapi Samak, tidak ada masalah sebenarnya kerana dari segi pampasan, dari segi persetujuan tuan tanah, dari semua segi telah berjalan dengan baik dan lancar. Maka, tidak ada masalah yang kita hadapi setakat ini.

Yang Berhormat bagi Beluran juga ada menyentuh tentang unjuran kos pelaburan dan kos operasi memberi keuntungan kepada projek Bakun. Mengikut

analisis ekonomi dan unjuran awal, projek Bakun akan mendapat pulangan modal dalam tempoh 20 tahun. Keseluruhan projek ini bergantung kepada rundingan lanjut mengenai tarif elektrik yang akan dijual kepada Sabah Electricity Sendirian Berhad dan juga SESCO Sarawak. Unjuran kewangan terperinci bagi projek ini akan disediakan oleh perunding kewangan yang akan dilantik kemudian.

Yang Berhormat bagi Tumpat ada menyentuh tentang kenapakah PKEN Perlis mengambil alih kolam renang? Sebenarnya, Yang Berhormat bagi Tumpat, pengambilalihan kolam renang bukan PKEN Perlis ambil alih daripada Kementerian Belia, sebaliknya Kementerian Belia yang mengambil alih daripada PKEN Perlis. Pengambilalihan kolam renang daripada PKEN Perlis oleh Kementerian Belia dan Sukan bertujuan untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh PKEN Perlis. Bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan ini adalah dalam pakej sebanyak RM91.1 juta iaitu yang pertama, pinjaman mudah sebanyak RM41 juta. Pengambilalihan hotel Putra oleh rangkaian hotel Sri Malaysia RM44 juta.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Kubang Kerian, hendak bagi jalan?

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti sekejap. Pengambilalihan kolam renang.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti saya bagi. Pengambilalihan kolam renang oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kos sebanyak RM6.1 juta. Jemput.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hairan sedikit dengan penjelasan tadi kerana dalam muka surat 4 dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan ke 2 ini, para 4, sebanyak RM6,100,000 sebagai bantuan kewangan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis bagi pengambilalihan kompleks kolam renang dari Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, mana satu yang betul ini? Institusi Perlis beli kolam daripada Kementerian Belia ataupun Kementerian Belia beli daripada kerajaan Perlis? Yang saya hairan, katalah kerajaan Perlis jual kepada Kementerian Belia, pada mulanya kenapakah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis ini boleh buat kolam, berapa orang hendak mandi dalam kolam itu? Adakah Internet menguntungkan dari segi ekonomi, sampai kolam ini dibina?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebenarnya 'oleh' itu, bukan 'dari', oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ertinya, Kementerian Belia dan Sukan ambil alih kolam itu daripada PKEN.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jadi, ayat ini salahlah?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, salah. Minta diperbetulkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Minta diperbetulkan 'oleh', bukan 'dari'.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini satu perkara yang teruk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ayat yang boleh diperbetulkan oleh Setiausaha.

Tuan Hashim bin Ismail: Betulkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yalah, kenapa sekarang baru hendak betulkan?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tentang itu saya tidak tahulah tetapi Pengerusi.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah berapa hari kita bahas? Itu sebab kita hendak bahaskan tetapi tidak dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Pengerusi berhak mengarahkan urusetia supaya mana-mana ayat atau ejaan yang tersilap diperbetulkan oleh urusetia. Jadi, saya harap urusetia betulkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, kalau dapat diperbetulkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tetapi, yang betul itu maknanya kementerian akan jawablah yang sebenarnya. Silakan.

Tuan Hashim bin Ismail: Harap dapat diperbetulkan dan ini adalah kesilapan, kelemahan manusia, Yang Berhormat. Tidak ada gading yang tidak retak, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Ya, betul.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Ketawa]* Jawapan kedua, soalan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, mengapa KPEN Perlis bina kolam? Saya rasa, yang pertama, saya hendak jawab bahawa Perlis adalah sebuah negeri kecil. Dengan sebab itu, kemudahan-kemudahan sukan seperti ini tidak mampu dibina ataupun disediakan oleh pihak berkuasa tempatan Perlis. Jadi, untuk kemudahan renang dan sebagainya, maka kalau tidak ada PKEN yang buat, maka kemungkinan Perlis tidak ada kolam renang untuk menampung peminat-peminat ataupun perenang-perenang di Perlis.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan Yang Berhormat, Kemaman?

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti Yang Berhormat. Jadi, kerana itulah.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap.

Tuan Hashim bin Ismail: Jadi, kerana itulah, maka Perlis terpaksa membina sebuah kolam renang dan akhirnya dapat dimanfaatkan oleh rakyat Perlis. Jemput.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya mengenai NPL yang ditanggung oleh PKEN Perlis ini sebab apa yang difahamkan, banyak syarikat SCDC ataupun PKEN ini banyak menghadapi hutang-hutang NPL dan sebagai contohnya, Johor Corporation mengalami NPL sebanyak RM5.5 bilion yang terpaksa diambil oleh CDRC. Jadi, Perlis ini ada berapa banyak NPL yang ditanggung sekarang ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini mengenai kolam, ya. Hendak jawab pun boleh, pasal jawab.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yalah kolamlah ini, pasal*[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah jawab, nanti melarat banyak Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ikut peraturan yang ke berapa.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau ini Yang Berhormat jawab juga.....*[Disampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada keputusan.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, betul. Saya pun tidak bercadang hendak....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulnglah kepada Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta?

Tuan Hashim bin Ismail: Boleh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal kolam.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti sekejap dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu! Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya pun memang tidak bercadang hendak melayan soalan yang kedua ini, tetapi, kita maklum memang benar ada beberapa SCDC yang berhadapan dengan NPL yang agak besar, Perlis misalnya, Melaka, Negeri Sembilan dan lain-lain lagi. Kesemuanya ini sedang distruktur semula Yang

Berhormat. Disusun semula supaya dapat PKEN ini pulih seperti sedia kala, berdikari dan akhirnya dapat menjana ekonomi negeri masing-masing. Sebagai harapan kita yang awal, itulah harapan kita. Tetapi, kegawatan ekonomi telah menjejaskan segala-galanya. Jemput.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pasal kolam tadi, yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis, adakah kerana kebetulan Pengerusi 'PKNS' itu adalah juga Presiden Persatuan Renang Malaysia dan mungkin dia membina kolam tersebut dengan tujuan untuk membantu mencungkil bakat-bakat baru, memberi kemudahan kepada perenang-perenang untuk menghadapi kejohanan-kejohanan sama ada dalam negeri, kebangsaan atau antarabangsa? Minta penjelasan. Kebetulan Pengerusi itu adalah Presiden Persatuan Perenang Malaysia dan mungkin dia membina kolam tersebut dengan tujuan untuk membantu supaya disediakan kemudahan bagi perenang-perenang tempatan berlatih dan kemudian dia membantu negara untuk melahirkan bakat-bakat baru bagi mewakili negara dan antarabangsa? Minta penjelasan sedikit.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang benar. Seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa keperluan PKEN membina kolam renang ini adalah untuk menampung keperluan ini iaitu khususnya untuk mencungkil bakat-bakat sukan dari segi perenang negara untuk cungkil bakat untuk diketengahkan di peringkat negara dan antarabangsa. Saya rasa bukanlah satu pembinaan kolam renang oleh PKEN Perlis bukanlah satu yang terlalu berat masalahnya. Malah tidak salah pun kerana memang kita telah.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak beri jalan, teruslah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Jangan, Jangan, tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Haa, jangan main.

Tuan Hashim bin Ismail: Arau ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau. Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat dan juga confirmation daripada Yang Berhormat. Adakah pihak kerajaan pusat sepatutnya berterima kasih kepada Perbadanan Ekonomi Negeri Perlis yang telah pun mengambil tanggungjawab untuk membina kolam tersebut yang mana diilhamkan dan dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada awalnya dan di peringkat negeri kita membina kolam ini untuk kepentingan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa banyak program renang yang telah dianjurkan di negeri Perlis yang telah dapat membantu kemajuan sukan di negara kita? Adakah ini ada dalam pengetahuan pihak kementerian? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang ianya berada di dalam pengetahuan pihak kementerian dan kita selalu dan sentiasa berterima kasih di atas setiap sumbangan walaupun kecil daripada mana-mana pihak untuk mengangkat martabat negara kita. Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Walaupun kecil tetapi berjiwa besar.

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi?

Seorang Ahli: Bagi, bagi. Berjiwa besar itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Ok. *[Ketawa]*

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: Saya begini Tuan Pengerusi, saya hendak tahu daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, apakah polisi Kementerian Kewangan dalam hal-hal di mana menteri-menteri ataupun orang pegang jawatan

awam yang memegang jawatan presiden ataupun ketua kesatuan-kesatuan seperti Kesatuan Lumba Basikal dan sebagainya yang menggunakan kemudahan-kemudahan kerajaan ataupun wang kerajaan untuk membantu mereka dalam melaksanakan tugas sebagai Yang di-Pertua persatuan-persatuan swasta. Apakah polisi Kementerian Kewangan di dalam hal ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitan dengan kolam atau bagaimana.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak begitu jelas dan minta.....[Disampuk]

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: Tidak, bersangkutan paut dengan jawapan Yang Berhormat tadi.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya minta Yang Berhormat ulang semula. Jelaskan sedikit Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Begini, Pengerusi-pengerusi NGO, menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan. Adakah kerajaan benarkan? Adakah polisi kerajaan.....

Tuan Hashim bin Ismail: Apakah polisi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Adakah polisi kerajaan benarkan menggunakan kemudahan-kemudahan kerajaan kepada Pengerusi-pengerusi NGO. Kalau tidak silap saya, begitulah, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang tidak ada satu dasar yang khusus tetapi memang menjadi satu dasar kerajaan secara yang diterima oleh umum bahawa segala penggunaan barang-barang kerajaan untuk tujuan dan kepentingan negara maka kita boleh terima bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk kepentingan negara maka okay tidak ada masalah. Jadi itu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruslah Yang Berhormat..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh sikit lagi. Yang saya maksudkan tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang ini sedikit lagi. Yang saya maksudkan tadi Menteri Besar Perlis adalah Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis, dia adalah juga Presiden Persatuan Renang Malaysia. Jadi, saya rasa tidak salah kerana dia membantu menyediakan satu kemudahan untuk kepentingan perenang-perenang kita berlatih. Akhirnya akan mengharumkan nama negara kita supaya mereka dapat berlatih. Itu yang saya maksudkan tadi. Jangan pembangkang salah tafsir pula. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, cukuplah. Bawa terus yang lainlah Yang Berhormat. Itu menguatkan penjelasan. Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay memperkukuhkan lagi hujah. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut ya. Yang Berhormat bagi Pendang dan Kuala Terengganu menyentuh tentang pembayaran RM950 juta untuk maksud..... maksud apa? [Ketawa]

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Pendang, pengambilan balik aset yang telah disiapkan oleh Bakun Hidroelektrik Corporation dan juga bayaran balik kepada bank-bank yang memberi hutang kepada Bakun Hidroelektrik Corporation, bayaran ini dibuat setelah dibuat due diligence oleh syarikat-syarikat perunding kewangan iaitu Price Water House. Peruntukan RM1 juta diperlukan – Yang Berhormat bagi Pendang sebut tadi, yang kita bincangkan sekarang ini ialah pertama RM50 juta untuk bayaran kemajuan pemulihan pembinaan Cofferdam tahun ini. RM35 juta bagi bayaran kemajuan terakhir pembinaan terowong lencongan sungai kepada syarikat Dong Ah Construction Ltd., yang ketiga RM10 juta bagi bayaran penyelenggaraan oleh syarikat Dong Ah bagi terowong tergendala pembinaannya sementara kontrak yang ditandatangani di antara kerajaan dengan Syarikat Dong Ah dan RM5 juta bagi

bayaran balik with holding tax bagi pekerja-pekerja asing yang bekerja dengan syarikat Dong Ah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat hendak beri jalan. Jemput.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan penjelasan Setiausaha Parlimen yang baik hati tentang coffer dam sebanyak RM50 juta. Setahu saya tender bagi coffer dam ini baru sahaja diluluskan baru sahaja dianugerahkan kepada Global Uphill dan setahu saya ia adalah melalui tender terbuka dan Global Uphill telah menawarkan tender yang terendah sebanyak RM74 juta. Dan kenapakah kita telah meluluskan pembayaran progress sebanyak RM50 juta walaupun projek ini baru sahaja bermula dan quotationnya ialah RM72 juta. Dan saya ingin tahu apabila kerajaan menganugerahkan kepada Global Uphill anugerah yang terendah, kos yang terendah, quotation yang terendah sebanyak RM72 juta, adakah nanti Global Uphill ini boleh membuat verbal order iaitu tuntutan tambahan sehingga dia akan jadi mahal macam asal walaupun quotationnya ialah RM72 juta tetapi kalau diizinkan untuk mereka membuat verbal order ataupun tuntutan tambahan tender yang termurah itu akan jadi mahal balik. Minta penjelasan daripada

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk maksud pembinaan coffer dam, Global Uphill telah pun diberikan tugas untuk melaksanakannya berdasarkan kepada seperti Yang Berhormat sebut tadi ialah Global Uphill menawarkan satu harga yang terendah. Jadi, Global Uphill diberikan tugas ini berdasarkan kepada kriteria yang saya sebutkan tadi. dan sebenarnya

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenarnya coffer dam itu adalah merupakan fasa pertama kepada keseluruhan main dam yang akan dibina. Maka, coffer dam itu telah pun hampir siap dilaksanakan oleh pihak Global Uphill dan sekarang ini kita sedang fokus kepada tender untuk pembinaan main dam. Dan untuk maklumat Yang Berhormat tender untuk main dam sekarang ini telah dibuka dan sebanyak 34 syarikat telah membeli dokumen tender dan ianya akan ditutup pada 13 Ogos ini. Ertinya coffer dam itu sudah tidak timbul lagi kerana memang pun telah di award kepada Global Uphill dan sekarang ini fokus kerajaan ialah untuk membina main dam itu sendiri.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Jeli hendak beri jalan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Setiausaha Parlimen

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi kepada siapa Yang Berhormat ini?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya belum bagi kepada sesiapa lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi, sila duduk. Dia tak bagi lagi ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi kalau boleh saya bantu sedikit Setiausaha Parlimen berkaitan dengan coffer dam...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi kepada sesiapa Yang Berhormat. Bagi siapa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Biar saya habiskan dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak bercakap dulu Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti saya bagi. Syarikat ini (Global Uphill) mengemukakan tawaran terendah daripada enam penender yang mengambil bahagian. Terdapat enam penender bersama-sama dengan Global Uphill maka kita berikan kepada Global Uphill kerana dia yang terendah sekali. Tawaran Global Uphill ialah RM74.2 juta, tanda Yang Berhormat RM74.2 juta. Tawaran-tawaran lain oleh lima syarikat-syarikat lain melebihi RM100 juta. Jadi kerana itu maka untuk coffer dam kita serahkan kepada Global Uphill RM74.2 juta sahaja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat. Ada yang berdiri. Yang Berhormat hendak beri jalan ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti dulu. Saya masih under Bakun ya. Saya masih Bakun dan insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, tidak bagi cakap tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kemudahan yang disediakan kepada penduduk Bakun yang dipindahkan ke Sungai Asap, tadi pun telah dijawab oleh rakan kita daripada Sarawak sendiri, Selangau ya, orang yang lebih tahu daripada kita dia sudah pergi pun tengok site dan saksikan kesemuanya dan dia sendiri telah mengesahkan bahawa kesemuanya beres, lunas dan alright. Dan untuk mengesahkan lagi apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Selangau saya ingin jelaskan di sini jumlah penduduk yang dipindahkan Yang Berhormat, yang terlibat ialah 11,000 orang bagi 1,639 keluarga. Di antara kemudahan yang disediakan ialah rumah panjang 15 buah, harganya RM90.5 juta, bekalan air dan api RM32 juta, pusat kesihatan, poliklinik RM4 juta, dua buah sekolah rendah termasuk perabot dan sebagainya RM24 juta, taman kanak-kanak – siap taman kanak-kanak lagi, 15 buah rumah ibadat 27 buah, kedai 12 unit, gelanggang bola sepak, badminton, jalan raya dan jambatan, lanskap pembentangan dan longkang kesemuanya bernilai RM258 juta lebih yang telah disediakan oleh kerajaan untuk kemudahan penduduk. Jadi, kalau ada dakwaan yang mengatakan bahawa kepentingan penduduk tidak diambil kira oleh kerajaan saya ingin menyanggahnya dengan sekeras-kerasnya kerana memang siap rumah ibadat, sekolah, lanskap, kalau dulu mana ada itu semua ini tetapi sekarang disediakan. Maka kerana itu saya rasa apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah tidak menepati sasarannya. Yang Berhormat bagi Pendang bertanya apakah tujuan....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri dua orang Yang Berhormat, hendak bagi jalan. Tidak bagi cakap tidak bagilah. Yang Berhormat banyak lagi hendak jawab itu. *[Disampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tidak saya hendak pergi kepada Glob...

Tuan Husam bin Haji Musa: Masa banyak lagi, bagilah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Esok sehari sudah ada. Bagi, tidak jumpa dah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah ketawa begitu. Yang Berhormat beri jawapanlah hendak bagi, bagi, ...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kembali kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tentang tender yang diberikan kepada Global Uphill Sdn. Bhd. dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun menyebut bahawa oleh kerana Global Uphill mengemukakan tender yang terendah ataupun sebut harga yang terendah maka diberikan kepada Global Uphill Sdn. Bhd. Tetapi persoalan yang telah saya timbulkan tadi sejak daripada awal tadi apakah pihak kementerian ataupun kerajaan sendiri tidak sedar bahawa syarikat ini adalah milik Ting Pek Khiing dan ia mempunyai rekod yang negatif dalam menjalankan projek Bakun ini dan gagal dari segi

meneruskan projek ini pada tahun 1997. Jadi, ini satu yang amat misteri apabila seorang ataupun satu syarikat milik seorang yang telah gagal diberikan kembali mesti ada udang di sebalik batu dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian walaupun tendernya RM74 juta tetapi VO nya kemungkinan besar akan berlipat ganda. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat soal pertama itu memang ada ucapan awal tadi. Jadi, kalau yang ada jawapan itu patut ada jawapan akan datang. Ini dia mengulang apa yang dia berbahas tadi pada ingatan saya. Kalau Yang Berhormat pusing-pusing dia berpusinglah.

Tuan Hashim bin Ismail: Dia cuma mempertikaikan mengapa Ting Pek Khiing diberikan semula. Sebenarnya apabila pada tahun 1997 kita menengguahkan pembinaan projek ini kerana kegawatan ekonomi bukan kerana kegagalan kontraktor yang kita lantik. Dan seterusnya peringkat awal itu kita belum lagi boleh dikatakan gagal kerana tidak ada silapnya kita bagi kepada Ting Pek Khiing. Apa salahnya kerana kalau kita bandingkan RM74.2 juta berbanding dengan penender lain yang menawarkan harga yang lebih tinggi lebih daripada RM100 juta, apakah alasan kita untuk menolak Ting pek Khiing kerana bezanya begitu besar, RM74.2 juta, seratus juta lebih maka apa alasan kita untuk menolak. Adakah kerana – saya tidak pasti tetapi Yang Berhormat kata rekodnya tidak bagus, saya tidak tahu tetapi alasan kita ialah bahawa pemberian ini cukup munasabah dan sekarang sedang berjalan dengan sempurna. Apabila seseorang itu gagal sekali tidak bererti dia akan gagal seterusnya. Kita boleh beri peluang kepada sesiapa sahaja. Jadi, soal itu tidak timbul dan kita tengoklah bahawa insyaAllah akan berjalan dengan baik.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak teruskan dulu nanti...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak terus Yang Berhormat. Dia kata hendak terus duduklah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti boleh ditimbulkan dari masa ke semasa, semasa saya menggulung ini. Yang Berhormat bagi Pendang juga bertanya tentang apakah tujuan RM10.3 juta untuk syarikat Aircraft Leasing ini. Untuk maklumat Yang Berhormat peruntukan sejumlah RM10.3 juta yang disediakan untuk tahun ini adalah bagi membiayai kos start-up syarikat Aircraft Leasing. Penubuhan syarikat ini masih di peringkat permulaan kerana rancangan strategik dengan izin, business plan perlu dirancang dengan teliti memandangkan aktiviti perniagaan ini memerlukan bukan sahaja kepakaran teknikal tetapi yang lebih penting lagi melibatkan modal kerja tinggi.

Antara perkara yang dalam pertimbangan ialah kemungkinan mencari rakan usaha yang antarabangsa yang kini dalam perniagaan leasing pesawat dan enjin. Tujuan syarikat ini ditubuhkan untuk maklumat Yang Berhormat bagi Pendang ialah untuk melaksanakan aktiviti perniagaan, pembelian pesawat dan sewa semula kepada MAS. Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Pendang juga, MAS kini mempunyai lebih kurang 20 buah pesawat yang dimiliki sepenuhnya oleh MAS dan bebas untuk dijual dan kemudian *lease back*.

Syarikat ini ditubuhkan bukan untuk menyediakan sumber kewangan kepada MAS bagi membiayai kewangan untuk pesawat baru yang ditempah oleh MAS seperti Yang Berhormat dakwa tadi. Bukan untuk membiayai pembelian pesawat baru tetapi untuk kita hendak membeli pesawat MAS yang sedia ada, bukan untuk membiayai pembelian pesawat baru oleh MAS. Ha ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini satu perkara yang sangat mengelirukan. Kita tahu bahawa Tan Sri Tajuddin telah memesan kalau tidak silap saya 20 buah pesawat baru yang semuanya akan dihantar bermula pada tahun ini dan tahun ini sahaja kita sudah sampai 3 buah pesawat baru dan tiap-tiap kali pesawat baru sampai, kita kena menjelaskan secara tunai 80% daripada harga tempahan. Bererti kalau 10 buah yang satu buah ialah RM700 juta, kita akan habis RM7 bilion dalam masa tahun ini hingga tahun yang akan datang sehingga pesawat-pesawat tersebut habis dihantar.

Berapakah sebenarnya modal syarikat *Aircraft Leasing* ini kerana saya rasa ini adalah satu kerajaan hendak menyelamatkan kesilapan MAS yang telah membuat pesanan pesawat yang begitu banyak dan kemudian ini akan memberi kesan beban kewangan yang besar. Kalau boleh, tolong jelaskan lebih terperinci supaya kita dapat gambaran yang jelas.

Tuan Hashim bin Ismail: Seperti yang saya sebutkan tadi, pembelian pesawat baru itu akan dibiayai oleh MAS sepenuhnya tetapi apa yang dimaksudkan oleh syarikat ini ialah kita bercadang untuk membeli pesawat-pesawat MAS yang bebas untuk dijual bagi membantu MAS mendapatkan *cash* dan untuk membantu kekuatan kewangan MAS. Jadi, yang baru itu tidak ada kena-mengena. Itu akan dibeli oleh MAS daripada sumber-sumber sendiri. Kita cuba hendak bantu MAS dengan membeli, misalnya setakat ini tiga buah kapal terbang yang telah dikenal pasti oleh MAS untuk dijual, tiga buah kapal dengan harga RM1.4 bilion, maka syarikat ini akan beli, kemudian disewa kepada MAS.

Syarikat ini sedang mencari *strategic partner* untuk bersama-sama dengan syarikat ini bagi membolehkan kita menjalankan fungsi membeli kapal-kapal terbang MAS, kemudian menyewakannya kembali kepada MAS.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Kalau tidak bagi, cakap tidak bagi.

Tuan Hashim bin Ismail: Dengan cara ini..... Okay.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bukan mengharapkan Setiausaha Parlimen memberikan penjelasan panjang lebar dan telus dalam mesyuarat ini hari ini juga tetapi ini adalah satu perkara besar yang kerajaan perlu memberikan penjelasan kepada rakyat jelata, kedudukan yang sebenar, tujuan yang sebenar kos yang terlibat. Ini perlu, ini mustahak. Saya tidak harapkan Setiausaha Parlimen menjawab secara tergesa-gesa pada hari ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, tidak payah jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tetapi saya berharap satu kenyataan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa:dapat dikeluarkan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup. Tidak payah jawab. Soalan yang lain Yang Berhormat. Jawab lain kali, tidak usah tergesa-gesa.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat maksudkan ialah kos pembelian kapal terbang baru [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Kalau tergesa-gesa, tidak payahlah. Jawab yang lain Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay, terima kasih. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan mengenai projek-projek penswastan yang gagal. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak berapa betul mengatakan kesemua projek penswastan itu gagal. Semalam pun saya sudah sebutkan, sejak 1983, 457 projek yang telah diswastakan dan cuma ada tiga empat projek yang mungkin tidak menepati sasaran, maka adalah tidak benar kalau tidak betul kita buat satu kesimpulan bahawa projek...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: ...penswastan itu gagal sama sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Jemput.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Yang hendak saya tanyanya yang beratus-ratus syarikat yang sudah berjaya ini, berapa keuntungannya tiap-tiap syarikat ini? Yang dua tiga ruginya berbilion-bilion yang tidak seimbang dengan beratus-ratus yang kecil-kecil yang sudah memberi keuntungan. Jadi, saya hendak tanya, walaupun 400 buah syarikat yang diswastakan, yang kebanyakannya adalah syarikat-syarikat kecil-kecil. Yang memberikan keuntungan pun kecil-kecil tetapi dua tiga syarikat yang rugi ini melibatkan berbilion-bilion ringgit, yang over right semua yang banyak-banyak itu. Sekian.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang benar [Disampuk] syarikat-syarikat kecil, risikonya kecil, untung pun kecil. Itu perkara biasa. Syarikat besar, risikonya tinggi dan kalau untung tinggi, [Disampuk] kalau rugi pun tinggi juga. Tetapi ini tidak bererti bahawa penswastakan itu suatu yang gagal kerana kita sedang menyusun semula syarikat-syarikat ini dan kita harap satu hari nanti, mereka akan terus menjadi syarikat gergasi yang dapat membantu menjana ekonomi negara kita. Ertinya kita mesti berpandangan jauh. Jangan kita kata, sekali gagal maka hari sudah kiamat. Hari belum kiamat. Esok belum kiamat, Yang Berhormat. [Disampuk] Esok masih ada. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak bagi jalan, ada yang berdiri ini. Yang Berhormat hendak bagi jalan, dua orang berdiri. Nanti dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi, sila duduk.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak jawab Kepong ini. Projek-projek seperti IWK, STAR dan PUTRA tidak gagal kerana projek-projek ini telah pun beroperasi dan diimplementasikan dan kerajaan mengambil balik projek-projek ini kerana IWK mempunyai masalah dengan pengguna kerana keengganan pengguna membuat bayaran dan ini menjejaskan aliran tunai projek.

Semalam pun Yang Berhormat bagi Kepong sudah sebut bahawa dia sebut dia kata masyarakat tidak merasai kehadiran IWK ini. Ini berkaitan dengan, Yang Berhormat, dengan izin, *flush and forget mentality*. Ertinya dia *flush*, lupa. Ertinya dia tidak nampak, tidak rasa kehadiran IWK dalam hidupnya sehari-hari. Yang Berhormat sendiri sudah mengakui semalam.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti yang ini dahulu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya, Tuan Pengerusi

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti dulu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Boleh Tambun minta...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun berdiri Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Jemput.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, tadi tentang 400 buah projek yang dikatakan kecil, hampir semua berjaya. Jadi, saya buat analisis saya, kalau 400 buah projek, satu RM100 juta, jadi 400 – RM40 bilion. Tidakkah besa kalau dari segi keseluruhannya, dibandingkan dengan tiga yang gagal. Jadi, saya minta Setiausaha Parlimen bagi satu statement, kalau tidak ada hari ini, hari lain pasal saya tengok 400 ini besar, Tuan Pengerusi. Itu saya ambil RM100 juta kalau satu. Kalau RM200 juta, RM80 bilion. Maknanya, kalau RM80 bilion, lagi besar daripada yang gagal. Jadi, tidak betul *statement* kata, kecil-kecil yang ini besar. Tidak boleh macam itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Tambun. Memang kalau yang kecil-kecil ini dihimpunkan dan ia mengatasi kerugian dua tiga projek yang dikatakan tidak memenuhi hasrat kita ini. Secara keseluruhan atau overall, maka penswastaaan adalah satu projek yang menguntungkan kerajaan. Semalam saya sudah bercakap dengan panjang lebar tentang faedah dan keuntungan penswastaaan yang diperolehi oleh kerajaan, oleh rakyat, oleh orang ramai, oleh pekerja-pekerja, saya rasa sudah cukuplah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi...

Tuan Hashim bin Ismail: Sudah memadailah saya sebut.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak secara spesifik.....

Tuan Hashim bin Ismail: Saya....

Tuan Husam bin Haji Musa:Penyelarasan MKD, Penswastaaan dan Perusahaan Awam, 070700, perkara yang spesifik sebab ini adalah dasar baru. Boleh minta izin....

Tuan Hashim bin Ismail: Apa itu?

Tuan Hashim bin Ismail: ...secara yang spesifik tentang 070700, Penyelarasan Menteri Kewangan Diperbadankan, Penswastaaan dan Perusahaan Awam secara yang spesifik kerana ini dasar baru.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya sedang...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak pergi kepada apa yang telah diterangkan semalam.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya sedang menyambung soalan Yang Berhormat bagi Kepong ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh ya, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Selepas itu, Yang Berhormat bagi Kepong semalam mengatakan tentang kerugian IWK, STAR dan PUTRA dan untuk makluman Yang Berhormat Kepong, STAR dan PUTRA menghadapi masalah *ridership* dan hasil kutipan tiket tidak dapat menampung aliran tunai projek. Dan...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak bantu Yang Berhormat, *ridership* ini memang bertambah dengan pesat. *Ridership* sudah tambah dengan pesat bagi STAR dan PUTRA dan maksud saya, Yang Berhormat, yang pertama memang ada projek-projek yang berjaya juga. Bukan 467 itu semua gagal. Kalau semua gagal, kita mati semualah sekarang. Ada yang untung juga, yang dipertikaikan ialah sama ada daripada peratusan projek-projek mana yang meningkatkan daya pengeluaran produktiviti, projek manakah yang dapat memberi manfaat kepada kita, projek manakah yang memberi perkhidmatan yang lebih baik? Itu sahaja. Kalau ini boleh di....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah berucaplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak. Adakah beliau sedar, ha ini penjelasan. Adakah beliau sedar, kita tidak mempertikaikan kalau boleh meningkatkan produktiviti, boleh meningkatkan penyertaan bumiputera dengan berkesan, boleh meningkatkan perkhidmatan, itu memang kita setuju. Walau bagaimanapun, yang kita mempertikaikan itu ialah penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan hak yang diberi dan sebagainya. Itu yang dipertikaikan dan IWK menunjukkan satu projek...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Nanti, nanti, nanti. Hendak tolong Yang Berhormat Pengerusi juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Setiausaha Parlimen dia faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak tolong Tuan Pengerusi juga. Bagi saya setengah minit sahaja. Setengah minit cukuplah. Adakah Yang Berhormat sedar misalnya, IWK memang satu projek yang gagal. Gagal bukan dari segi teknikal. Gagal dari segi untuk memahami apakah perasaan aspirasi rakyat, apakah amalan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, perkara ini...

Dr. Tan Seng Giaw: ...rakyat itu gagal.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:pun telah disentuh oleh Yang Berhormat semalam.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, tidak. Satu lagi. Dan misalnya, sekarang harga air sudah meningkat sampai 70%, 65%. Ini akan menjejaskan IWK.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini akan menjejaskan IWK kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw:salah satu ukuran untuk mengutip tarif daripada IWK ialah harga air, penggunaan air dan ini memang menjejaskan IWK pula dan tunggakan akan meningkat, bukan sahaja RM185 juta, akan meningkat kerana tarif air sudah naik. Bolehkah Yang Berhormat menyelaras dengan Puncak Niaga supaya kita jangan naik dengan begitu dahsyat, melambung naik dengan begitu tinggi sehingga menjejaskan IWK. Itu maksud saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah menjawab dengan panjang lebar. Ada banyak lagi?

Tuan Hashim bin Ismail: Ada banyak lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, ya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tolonglah Yang Berhormat ya, kawal sedikit masa.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Pengerusi, dari segi penyalahgunaan kuasa ini saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong kerana Yang Berhormat bercakap terlalu umum, generalize. Jadi susah untuk kita fokus pada masalah yang sebenarnya, semua mengatakan penyalahgunaan kuasa berlaku tetapi..

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana kalau saya hendak memberi secara terperinci Tuan Pengerusi tidak mengizinkan, itu masalah kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya akan menggunakan kuasa 37(2), tidak membenarkan sesiapa minta, kalau tidak ada berkaitan dengan tajuk yang kita bangkitkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya berkaitan, very specific.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat benarkankah?

Tuan Hashim bin Ismail: Sekejap, sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak benar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya minta Yang Berhormat khususkan perkara ini. Jangan buat satu kenyataan yang rambang, generalize dan impaknya kepada masyarakat seolah-olah berlaku penyalahgunaan kuasa di dalam semua projek penswastaan. Tidak terkawal, out of control seolahnya, itu. Tetapi tidak ada specific case yang ditunjukkan untuk dijadikan bukti bagi kita mengambil tindakan. Jadi, yang lain-lain itu Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata, daripada segi kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dan kita akan fleksibel dalam perkara ini. Ertinya sentiasa mengkaji dari masa ke semasa kedudukan sesuatu perkara, misalnya tadi Yang Berhormat kata, kadar air tinggi dan sebagainya. Maka ini kerajaan akan mengambil kira supaya impaknya tidak begitu besar ditanggung oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin..

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tadi saya akur dengan...

Puan Fong Po Kuan: Ini berkaitan dengan IWK?

Tuan Hashim bin Ismail: ...dengan arahan. Tidak, saya teruskan. Nanti dahulu Nanti saya beri.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya ingin meneruskan ini dengan Yang Berhormat bagi Tumpat..

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya Kepala yang khusus ini, penyelarasan MKD, penswastaaan dan pengurusan awam, very specific, ringkas sahaja.

Tuan Hashim bin Ismail: Adakah Datuk Tuan Pengerusipunya ruling tadi..

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini dasar baru, kalau sudah terlepas ini habislah.

Tuan Hashim bin Ismail: Adakah ruling Datuk terpakai?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kecuali ada kepentingan berkaitan dengan..

Tuan Husam bin Haji Musa: Very specific, syarikat MKD Menteri Kewangan diperbadankan. Saya faham peruntukan dasar ini adalah untuk seksyen penyelarasan syarikat MKD penswastaaan dan perusahaan awam yang baru ditubuhkan, yang akan mengendalikan syarikat-syarikat yang ada penglibatan khazanah Menteri Kewangan Diperbadankan dan perusahaan awam. Saya ingin mendapat penjelasan secara spesifik, ada satu syarikat di namakan Dataran Perdana Sendirian Berhad yang diletakkan di bawah seksyen ini yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan tujuan penubuhan syarikat ini ialah pembangunan hartanah bagi Projek Dataran Perdana. Saya hendak tahu apakah projek ini dan di mana diletakkan dan bilakah projek ini akan bermula.

Yang kedua dan terakhir Tuan Pengerusi, Arena Target juga sebuah syarikat di bawah MOF telah diberikan pinjaman sejumlah RM550 juta dan syarikat ini ialah Property and Hotel Operation. Saya ingin tahu apakah hotel-hotel yang dikendalikan oleh Arena Target dan untuk apakah loan sebanyak setengah bilion ini diberikan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan saya rasa ini merupakan isu-isu yang spesifik Saya minta izin untuk memberikan penjelasan kemudian hari. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyentuh tentang peruntukan disediakan SWM - Southern West Management dengan izin. Peruntukan disediakan untuk bayaran kos perbelanjaan oleh SWM bagi tahun kewangan 1997 sehingga tahun 2000 kos ini bagi meliputi kos penswastaaan bagi yang tidak dibiayai oleh kerajaan negeri. Bayaran seperti subsidi perumahan, pinjaman perumahan kakitangan kerajaan, cukai jalan, kos kenaikan gaji, sumbangan KWSP, SOCSO, kos pentadbiran dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga ada menyentuh tentang iklan gambar yang didapati tidak menyenangkan. Dia kata dia hendak muntah tengok iklan itu. Sebenarnya Yang Berhormat, kempen pengiklanan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) memang bertujuan untuk menarik perhatian orang ramai. Jadi, kita membuat satu yang unik, yang luar biasa supaya orang ramai tertarik dengan iklan itu. Ianya mencerminkan dan menggambarkan hakikat dan keadaan sebenar yang mungkin akan berlaku jika negara kita..

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah

Puan Fong Po Kuan: Habiskan dahulu.

Tuan Hashim bin Ismail: .. jika negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak minta habiskan, Yang Berhormat tidak payah bangun.

Tuan Hashim bin Ismail: ..tidak mempunyai sistem dan perkhidmatan pemetungan yang sempurna.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tentang apa? Tentang iklan.

Puan Fong Po Kuan: Iklan, tentang iklan. Saya ada di sini, iklan yang disiarkan di dalam surat khabar. Iklan ini sebenarnya amat tidak sensitif kepada budaya kaum Cina. Saya tidak tahu apakah... Ini mesej disampaikan berkenaan kepentingan sistem pemetungan yang sempurna. Kalau kita lihat menggunakan penyepit untuk mengutip makanan dari mangkuk tandas. Saya telah menerima banyak panggilan, saya beri nasihat kepada....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Puan Fong Po Kuan: Tetapi ia tidak merujuk kepada sensitiviti budaya kaum Cina.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Puan Fong Po Kuan: Ia hanya mengatakan gambar. Saya kata sensitiviti. Jadi saya harap Indah Water akan memberhentikan kempen sedemikian. Sebab saya percaya IWK sebenarnya telah gagal. Kerana kempen sedemikian untuk mendidik rakyat telah diadakan pada tahun 1998 dengan peruntukan RM6 juta Tuan Pengerusi, untuk mendidik. Rakyat bukan tidak faham, tetapi mereka sebenarnya tidak bersetuju dengan sistem pemetungan yang diswastakan sekarang ini. Minta pula wang dari rakyat.

Oleh itu saya ingin bertanya Yang Berhormat, daripada RM240 juta yang dikatakan tidak dibayar oleh orang awam, berapa peratuskah adalah yang gagal dibayar oleh Tan Sri-Tan Sri dan Datuk-Datuk. Sebab sebelum ini daripada maklumat yang saya terima, golongan kategori ini sebenarnya yang paling tinggi gagal..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini soalan banyak ..

Puan Fong Po Kuan: Sebab saya tidak ada peluang untuk berucap Tuan Pengerusi. Kalau boleh bagilah saya peluang untuk bertanya, berapa peratuskah adalah Tan Sri-Tan Sri dan Datuk-datuk? Itu adalah soalan pertama. Kedua ialah sebab ini Datuk-datuk, Tan Sri tidak terbuka kepada ancaman rompak, sedangkan kempen lawatan ke rumah untuk menasihati pengguna untuk membayar yang di mana Indah Water telah melantik sepuluh syarikat tidak terdedah keselamatan mereka kepada ancaman rompak.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat 36(6)..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...kepada Tan Sri-Tan Sri, sebab orang biasa sahaja yang boleh memasuki rumah. Nasihat orang biasa sahaja, ke rumah Tan Sri-Tan Sri datuk-datuk tidak boleh...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat 36(6)..

Puan Fong Po Kuan: Jadi, saya hendak tahu berapa Tan Sri dan Datuk yang gagal membayar dan apa tindakan akan diambil terhadap mereka..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat ini tuduhan tidak baik. Datuk-datuk, Tan Sri-Tan Sri saya Datuk tidak ada apa benda pun. Cakaplah Datuk yang mana satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Secara amlah, bukan Datuk daripada Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: lalah mana boleh bercakap ikut hati pembangkang.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai iklan gambar itu saya rasa IWK akan..., kalau ianya menyentuh sensitiviti mana-mana kaum kita akan kaji dan kita cadangkan satu iklan yang lebih sesuai untuk masyarakat yang berbilang kaum di negara kita.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Cukuplah, duduklah saya hendak..

Puan Fong Po Kuan: Boleh tambah sebelum ke perkara lain.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti-nanti..

Puan Fong Po Kuan: Kalau boleh, iklan jangan guna makanan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada peraturan

Puan Fong Po Kuan: Makanan ialah rezeki daripada Tuhan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perlu mendapatkan kebenaran daripada Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: ..kita tidak boleh memasukkan makanan dalam mangkuk tandas. Jadi pohon kaji ya. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Kita akan meneliti tetapi untuk makluman Yang Berhormat sejak iklan ini disiarkan, respons daripada orang ramai begitu baik kerana mereka merasakan kehadiran IWK di mana-mana. Kerana dia tengok, wah! ini satu yang unik, yang luar biasa. Tetapi kita akan maklum dan kita akan kaji kalau ianya menyentuh sensitiviti mana-mana kaum dan impak semua kaum pun bukan Cina sahaja.

Jadi, kita akan mengambil kira dan tentang Tan Sri, Datuk-datuk, kita dalam menjalankan tugas, kita tidak mengambil kira title dialah Tan Sri kah atau Datukkah, yang mana tidak bayar, kita tetap hambat dia, kejar dia sampai dia membayar. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Tebrau bahawa dia Datuk dan speaker pun Datuk, tidak ada masalah pun. So, Datuk yang mana ini, yang dirujuk ini?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Pohon Penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tan Sri pun ada ini.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat beri penerangan Ahli Yang Berhormat bagi Kangar, rakyat pilih atau tidak? Terima kasih. Bermakna soal, adakah Yang Berhormat hendak menjawab soalan-soalan yang menyindir, seolah-olah Tan Sri dan Datuk walaupun dipilih oleh rakyat, diizinkan supaya dihina-hina dalam Dewan yang mulia ini dan sama seperti Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Ahli di dalam Dewan ini walaupun ada gelaran juga dipilih oleh rakyat dan apa berlainannya ahli, yang Datuk, yang dipilih oleh rakyat dan ahli yang tidak dipilih oleh rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Walaupun Yang Berhormat tidak mahu jawab, saya ucapkan terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak menjawab, tetapi jawab in defence, mempertahankan Tan Sri dan Datuk-datuk ini kerana dakwaan Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi terlalu umum dan..

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bangun lagi.

Tuan Hashim bin Ismail: ..banyak lagi Tan Sri.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak payah Yang Berhormat, tidak payah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi saya sudah jawab soalan daripada Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Puan Fong Po Kuan: *[bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, kita faham, tadi saya sudah terangkan, cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Masih bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...* sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Boleh saya minta, dia sudah beri laluan Tuan Pengerusi. Dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan saya buat, sudah cukup.

Puan Fong Po Kuan: Saya belum habis minta penjelasan, sekarang dia minta..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila teruskan jawapan.

Puan Fong Po Kuan: Bolehkah dedahkan nama Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Puan Fong Po Kuan: .. nama syarikat yang gagal membayar. Sediakan senarai nama. Berani tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak perlu menjawab soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat bagi Tebrau menyentuh tentang gaji dan elaun pengerusi dan pegawai-pegawai syarikat yang diswastakan. Beliau mengatakan terlalu tinggi dan untuk makluman Yang Berhormat, syarikat ini merupakan syarikat swasta dan ditentukan oleh syarikat itu sendiri dan diluluskan oleh lembaga pengarahnya sendiri. Sepatutnya dia tengok kesesuaian.

Yang kedua, kadar gaji biasanya mengikut kadar pasaran supaya boleh mendapat mereka yang cukup berpengalaman.

Yang ketiga, kawalan kadar dibuat melalui Ahli Lembaga Pengarah yang bebas di dalam Lembaga Pengarah sesuatu syarikat itu. Jadi, itu jawapan bagi Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyentuh tentang Northern West Management bagi projek sisa pepejal..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Mohon penjelasan sedikit. Saya menyentuh sedikit ini berhubung dengan untuk menjamin supaya elaun pengerusi yang agak tinggi itu diselaraskan dan ditetapkan oleh kerajaan kerana pihak swasta ini juga walaupun ianya swasta tetapi kalau dia swasta jangan minta kerajaanlah untuk buat tambahan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Kerajaan akan mengambil ingatan tentang perkara itu.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membahaskan tentang Northern Waste Management bagi projek sisa pepejal di kawasan utara. Penswastaan ini bukan dibatalkan tetapi sedang diteliti semula kerana Syarikat Northern Waste menghadapi masalah melaksanakan konsesinya.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga menyentuh tentang Alam Flora dan Southern Waste diswastakan sepenuhnya. Penswastaan ini sedang dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Penswastaan Unit Perancang Ekonomi. Kajian juruperunding telah selesai dan sedang diteliti dan juruperundingnya ialah Price Water House Cooper.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah menyentuh semua isu yang telah dibangkitkan dan mana-mana isu yang tidak sempat saya bangkitkan....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Hashim bin Ismail: Apa soalan tadi? Penghabisan ya?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Baik, Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen. Ekoran daripada Ekran Berhad yang mana mine dam dahulunya ditender dan diberikan kepada Ekran kemudian copper dam pun masih diberikan juga kepada anak syarikat Ekran - Global Uphill lebih kurang begitulah. Tetapi tahukah pihak kementerian bahawa Ekran ini mempunyai rekod umpamanya membina LIMA Resort di Langkawi. Waktu siap cepat tetapi bila tempoh tertentu, resort tersebut tidak boleh dipakai dan untuk memperbaiki resort tersebut memakan kos yang lebih tinggi daripada hendak membina. Begitu juga dengan asrama-asrama di Universiti Malaysia Sarawak. Mereka dapat bina cepat tetapi kos membaiki lebih mahal daripada kos membina.

Di samping itu, kenapakah kerajaan tidak menggunakan kawasan balak yang telah diambil, kos-kos daripada hasil balak tersebut digunakan sebagai kos untuk membayar Ekran. Kenapa tidak digunakan - balak sampai lebih daripada 20,000 hektar balak dikeluarkan. Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat bagi Jeli terima kasih. Kita tidak boleh mengambil kira ataupun tidak tepat kalau kita mengatakan bahawa rekod-rekod yang lepas itu menggambarkan prestasi syarikat ini di masa akan datang. Saya lebih menjurus kepada harga yang ditawarkan oleh Global Uphill ini kerana begitu menarik. Saya rasa kalau kita beri kepada satu syarikat yang menawarkan harga yang lebih tinggi sedangkan prestasinya pun belum kita pasti, saya lebih menjurus ke arah itu bahawa kerajaan memberi tawaran kepada syarikat ini berdasarkan kepada harga tender yang menarik dan pengalaman-pengalaman yang banyak walaupun tadi ada beberapa kelemahan Yang Berhormat sebut tetapi kita lebih menjurus ke arah masa depan pembinaan Bakun ini. Kita yakin bahawa syarikat ini boleh melakukannya dengan baik. Terima kasih.

Puan Chong Eng: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, untuk soalan ...

berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat telah dijawab tadi.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun, mana satu? Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Hendak betulkan sedikit. Saya rasa syarikat yang dapat tender Bakun Copper Dam itu ialah Global Upline bukan 'up hill, down hill' ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Di peringkat awal tadi pun saya sebut Global Up Line tetapi terpengaruh dengan Jeli ini *[Ketawa]* Dia kata 'Golden Up Hill' macam-macam cerita, lepas itu saya pun terpengaruh. Di peringkat awal tadi, saya *quite confident* dan pasti tetapi diselewengkan oleh Jeli, macam-macam golden. Jadi minta maaf Datuk Seri.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya sudah jawab habis....

Puan Chong Eng: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Hashim bin Ismail: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Tuan Hashim bin Ismail: Habis. Itu kita ambil kira dan kita akan beri jawapan bertulis nanti kalau boleh, okey. Dan saya mohon maaf dan terima kasih di atas semua pihak yang telah bekerjasama dan saya dengan ini menamatkan penggulungan saya terhadap Perbekalan Tambahan bagi tahun 2001 ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM31,162,700 untuk Maksud B.28 dan RM91,660,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM31,162,700 untuk Maksud B.28 dan dan RM91,660,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM830,300,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM830.000 untuk maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)2001.

Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana P.33 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2001 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2001.

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(bil.2) 2001]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana P.45 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2001 di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2001.

Maksud B.49 [Jadual]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahaskan. Kemaman.

12.28 tgh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin membuat beberapa persoalan mengenai pengeluaran Lesen IPP yang telah dikeluarkan dan cadangan pembinaan janakuasa baru oleh Tenaga Nasional Berhad.

Berdasarkan kepada keperluan tenaga sekarang, negara memerlukan tenaga dalam lingkungan 8,300 megawatt. Sekarang ini negara mengeluarkan lebih kurang 9,000 megawatt dengan akses kapasiti sebanyak 700 megawatt iaitu rendah, berbanding dengan kebiasaan akses kapasiti dalam lingkungan 30%. Berdasarkan

kepada keperluan tenaga semasa, campur dengan *stand by access* kapasiti, negara hanya memerlukan pengeluaran tenaga dalam lingkungan 11,000 megawatt sahaja. Janakuasa sedia ada boleh mengeluarkan maksimum kapasiti sehingga 13,000 megawatt. Jika semua janakuasa mengeluarkan kuasa elektrik ke tahap maksimum, maka kita adakan akses kapasiti sebanyak 4,700 megawatt. Kerajaan bercadang membina tujuh lagi janakuasa elektrik iaitu Bakun 500 megawatt, Gawai 400 megawatt, Jelai 500 Megawatt, Manjong 2,100 megawatt, Pulau Bunting 300 megawatt, Perlis 300 megawatt dan Kedah 400 megawatt dengan total capacity dengan izin, sebanyak 4,800 megawatt.

Cadangan ini berdasarkan kepada peningkatan penggunaan elektrik sebanyak 10% setahun. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi negara hari ini sudah berubah dan makin menguncup. Sekiranya diteruskan maka pengeluaran tenaga akan berlebihan dan siapa akan menanggungnya. Saya harap kerajaan mengkaji semula cadangan pembinaan janakuasa-janakuasa elektrik yang baru ini dan menyelamatkan negara daripada terus membazir dan menyelamatkan Tenaga Nasional daripada lingkup.

Tuan Pengerusi, 'Yap Tiong Lay' Power Generation Berhad merupakan syarikat yang pertama diberi Lesen IPP. Ia mendapat beberapa keistimewaan. Pertama, tapak tanah janakuasa elektriknya dibina atas tapak tanah yang dikurniakan kepada Tenaga Nasional. Bagaimana pembayaran dibuat kepada Tenaga Nasional ataupun penggunaan tapak tanah ini. Modal pembiayaan dibiayai oleh KWSP sebanyak RM700 juta dengan faedah yang cukup rendah. Ketiga, pembelian gas dibiayai oleh Tenaga Nasional Berhad. Yang keempat, pembayaran dibuat dua minggu sekali secara tunai. Kelima, harganya cukup tinggi iaitu RM15.05 per kilowatt.

Oleh kerana YTL tidak perlu membiayai rizab kapasiti dan tidak terikat kepada social obligation maka kos pengeluarannya lebih rendah lagi daripada Tenaga Nasional. Difahamkan kos-kos pengeluaran janakuasa yang dikeluarkan oleh Tenaga Nasional ialah lebih kurang 9 sen untuk satu kilowatt. Maka kos untuk YTL adalah lebih rendah lagi. Dengan kapasiti pengeluaran 800 megawatt di Paka dan 800 megawatt lagi di Pasir Gudang, dianggarkan YTL mendapat keuntungan bersih di antara RM1.5 bilion hingga RM2 bilion setahun atau lebih lagi. Apakah kerajaan tidak bercadang mengkaji semula perjanjian ini yang amat membebankan Tenaga Nasional? Apa halangan-halangan yang menghalang perjanjian ini dikaji semula. Rakyat tidak sanggup melihat sebuah syarikat awam seperti TNB kerugian akibat daripada perjanjian berat sebelah kepada sebuah syarikat swasta.

Saya juga ingin mengetahui status janakuasa elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad di Pakistan. TNB telah membelanjakan sebanyak RM1.6 bilion dalam pembinaan janakuasa elektrik ini. Apakah Kerajaan Pakistan akan membeli elektrik yang telah dijanakan oleh janakuasa kepunyaan Tenaga Nasional negara ini? Mengapa partner TNB dari Amerika Syarikat tidak bersama TNB dalam menghadapi kegawatan yang berlaku antara TNB dan Kerajaan Pakistan.

Sebelum saya akhiri, saya minta wakil Yang Berhormat bagi Rompin mengkaji semula pembinaan kampus Universiti Tenaga di kawasan Rompin kerana kursus Pentadbiran Perniagaan mungkin tidak sesuai dibina di kawasan Rompin. Lebih baik di buat di Kemaman kerana Kemaman ada janakuasa iaitu Janakuasa Elektrik TNB dan juga Janakuasa YTL. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak, nanti dahulu, nanti dahulu. Hendak tanya soalan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap kah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak, tidak, hendak tanya soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah habis.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Belum lagi, dia tidak tengok saya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kemaman, apakah YTL sebelum ini pernah terlibat dengan

sektor-sektor janakuasa sehingga diberikan tapak yang begitu istimewa dan diberi pilihan untuk menjadi IPP yang pertama di Malaysia. Di mana pengalaman beliau? Apakah tidak menimbang syarikat-syarikat lain. Mengapa tidak pilih syarikat-syarikat lain selain daripada YTL yang tidak pernah terlibat dengan mana-mana sektor janakuasa sebelum ini. Minta penjelasan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Sebenarnya pengeluaran Lesen IPP ini dibuat secara tergesa-gesa dan bukan sahaja YTL tetapi banyak syarikat yang telah diberikan Lesen IPP ini adalah kepada syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kepakaran dan tidak mempunyai pengalaman dan akibatnya, hari ini membebankan Tenaga Nasional kerana perjanjian-perjanjian yang dibuat kebanyakannya berat sebelah dan hasil daripada pengeluaran Lesen IPP ini kita tengok Tenaga Nasional terpaksa menanggung beban hutang sebanyak RM27 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup untuk Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bachok.

12.33 tgh.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih Datuk. Berapa minit ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Alah, pendeknya. Saya merujuk kepada Butiran yang dibahas di bawah B.49. Peruntukan sebanyak RM78 juta kepada geran pelancaran Suruhanjaya Tenaga.

Sebagaimana yang kita tahu Suruhanjaya Tenaga telah ditubuhkan berdasarkan kepada Akta 610 Suruhanjaya Tenaga 2000 yang telah pun diluluskan oleh Dewan ini pada tahun ini juga, Februari 2001. Apa yang penting diambil kira daripada pelaksanaan Suruhanjaya Tenaga ini ialah memfokuskan kepada strategi untuk menguasai dan mengawal selia serta bagi memastikan bekalan tenaga dalam negara mencukupi untuk pembangunan dan kemudahan rakyat seluruhnya.

Saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Tenaga mengkaji suatu tindakan yang boleh melahirkan suatu sumber tenaga baru daripada usaha-usaha yang telah dibuat. Negara sebelum ini telah pun menerima suatu Dasar Tenaga Nasional yang memberi fokus kepada empat strategi iaitu strategi untuk memastikan terlaksananya tiga objektif yang telah dicadangkan sebelum ini iaitu objektif untuk membekalkan tenaga, objektif penggunaan dan juga objektif alam sekitar.

Justeru itu, dicadangkan sumber tenaga yang kelima seharusnya dimasukkan sebagai suatu strategi bagi memastikan sumber tenaga kita terfokus kepada *renewable energy* ataupun sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang kita rasa dan kita meyakini dalam negara kita mempunyai suatu sumber tenaga *renewable* yang begitu besar khususnya daripada sumber 'biomas' dan lain-lain sumber.

Oleh kerana itu, kita melihat objektif tenaga daripada sumber yang diperbaharui ini mestilah mempunyai satu fokus dalam usaha Suruhanjaya Tenaga melaksanakan tanggungjawabnya dan tidak terfokus kepada sumber tenaga yang sedia ada. Strategi ini juga boleh dilihat kepada pendekatan yang telah dibuat oleh pihak TNB sendiri untuk mewujudkan suatu industri *power generation* dan pembangunan pusat janakuasa yang berasaskan biomas tempatan khususnya daripada apa yang telah pun diumumkan daripada bahan sekam padi, jerami padi ataupun bahan-bahan lain khususnya minyak sawit mentah (MSM).

Kemudian, negara kita juga mempunyai banyak input ataupun bahan-bahan daripada sisa-sisa industri berasaskan kayu ataupun sawmills, perabot dan kayu gergaji dan negara juga mempunyai banyak bahan yang berasaskan biomas boleh diterokai begitu hebat dan negara sudah pasti akan begitu menghadapi suatu pembangunan yang memberangsangkan lagi, menggerakkan rakyat untuk membekalkan kepada pihak Tenaga Nasional ataupun mana-mana *power generation* yang menggunakan sumber biomas ini.

Setakat ini kita tahu bahawa sumber tenaga daripada janakuasa hidro adalah satu daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui tetapi daripada apa yang kita lihat, pergantungan kepada sumber hidro adalah kecil. Daripada Laporan Rancangan Malaysia Kelapan didapati hanya pergantungan kepada 8% sahaja pada tahun 2000, ini suatu penumpuan yang kita nampak sumber hidro adalah suatu sumber yang tidak digarapkan dengan lebih berkesan dibandingkan dengan sumber tenaga daripada gas ataupun daripada minyak itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kita lihat jika strategi untuk membangunkan sumber hidro sebagaimana yang disebutkan dalam laporan-laporan oleh pihak TNB, kita nampak suatu kerugian akan berlaku dalam negara kita kerana daripada usaha pembangunan janakuasa elektrik hidro ini sudah pasti akan mengorbankan banyak ecosystem dalam negara kita daripada flora-fauna dan seumpamanya yang sudah pasti akan mengancam alam sekitar dan sebagaimana juga yang digembar-gemburkan daripada isu pembinaan Empangan Bakun yang kita didapati daripada Empangan Bakun terpaksa mengorbankan kira-kira 1,639 keluarga daripada kalangan suku kaum Orang Ulu untuk dipindahkan dan terpaksa juga dalam proses pemindahan itu suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penempatan Semula dan Sosioekonomi Bakun mengeluarkan kira-kira RM300 juta untuk pampasan sahaja.

Ini suatu bukti bahawa jika fokus kepada sumber tenaga diperbaharui itu difokus kepada sumber janakuasa elektrik hidro akan mengorbankan banyak perkara yang melibatkan wang dan harta semula jadi daripada anugerah Tuhan itu sendiri.

Demikian juga kita melihat sumber biomas ini sebagai suatu pilihan terbaik apabila kita mengkaji daripada kajian-kajian yang telah pun dibuat. Misalnya daripada hasil kajian yang dibuat oleh ASEAN EC Program, ia telah memberi suatu kesan kuasa yang positif dari sudut masa depan. Demikian juga keputusan telah dibuat oleh TNB yang telah melantik suatu syarikat, power generator daripada Britain untuk menguruskan kepentingan dengan menyasarkan matlamat penggunaan minyak sawit mentah kepada tahap 50% dalam penjanaan loji janakuasa TNB merupakan suatu pendekatan yang terbaik. Soalnya ialah, sejauh manakah projek diesel yang menggunakan MSM ini oleh TNB mencapai sasaran sebenar berdasarkan kepada target yang telah pun dikenakan ataupun target yang telah ditetapkan. Kerana kita melihat kesungguhan sebenar ini apabila isu pergantungan kepada IPP bagi menjana tenaga dan membekal tenaga kepada TNB adalah suatu perkara yang semacam mewas-waskan lagi suasana yang ada untuk menggerakkan penggunaan diesel daripada sumber MSM ini sebagai suatu pilihan untuk membekalkan tenaga.

Kemudian juga saya ingin mendapat maklum balas suatu projek daripada pembangunan strategi bagi tenaga boleh diperbaharui sebagai bahan api kelima dalam negara kita telah dilaksanakan bagi menilai potensi tenaga boleh diperbaharui dalam negara dan mempertimbangkan rangka perundangan kawal selia dan aspek kewangan untuk menjadi suatu cabaran kepada Suruhanjaya Tenaga untuk koperasi.

Begitu juga saya dimaklumkan bahawa mengenai usaha pihak Universiti Sains Malaysia telah menubuhkan pusat pendidikan dan latihan tenaga boleh diperbaharui sebagai suatu usaha bagi menambah sumber tenaga dan kecekapan dalam pengurusan tenaga itu sendiri.

Jadi, ini suatu perkara yang boleh dialu-alukan tetapi keseriusan pihak suruhanjaya yang akan beroperasi kelak sudah pasti akan menjamin perkara-perkara ini berlaku. Berdasarkan kepada maklumat daripada butiran tambahan yang diperuntukkan ini, operasi sepenuh Suruhanjaya Tenaga akan berlaku pada 1 September 2001. Bermakna bahawa setakat ini pihak Suruhanjaya Tenaga telah pun menjalankan operasi dengan keadaan tidak sepenuh. Jadi, beberapa soalan saya kemukakan dari sudut koordinasi Suruhanjaya Tenaga itu sendiri dari sudut keanggotaannya telah pun memenuhi ataupun tidak mengikut seksyen 3(1) dan seksyen 5 Akta Suruhanjaya Tenaga dan adakah ia telah pun menempat kepada suatu pejabat yang khusus misalnya di Putrajaya ataupun di mana-mana, dan sekiranya ia telah pun memenuhi daripada sudut pelantikan mengikut akta, bolehkah pihak kementerian menjelaskan siapakah individu-individu yang telah pun diberi amanah tanggungjawab bagi menduduki Suruhanjaya Tenaga ini pada Dewan yang mulia ini.

Demikian juga suatu isu yang harus kita sedar, tanggungjawab suruhanjaya dalam memastikan daripada sudut prospek dan cabaran industri tenaga negara pada masa depan berdasarkan kepada pertumbuhan penggunaan tenaga industri dan

pengangkutan pada kadar 8.5% setahun dan begitu juga dalam industri yang berkaitan lagi menunjukkan suatu pertambahan yang tinggi ataupun pertumbuhan yang mesti dibuat persiapan dari sudut bekalan tenaga itu. Sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, penggunaan puncak dalam bekalan tenaga dalam negara kita perlu dibuat suatu pertimbangan kerana kita nampak asas-asas kebimbangan daripada sudut penguasaan tenaga berlaku daripada pengalaman yang lepas kerana negara pernah mengalami dua kali black out di seluruh negara. Begitu juga pengalaman yang berlaku di California, USA sudah pasti akan memberi suatu komitmen untuk kita bertegas dalam perkara-perkara pengurusan tenaga untuk memastikan keperluan kepada industri dalam negara ini.

Satu perkara juga yang ingin saya bangkitkan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Tenaga ialah sebagaimana yang telah kita mengakui mengikut seksyen 14(1) Akta Suruhanjaya Tenaga khususnya cerai C yang berhubung dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Berhubung dengan Suruhanjaya Tenaga ini ialah untuk menasihati menteri dalam memastikan urusan bekalan gas yang mencukupi. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam rangkaian pipeline gas dalam negara kita dengan rangkaian daripada sumber gas asli daripada banyak luar pantai Terengganu, kenapa negeri Kelantan, Terengganu dan Perak Utara tidak dimasukkan dalam projek pembinaan PGU ataupun rangkaian Peninsular Gas Utilization ini, kerana kita tahu negara-negara ini juga mempunyai penggunaan ataupun memerlukan kepada bekalan gas yang mencukupi.

Oleh kerana itu juga, saya juga ingin mempertikaikan langkah keputusan pihak-pihak atasan yang tidak membenarkan gas plant dapat dibina di Bachok, Kelantan sedangkan di sudut batasi dan jarak dengan GDA Malaysia-Thai ianya adalah paling terdekat. Oleh kerana itu, Suruhanjaya Tenaga harus membuat pertimbangan bijaksana untuk mengeluarkan mana-mana pemegang lesen bagi mengusahakan gas plant di Bachok, Kelantan dalam Parlimen saya sendiri.

Akhir sekali saya ingin bertanya pihak kementerian ialah dari sudut pelaksanaan sebenar Suruhanjaya Tenaga, ini bagaimana status kedudukan Lembaga Elektrik Sabah menerusi Syarikat JV di antara TNB dan Lembaga Elektrik Sabah ini menerusi Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang mana kita nampak kepentingan TNB begitu besar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah cukup masa.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Akhirnya, saya ingin juga membuat satu pertanyaan lagi, minta sikit ya. kedudukan tanggungjawab Suruhanjaya Tenaga juga kepada SESCO iaitu Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak kerana mereka juga adalah bertanggungjawab dalam membekalkan tenaga, adakah bidang kuasa Suruhanjaya Tenaga ini ada dalam kedua-dua kepentingan di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

12.45 tgh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih, Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk berucap. Tidak ambil masa yang lama kerana perut pun sudah lapar. Lepas itu Tuan Pengerusi, bolehlah tangguhkan Dewan.

Saya hendak menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, berhubung hendak membahaskan Maksud B.49 Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berhubung dengan tambahan peruntukan sebanyak RM7.8 juta. Berhubung dengan pelancaran Suruhanjaya Tenaga pada 1 September.

Kita ucap tahniah dengan adanya pelancaran Suruhanjaya Tenaga ini saya harap yang pertama, bekalan-bekalan elektrik ke luar-luar bandar hendaklah diberi dengan secepatnya supaya semua rakyat yang duduk khususnya di luar bandar dapat menikmati bekalan api dengan adanya perubahan Suruhanjaya Tenaga itu.

Satu lagi ini berhubung dengan bekalan api ke rumah-rumah yang berhampiran dan melalui kawasan ladang, Tuan Pengerusi. Pada masa kini kadang-

kadang pihak ladang tidak membenarkan pihak TNB untuk membekalkan api yang terpaksa melalui ladang.

Jadi, saya ingin tahulah kalau perkara ini pihak ladang tidak membenarkan melaluinya, kerajaan kena ambil alih untuk laluan bekalan elektrik. Ini berlaku di kawasan saya. Lebih-lebih lagi kalau ladang itu kepunyaan warga asing. Saya ingat kita kena keras sedikitlah kalau ada tanah-tanah kepunyaan warganegara asing lepas itu kita hendak masuk api, hendak minta lalu sedikit kawasan itu tidak diizinkan. Ini macam mana kita hendak ambil tindakan atau perhatian dalam perkara ini supaya rakyat yang sudah duduk rumah kerana tanah ladang ini sebahagian ladang dan sebahagian tanah kerajaan yang diperolehi, yang telah diduduki. Tetapi entah macam mana ladang 60 tahun, 70 tahun, 80 tahun dahulu punya kurnia ini mungkin pada masa itu tidak ada siapa yang hendak duduk tetapi sekarang orang sudah buat rumah, sudah buat apa tetapi kebetulan sebelum sampai ke rumah itu ada ladang dan hendak masuk api susah. Pihak ladang tidak izinkan.

Jadi, saya ingat dan kalau inilah tidak diselesaikan saya hendak cadangkan pertama, mungkin boleh ambil required tanah itu. Yang kedua, tengok sedikitlah kalau bukan warganegara orang asing punya ini kena keras sedikitlah, warning sedikit. Kalau dia tidak hendak beri juga, kita kena ambil tindakan. Apa cara itu terpulung kepada kerajaan supaya rakyat tidak susah. Asyik minta wakil rakyat buat surat pun tidak dapat dan sebagainya.

Jadi, ini dan saya harap dengan adanya penubuhan Suruhanjaya Tenaga ini maknanya bekalan api ke kawasan-kawasan yang melalui tanah-tanah ladang hendaklah pihak ladang memberikan keizinan. Kalau tidak, pihak kerajaan kena required tanah itu ataupun kena ambil tindakan terhadap ladang itu. Yalah kita kena lihat kepada rakyat Malaysia itu sendiri yang hendakkan bekalan api tetapi tidak dapat masuk kerana ada masalah yang tidak dibenarkan oleh pihak ladang itu Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap dengan tertubuhnya suruhanjaya saya sudah kata biarlah rakyat semua dapat bekalan api dengan sebaik-baiknya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Nantilah belum habis. Hendak beri salam dahulu barulah cakap. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jelilah, Jeli dahulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wah, tiba-tiba ada ramai.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli dahulu. Jelilah dahulu, sudah lama.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tiga orang sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

12.48 tgh.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Selamat tengah hari. Salam Sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja. Saya mengalu-alukan pelancaran Suruhanjaya Tenaga ini cuma saya minta suruhanjaya ini menjalankan tugas dengan baik, dengan berhati-hati dan juga dengan secara saksama.

Saya minta, orang dari Sarawak diwakili dalam suruhanjaya ini dan oleh kerana di Sarawak kebanyakan kawasan-kawasan adalah kawasan luar bandar dan kebanyakan orang yang duduk di Sarawak adalah terdiri daripada kaum Dayak dan saya mintalah orang daripada kaum Dayak dipertimbangkan untuk menjadi anggota suruhanjaya ini.

Saya juga minta suruhanjaya ini dalam menjalankan tugas sebagai penasihat
.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja. Saya setuju cadangan Yang Berhormat tadi, orang daripada negeri Sarawak dan kaum Dayak dilantik. Yang Berhormat setuju tidak saya ingat Yang Berhormat ini patut dicadangkan untuk duduk dalam suruhanjaya itu sebab Yang Berhormat banyak pengalaman. Ini cakap serius dan hari-hari bangkit supaya Yang Berhormat dapat duduk dan Yang Berhormat dapat membantu kita walaupun wakil daripada negeri Sarawak. Yang Berhormat setuju tidak Yang Berhormat dilantik.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, saya memang setuju [*Ketawa*] Bukan sahaja 100% Tuan Pengerusi, 1000% pun saya setuju. Oleh kerana ini adalah satu paradigm shift .dari kawan-kawan saya yang memerintah di Semenanjung ini oleh kerana selama ini saya nampak kami Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak ini, kalau menjawat jawatan dalam suruhanjaya ini memang jarang betul difikirkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berdoalah.

Tuan Jimmy Lim Donald: Okay. Jadi, saya berdoalah, kawan-kawan saya yang berpengaruh sebelah sini menjemput lebih ramai Ahli Parlimen dari Sarawak duduk di dalam suruhanjaya ataupun badan-badan berkanun yang lain. Terima kasih kawan saya yang baik sangat hari ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, seterusnya kita hendakkan orang bumiputera ini berkecimpung dalam bidang teknikal dan saya haraplah, apabila suruhanjaya ini menjalankan tugas sebagai penasihat, sebagai badan yang menjaga hal ehwal tenaga menentukan orang-orang daripada kaum bumiputera ini diberi pertimbangan secara affirmative action, dengan izin, supaya mereka melibatkan diri dalam bidang ini dari permulaan, dari the most humble worker hingga yang duduk di suruhanjaya ini supaya kita semua dapat didedahkan kepada industri teknikal yang sangat berguna dan yang menyentuh kehidupan harian kitasemua di Malaysia ini.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya minta juga suruhanjaya ini menentukan kerjasama yang erat, yang teguh, yang mesra di antara pembekal-pembekal tenaga ini di Sarawak SESCO dan di semenanjung ini TNB dan juga syarikat-syarikat yang lain bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh kerana kadang-kadang saya nampak kerjasama yang erat ini tidak wujud dan apabila kita wakil rakyat ini minta KPLB masuk ke kampung untuk melaksanakan rancangan supaya rumah panjang dan kampung ini dibekalkan dengan tenaga elektrik, kadang-kadang pegawai-pegawai kita dari SESCO dan juga badan-badan yang lain ini tidak berapa bersimpati. Kalau mereka bersimpati pun mereka mengenakan caj yang begitu tinggi hinggalah orang di kampung pun tidak dapat membayar apa yang diminta oleh mereka. Saya rasa kalau ada suruhanjaya ini nanti, saya harap semua rakyat ini dibela dengan cara yang baik supaya kita semua dapat hidup dengan selesa dan dengan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

12.53 tgh.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan selamat bertugas untuk Suruhanjaya Tenaga. Saya ada empat perkara yang ingin dibangkitkan.

Yang pertama ialah saya mencadangkan supaya harga elektrik diturunkan oleh Tenaga Nasional Berhad. Kita tahu bahawa sekarang pertandingan ataupun persaingan tempat-tempat industri di antara negara China, Vietnam, Malaysia adalah begitu ketat dan sebahagian daripada daya tarikan kita ialah harga elektrik yang murah. Saya mencadangkan cadangan ini berasaskan dua perkara. Yang pertama, harga loji yang dibina oleh IPP sekarang sengaja dinaikkan harganya menjadi lebih besar.

Saya merujuk kepada apa yang disebut oleh Kadir Jasin dalam ruangan *Other Taught* dalam *Sunday Times* pada suatu masa, saya lupa bawa keratan itu pada hari ini. Sebagai satu contoh ialah sebuah loji yang dibina dengan kapasiti 1,000 megawatt di Singapura. Harga loji ialah USD450 juta tetapi kapasiti yang sama yang dibina oleh IPP Malaysia di negara kita kapasiti yang sama dan masa pembinaan agak sama ialah USD750 juta. USD200 juta kos lebihan telah berlaku bagi satu loji persendirian. Saya berharap supaya Suruhanjaya Tenaga memulakan tugasnya dengan mengkaji aspek ini, mengapakah harga loji di negara kita menjadi lebih mahal daripada loji di negara

jiran. Pada hal kapasitinya sama dan masa pembuatan adalah sama. Jika sekiranya IPP kita dapat dipaksa untuk mendedahkan akaun sebenar yang akan menunjukkan kos sebenar pembinaan IPP ini, saya yakin harga elektrik di antara IPP dengan TNB akan menjadi lebih rendah. Saya amat yakin bahawa kos IPP telah dinaikkan dengan sengaja bagi mendapat keuntungan yang paling cepat dan kesannya ialah kos elektrik menjadi lebih mahal.

Oleh kerana itu Suruhanjaya Tenaga saya rasa mempunyai kuasa untuk meminta semua akaun tiap-tiap IPP ini untuk dikaji semula dan daripada akaun ini kita akan dapat melihat perbelanjaan sebenar pembinaan loji-loji jika sekiranya mark-up price telah berlaku, maka kita berharap Suruhanjaya Tenaga dapat memaksa mereka pergi kepada kos yang sebenar. Dengan itu kadar elektrik yang dibekalkan oleh IPP kepada tenaga dapat dikaji.

Yang kedua ialah, hujah saya bahawa elektrik boleh diturunkan. Pada masa first generation of IPP dalam awal tahun 1990'an, kadar yang dikenakan ataupun dijual oleh IPP kepada Tenaga Nasional Berhad ialah 15.4 sen bagi satu kilowatt tetapi sekarang IPP yang sama telah berjaya menurunkan - dalam perjanjian yang baru ditandatangani di antara IPP untuk Power Purchasing Agreement ialah 11 sen, 4 sen lebih telah dapat diijamatkan. Ini bererti bahawa kos elektrik IPP kepada tenaga, harga elektrik yang dibekalkan oleh IPP kepada tenaga boleh dikurangkan. Kenapa sekarang boleh turun kepada 11 sen, yang dahulu 15 sen lebih sedangkan pada masa itu conversion Ringgit kepada Dolar ialah RM2.80 ialah USD1 sekarang RM3.80 ialah USD1. Bermakna jika kita mengimport bahan asas enjin untuk loji pada waktu itu jauh lebih murah daripada sekarang. Untuk enjin yang sama, untuk kapasiti pelan yang sama lebih murah kerana masa itu Ringgit lebih kukuh tetapi masa itu harga yang diberikan kepada tenaga adalah lebih tinggi. Sepatutnya sekarang yang lebih tinggi kerana nilai wang kita telah turun dan dengan itu import loji menjadi lebih mahal. Tetapi mengapa masa itu lebih tinggi dan sekarang

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan Datok bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu, lepas itu kerana saya ada dua, tiga, takut tidak sempat.

Itu yang pertama yang penting saya rasa. Jika sekarang mereka boleh bekalkan dengan harga 11 sen, saya berharap kadar ini digunakan sebagai benchmark untuk mengkaji kadar yang terdahulu walaupun perjanjian PPA telah ditandatangani tetapi saya rasa kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad mempunyai kuasa termasuk melalui Suruhanjaya Tenaga ini untuk mengenakan perundangan bagi kadar yang baru dan kita boleh sambung konsesinya. Katakan sekarang konsesinya ialah 15 tahun. Kita boleh sambung jadi 20 tahun dengan syarat kadar yang diberikan adalah lebih rendah. Dengan ini pengguna akan menikmati tarif elektrik yang jauh lebih baik, jauh lebih murah. Saya yakin jika Suruhanjaya Tenaga mengambil peranan atas dua faktor yang saya telah sebutkan harga elektrik Tenaga Nasional Berhad akan dapat dikurangkan.

Yang kedua, ialah saya telah membangkitkan tentang Tenaga Nasional Berhad telah menukar satu enjin yang dahulunya dibekalkan oleh satu syarikat Perancis dalam pembinaan loji di Lumut kalau tidak silap saya kepada enjin yang dibekalkan oleh Sumitomo yang harganya RM100 juta lebih mahal. Pada waktu itu Yang Berhormat bagi Rompin sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad telah bangun supaya saya memberikan bukti-bukti terhadap tuduhan saya.

Untuk makluman Dewan ini Tuan Pengerusi, saya telah pun menyerahkan sebahagian daripada dokumen yang saya miliki kepada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad dalam dua minggu yang lepas. Saya berharap Suruhanjaya Tenaga melalui kementerian ini dapat mengkaji hal ini dan dapat memberikan penjelasan, mengapa Tenaga Nasional Berhad pada waktu itu telah menukar pesanan enjin yang telah dibekalkan oleh satu syarikat Perancis kepada satu syarikat Sumitomo daripada Jepun dengan kosnya RM100 juta lebih mahal. Ini adalah satu perkara penting. Yang Berhormat daripada kementerian boleh ambil salinan dokumen itu daripada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad yang juga Yang Berhormat bagi Rompin. Ya sila Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya hendak penjelasan sedikitlah. Laluan yang diberi peluang ini untuk bertanya adakah Yang Berhormat juga sedar bahawa fix cost ataupun kos tetap terhadap IPP yang kini telah menurunkan kadar bayaran kepada TNB memperlihatkan bahawa walaupun kadar dahulu conversion ratenya RM2.50 bagi USD1 dan sekarang ini RM3.80 – USD1 tetapi kerana fix cost itu telah di absorb kan lebih awal, maka dari segi jangka panjangnya kadar pembayaran kepada IPP ini oleh TNB, boleh dikurangkan.

Saya tidak menolak bahawa saya bersetuju jika Yang Berhormat mencadangkan supaya konsesi ini secara relatifnya dapat diperpanjangkan ertinya the spread ataupun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terpaksa pendekkan soalanlah kerana masa

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya hendak penjelasan sedikit. Beliau boleh sambung. Yang Berhormat boleh sambung nanti. Adakah spread itu menyebabkan secara relatifnya, jangka panjangnya IPP tidak rugi dan TNB tidak rugi. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat boleh sambung pada 2.30 petang ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak boleh jawab lagi. Berapa minit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi lima minit sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Pengerusi: Ya, mesyuarat disambung semula. Sila Kubang Kerian.

2.30 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyambung perbincangan saya. Saya telah menyebut bahawa harga elektrik dapat dikurangkan dengan dua faktor yang telah saya nyatakan tadi iaitu pada masa ringgit kita kukuh, harga pembinaan loji adalah menjadi lebih murah tetapi harga yang dibekalkan oleh IPP melalui PPA kepada Tenaga Nasional Berhad adalah lebih mahal. Sekarang harga ringgit kita jatuh, sepatutnya loji yang dibina sekarang lebih mahal tetapi IPP ini dapat membekalkan bekalan elektrik dengan kadar 11 sen 1 kilowatt kepada Tenaga Nasional Berhad.

Jadi, ini patut digunakan oleh suruhanjaya ini sebagai satu landasan untuk mengkaji semula semua perjanjian pembelian kuasa daripada IPP oleh Tenaga Nasional Berhad dan saya telah mencadangkan supaya tempoh konsesi ini dapat ditimbang untuk dipanjangkan supaya dengan itu kos tetap pembinaan IPP yang telah sedia ada dapat diagihkan dalam satu jangka masa ataupun satu jeda yang lebih panjang. Saya yakin jika kedua-dua tindakan ini diambil, harga tenaga elektrik kita dapat dikurangkan dalam masa yang singkat dan saya setuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Tadi Tuan Pengerusi, saya tidak berapa faham soalan dia, selepas dirundingkan di luar, baru saya faham iaitu kos tetap sesuatu IPP mestilah diagihkan satu jangka masa yang lebih panjang, dengan itu kos puratanya akan turun dan harga elektrik dapat dikurangkan. Ini sangat mustahak untuk dikaji oleh Suruhanjaya Tenaga Nasional Berhad.

Yang ketiga yang saya ingin sebutkan ialah pembekalan gas. Kita semua tahu bahawa IPP kita sebahagian besar beroperasi, bahkan di seluruh Semenanjung 60% daripada bekalan elektrik dijanakan melalui penggunaan gas dan kita mendapat gas melalui Petronas melalui Gas Supply Agreement (GSA). Yang saya ingin bangkitkan sekarang ialah berkenaan dengan GSA di antara Petronas dengan Kerajaan Singapura ataupun IPP di Singapura. Apakah asas pricing yang telah dipakai. Setahu saya ataupun mengikut maklumat yang terhad yang saya ada, asas yang kita pakai untuk pembekalan gas daripada Petronas ke Singapura ialah berasaskan kepada dtying fuel, dengan izin, Tuan Pengerusi iaitu satu asas yang sekarang sudah tidak terpakai untuk kita menentukan harga gas setanding dengan harga semasa kerana sekarang harga pasaran gas di seluruh dunia telah meningkat iaitu menjadi RM15 satu MMBTU dan jika sekiranya Singapura, bukan saya hendak suruh putus atau hendak kaji semula, bukan.

Jika dengan Singapura kita boleh menggunakan asas pricing yang begitu lemah, yang begitu menguntungkan Singapura walaupun harga telah naik, kita tidak dapat menaikkan semasa di atas pricing yang berasaskan kepada dtying fuel tadi, maka tidak sepatutnya Petronas mengenakan syarat yang lebih ketat kepada IPP dan Tenaga Nasional Berhad dalam kes GSA ini. Saya mengulangi apa yang telah saya sebutkan berkali-kali bahawa GSA yang akan tamat bulan Disember ini memungkinkan ada kenaikan harga gas oleh Petronas dan jika gas dinaikkan harga bererti harga elektrik di seluruh negara juga akan meningkat.

Saya telah mencadangkan supaya harga ditetapkan pada harga sekarang iaitu RM6.10 atau RM6.20 satu MMBTU. Walaupun ini adalah lebih rendah daripada harga pasaran tetapi Petronas telah pun mendapat keuntungan daripada perkara ini. Jadi, pricing scheme yang kita buat dengan Singapura saya minta dapat penjelasan daripada kementerian.

Bagi mendapatkan harga gas yang murah, nearness to resources, dengan izin, adalah satu perkara yang mustahak. Kita telah bangkitkan bahawa sumber gas asli kita ialah di Kelantan dan Terengganu. Ini hakikat yang tidak boleh kita lari. Ini adalah tempat di mana sumber gas ini dihasilkan. Oleh itu, nearness to resources adalah satu perkara asas dalam ekonomi untuk membolehkan kos bahan mentah ini dikurangkan. Sebab itu kita mencadangkan supaya looping dan juga PGU yang dahulunya dicadangkan dibina merentas negeri Kelantan selain daripada PGU yang kita ada dari Kerteh ke Pantai Barat, bahkan IPP juga seharusnya ditempatkan di Kelantan ataupun di Terengganu dengan lebih banyak supaya kos untuk mendapatkan bekalan gas menjadi lebih rendah dan dengan itu dapat mengurangkan sebahagian daripada kos tenaga kita.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi ialah....saya rasa yang lain-lain tidak ada., Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Gelang Patah. Lepas itu kementerian menjawab ya.

2.36 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas tentang Maksud B.49 tentang tambahan sebanyak RM7,800,000 untuk geran pelancaran kepada suruhanjaya Tenaga.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta supaya melalui Suruhanjaya Tenaga Nasional Berhad dapat memerhatikan tentang aduan-aduan orang ramai berkenaan dengan gangguan bekalan elektrik yang sentiasa kita mendapat aduan daripada orang ramai kemungkinan kerana ada masalah teknikal di taman-taman perumahan yang mana kemungkinan kekuatan bekalan elektrik itu tidak dirancang dengan baik dan ada masalah breakdown dan ini sudah tentu mendatangkan banyak rungutan daripada para penduduk dan peniaga di taman perumahan.

Seperti di kawasan saya, Taman Ungku Tun Aminah, satu taman yang telah diwujudkan lebih 15 tahun dan sentiasa menghadapi masalah ini, kemungkinan besar adalah kerana pada rancangan dahulu tidak dibuat kiraan yang betul dan bila taman itu disiapkan dengan penduduk yang ramai, kedai-kedai yang banyak di sana dan masa dahulu kemungkinan mereka tidak kira bahawa sekarang tiap-tiap orang memang ada pasang alat hawa dingin digunakan siang hari dan malam. Ini sudah mendatangkan satu masalah. Ini perlu siasatan dan tindakan daripada pihak TNB.

Yang kedua Tuan Pengerusi, pihak pemaju perumahan oleh kerana menghadapi satu masalah iaitu bila mereka memberikan sumbangan kepada TNB untuk kerja-kerja pemasangan kabel elektrik, harap supaya bila rumah mereka siap CFO akan dapat membekalkan bekalan elektrik, kerja oleh TNB boleh siap tetapi malangnya daripada pengalaman mereka sentiasa masa itu tidak sama. Bila bangunan siap tetapi kerja untuk pemasangan kabel elektrik tidak siap.

Oleh yang demikian, mereka sudah minta kepada pihak TNB supaya buat secara turnkey tetapi apabila mereka minta secara turnkey, walaupun mereka mendapat rebat 60% daripada TNB, daripada sumbangan itu, tetapi sudah ada perbezaan dengan guarantee period. Jika dibuat oleh TNB, guarantee period 1 tahun. Jika dibuat secara turnkey, guarantee period lima tahun. Saya ingin tahu daripada kementerian, apa perbezaan antara kerja pemasangan kabel oleh TNB dan oleh kontraktor pemaju melalui konsep turnkey. Mengapa bila oleh TNB 1 tahun, bila oleh kontraktor pemaju, lima tahun. Ini kerana mereka pun dapat kelulusan daripada TNB. Mereka pun melalui konsultan yang diakui oleh pihak TNB dan bila kerja ini disiapkan pihak TNB, pegawai mereka pun periksa tentang kerja-kerja pendawaian elektrik itu, kabel itu dan jika begini, mengapa ada perbezaan, ada satu tahun dengan lima tahun.

Jadi, saya harap pihak Suruhanjaya Tenaga Nasional Berhad dapat memberikan perhatian tentang hal ini supaya dapat memberikan perhatian tentang rayuan daripada pihak pemaju. Persatuan Pemaju Negeri Johor sudah buat rayuan tetapi hingga sekarang belum ada jawapan kerana mereka minta supaya guarantee period secara turnkey pun satu tahun sahaja.

Saya ingin memperkenalkan dua isu ini kepada pihak kementerian supaya mendapat jawapan daripada mereka.

Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

2.41 ptg.

Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman, Bachok, Tebrau, Sri Aman, Kubang Kerian dan akhirnya Gelang Patah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menerangkan bahawa tambahan peruntukan sebanyak RM7.8 juta adalah dikehendaki sebagai geran pelancaran kepada Suruhanjaya

Tenaga Nasional Berhad yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya sebelum akhir tahun 2001 ini. Peruntukan ini bertujuan untuk membiayai bayaran emolumen bagi ahli-ahli lembaga dan anggota Suruhanjaya Tenaga Nasional Berhad, bayaran perkhidmatan dan bekalan seperti sewa ruang pejabat, perhubungan dan utiliti, penyenggaraan, perjalanan dan juga pembelian aset seperti komputer, peralatan pejabat serta kenderaan. Tambahan peruntukan sebanyak RM7.8 juta ini menjadikan jumlah keseluruhan Peruntukan Mengurus Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk tahun ini meningkat kepada RM69,304,400.

Tuan Pengerusi, penubuhan Suruhanjaya Tenaga Nasional Berhad adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan keberkesanan kawal selia ke atas sektor tenaga iaitu bekalan elektrik dan bekalan gas dan bidang kuasa suruhanjaya akan diperluas untuk meliputi bukan sahaja fungsi kawal selia yang sedia ada iaitu kawal selia teknikal keselamatan tetapi kawal selia ekonomi juga.

Tuan Pengerusi, antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan tadi adalah berkenaan dengan bekalan penjanaan elektrik yang dinyatakan lebih atau tidak cukup dan isu yang lain ialah berkenaan dengan sumber tenaga khasnya tenaga renewable, dengan izin, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui dan berkenaan dengan tenaga yang digunakan dengan lebih cekap.

Yang lain ialah berkenaan dengan penggunaan crude palm oil, dengan izin, minyak sawit mentah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bachok dan Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau yang membangkitkan berkenaan dengan bekalan elektrik khususnya di ladang-ladang dan Sri Aman telah membangkitkan berkenaan dengan anggota suruhanjaya khususnya dari Sarawak dan Kubang Kerian pun ada membangkitkan berkenaan dengan tarif dan sebagainya dan Gelang Patah khususnya untuk Taman Tun Aminah dan masalah gangguan bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan anggota Suruhanjaya Tenaga seramai tujuh orang termasuk seorang Pengerusi telah dilantik oleh kerajaan dan dua daripada anggota biasa ialah yang mewakili pihak kerajaan iaitu Ketua Setiausaha dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan lagi seorang ialah Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya. Yang lain-lain ialah ahli-ahli yang mewakili bukan dari kerajaan, tempoh untuk Pengerusi dan ahli daripada kerajaan ialah tiga tahun sementara tempoh untuk ahli-ahli yang bukan kerajaan ialah cuma dilantik untuk dua tahun. Tetapi Suruhanjaya Tenaga dalam segi bidang kawal seliaan tidak termasuk negeri Sarawak, Sarawak mempunyai yang lain dari segi kawal seliaan, jadi anggota yang mewakili Sarawak tidak termasuk dalam anggota Suruhanjaya ini.

Mereka yang dipilih ialah atas ...

Tuan Pengerusi: Sri Aman bangun, hendak minta wakil Sarawak ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Pengerusi, itu tidak adil sama sekali, oleh kerana untuk orang di Sarawak saya dapat terima, tetapi kami juga dari Sarawak 28 orang yang menegakkan kerajaan di peringkat Persekutuan, macam mana dari Sarawak tidak boleh dipertimbangkan walaupun bidang tugas Suruhanjaya ini untuk Semenanjung, tetapi kami rasa kami juga rakyat Semenanjung, macam mana penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, maksud saya bukan orang dari Sarawak tidak boleh dipertimbangkan, tetapi oleh kerana setakat ini negeri Sarawak di luar bidang kawal seliaan Suruhanjaya Tenaga, jadi kemungkinan bahawa seorang yang mewakili Sarawak tidaklah dipilih.

Tuan Pengerusi, ...

Tuan Pengerusi: Bagan Datok bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya cukup bersimpati dengan Sri Aman yang beliau minta walaupun Suruhanjaya Tenaga itu tidak meliputi Sarawak, tetapi tidak salah kalau selepas tempoh dua tahun tamat, maka ada di kalangan orang Sarawak yang patut juga dilantik dalam Lembaga Suruhanjaya Tenaga ini dan tadi kita sudah sokong, Tebrau sudah sokong supaya Sri Aman dipilih sebagai salah seorang untuk dua tahun yang akan datang, jadi bukan saya hendak memaksa Yang Berhormat menjanjikan perkara ini tetapi usahakanlah kawan-kawan, 28 orang dari Sarawak yang menegakkan kita ini, jadi itu cara yang kita hendak tolong kawan-kawan kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, untuk menyelesaikan masalah dan menutup isu ini, cadangan akan boleh ditimbang. *[Ketawa]* Kalau tidak, tidak boleh habis ya.

Tuan Pengerusi, Pengerusi dan anggota Suruhanjaya Tenaga telah dilantik pada 1 Mei tahun ini dan dari segi operasi pejabat dan operasi belum dijalankan dan dijangka mungkin akhir tahun barulah operasi sepenuhnya akan dapat dijalankan. Walau bagaimanapun, tugas-tugas sedang dijalankan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas seperti yang dahulu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tebrau membangkitkan tentang bekalan elektrik ke ladang-ladang atau estet-estet di mana laluan tidak diberi atau kebenaran atau keizinan tidak diberi oleh tuan tanah. Walaupun dalam Seksyen 13 Akta Bekalan Elektrik memberi kuasa kepada kerajaan untuk mendapatkan laluan, tetapi kadang-kadang kena mengkaji tentang keperluan dan dari segi ekonomi, sebelum keputusan dibuat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kemaman dan Kubang Kerian ada membangkitkan berkenaan dengan IPP dan penjana elektrik. Tuan Pengerusi, projek IPP dijalankan semasa krisis bekalan elektrik di mana negara kita mengalami

satu *blackout* yang begitu serius pada tahun 1997 dan selepas itu konsep dan projek IPP pun telah dijalankan dan selepas itu beberapa IPP pun telah dijalankan, tetapi keputusan sekarang yang dibuat oleh Jemaah Menteri berkenaan dengan IPP ialah kalau ada projek IPP yang perlu dilaksanakan, cara bukan seperti *direct negotiation*, dengan izin, tetapi mengikut tender atau *bidding* yang ditajakan.

Jadi, dengan cara yang lebih kompetitif dan melalui satu proses tender dan tender boleh diambil bahagian oleh TNB generation sendiri dan melalui proses ini diharapkan bahawa satu harga atau tarif atau kos yang lebih kompetitif dapat dicapai dan dengan ini diharap bahawa tarif atau kos kepada pengguna dapat diturunkan.

Tuan Pengerusi: Ya, ramai ini, hendak beri kepada siapa Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Oh, sorry, Ya Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, persoalan yang saya timbulkan ialah mengenai kos yang dikenakan oleh YTL kepada TNB iaitu 15.5 sen per kilowatt, masalahnya ialah kos ini adalah terlalu tinggi untuk dibebankan kepada Tenaga Nasional dan daripada kemudahan-kemudahan yang didapati oleh YTL iaitu ia tidak perlu, dengan izin, *bear the cost of access reserve*, dan juga ia tidak perlu mengambil kira kos *social obligation*, maka kita minta supaya dikaji semula perjanjian ini dan saya tanya apa halangan-halangan yang ada dan tidak membolehkan perjanjian dikaji semula, kerana apa yang kita difahamkan bahawa YTL ia punya kos sudah cover dah, ia sekarang ini dapat *clean profit* daripada penjanaaan yang dibuat dan dianggarkan ia membuat keuntungan antara RM1.5 bilion hingga RM2 bilion setiap tahun bersih.

Jadi, takkanlah sebuah syarikat yang mendapat keuntungan yang begitu banyak tidak dapat dikaji semula perjanjian dengan TNB kerana hari ini TNB keadaan kewangannya cukup teruk. Saya minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, penjanaaan atau YTL merupakan satu IPP yang pertama dilaksanakan kerana harga adalah yang ditetapkan melalui satu proses *negotiation* di antara TNB dengan YTL dan harga pun ada dalam perjanjian. Jadi, pihak TNB kalau di masa hadapan pun boleh mengkaji atau berunding sekali dengan YTL, bukan sahaja dengan YTL dan lain-lain sama ada kos atau harga boleh diturunkan buat masa yang ke hadapan. Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi, dalam kontrak membekal elektrik kepada TNB oleh YTL dan lain-lain syarikat, soalan yang sama saya hendak kemukakan sama dengan Kemaman tetapi saya ingin menanya sama ada kontrak untuk membekalkan elektrik ini ia ada tempoh tamat atau tidak, pembekalan elektrik kepada TNB adakah kontrak ada tarikh tamat, sekiranya tidak ada tempoh tamat, bermakna ia akan membekal sepanjang hidup dan TNB akan rugi banyak dalam hal ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, secara perjanjian memang ada tempohnya dan baru tadi kalau tidak silap saya, siapa ada meminta atau mencadangkan bahawa tempoh jangka masa dipanjangkan dan di mana harga pun boleh diturunkan, itulah satu cadangan yang boleh diambil kira.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bekalan elektrik atau dari segi kegunaan *crude palm oil*, ujian telah dijalankan oleh TNB di beberapa station seperti di Perai dan di tempat-tempat lain di mana ujian yang telah kita dapati adalah sangat menggalakkan dari segi *fuel calorie content* dan sebagainya di mana kalau *energy mixed* dijalankan bersama dengan diesel dengan MSM atau *Crude Palm Oil (CPO)*, boleh kata ujian yang dijalankan dapat satu result, keputusan yang menggalakkan dan yang baik sekali ialah kalau *palm oleine* digunakan ujian yang dijalankan keputusan memang amat baik, walaupun setakat ini harga *palm oleine* termasuk harga CPO boleh dikatakan tinggi kalau dibandingkan dengan kos diesel tetapi diesel adalah satu komoditi yang mempunyai subsidi, jadi kita sedang menjalankan satu kajian untuk memastikan kos yang sebenarnya jika tiada subsidi. Dan yang mustahak sekali ialah melalui satu kajian atau ujian yang telah dijalankan, harga minyak sawit mentah atau *crude palm oil* telah boleh dikatakan melambung sehingga lebih daripada RM1,000 harga sekarang.

Kemaman dan Bachok telah membangkitkan t berkenaan dengan *energy mixed* atau *reserve* yang dijalankan, tetapi Tuan Pengerusi, setakat ini, penjanaaan elektrik adalah kebanyakan menggunakan gas sehingga kalau tidak silap saya lebih kurang 79% dari penjanaaan elektrik adalah penggunaan gas, oleh kerana kita ingin

melepaskan negara kita dari dependent atas gas, kita ada strategi supaya penggunaan gas dalam penjanaan elektrik diharap mengurangkan satu tahap lebih kurang 61% di mana penggunaan mungkin diberhentikan sehingga lebih kurang 30% dan yang 10% itu diharapkan menggunakan tenaga yang boleh dibaharui atau *renewable energy* seperti *biogas* dan termasuk hidro elektrik.

Setakat ini, penjanaan boleh dikatakan adalah mencukupi dan reserve yang disasarkan ialah 30% dan mengikut statistik yang kita ada, reserve yang biasanya adalah dalam lingkungan 30% kadang-kadang kurang sedikit, pada keseluruhannya reserve adalah mencukupi.

Tuan Pengerusi, itulah apa yang dapat dijawab

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai rizab ini, yang kita persoalkan, ialah bukan cukup tidak cukup tetapi berlebihan daripada apa yang kita tanya ialah maksimum kapasiti daripada janakuasa yang ada dalam negara sekarang ini kalau daripada maklumat yang kita ada, dia boleh produce sehingga 13,000 watt tetapi, keperluan negara sekarang ini[*sistem rakaman tak berfungsi*]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, mungkin statistik atau maklumat yang diperolehi oleh yang bagi Kemaman berbeza atau daripada sumber-sumber yang berlainan dan baru tadi lagi seorang ahli daripada pihak sana pun mengatakan bahawa rizab tidak mencukupi. Jadi, kadang-kadang kita perlu satu kajian yang lebih teliti dan jika boleh lihat berapa daripada segi sumber maklumat sebelum kita dapat memastikan sama ada yang betul. Tetapi, yang mustahak sekali ialah mengikut perancangan yang dijalankan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada membangkitkan tentang kes Sumitomo. Saya berharap dapat penjelasan daripada kementerian pada masa-masa akan datang.

Tuan Chia Kwang Chye: Sorry, saya tidak dengar.

Tuan Pengerusi: Dia kurang dengar, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya tidak dengar, minta maaf. [*Ketawa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya telah membangkitkan tentang kes Sumitomo iaitu, yang telah melibatkan pembelian EPF daripada Sumitomo asalnya dipesan daripada Perancis dan kos tambahan ialah RM100 juta. Saya berharap dapat penjelasan daripada Suruhanjaya Tenaga ataupun kementerian pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Chia Kwang Chye: [*Ketawa*]. Ok, ok. Maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian belum sampai kepada pejabat saya lagi tetapi kalau ada, saya akan mengkaji dan mungkin boleh bincang dengan perkara ini. Jadi, dengan ini Tuan Pengerusi.....

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, isu kedua yang saya bawa tadi, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang guarantee period untuk kerja pendawaian elektrik oleh secara turnkey oleh pemaju yang diuruskan oleh TNB berbeza iaitu, yang dibuat oleh TNB satu tahun, dibuat oleh pemaju secara turnkey, lima tahun. Apa alasan ini? Saya harap dapat penjelasan. Sekian, terima kasih. .

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Setakat ini, saya tidak ada maklumat berkenaan dengan pertanyaan itu. Walau bagaimanapun, pegawai telah mencatat dan permintaan akan disampaikan kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah secara lisan atau secara tulis. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,800,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,800,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan ratus tujuh puluh juta tujuh ratus enam puluh ribu satu ratus ringgit (RM870,760,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 228 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut;

hendaklah disahkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan ratus tujuh puluh juta tujuh ratus enam puluh ribu satu ratus ringgit (RM870,760,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 228 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut;

hendaklah disetujui.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan ratus tujuh puluh juta tujuh ratus enam puluh ribu satu ratus ringgit (RM870,760,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 228 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; hendaklah disahkan.

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN SARAAN
(PINDAAN) (NO.2) 2001**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.

3.10 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) (No.2) 2001 dibaca bagi kali yang kedua. Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 ialah akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang serta lain-lain perkara berkaitan dengannya.

Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 2, seksyen 4(a), seksyen 4(b), seksyen 4(c), dan Jadual Kedua kepada Akta Ahli Parlimen Saraan 1980. Pindaan-pindaan ini secara ringkasnya adalah melibatkan pindaan kepada takrif ahli atau anggota dalam Akta tersebut. Saraan bagi yang Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan rakyat serta faedah sekiranya berlaku kemalangan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda takrif 'ahli atau anggota' yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen Saraan 1980. Pada masa ini, ahli atau anggota dalam Akta tersebut, bermaksud anggota pentadbiran Ahli Parlimen, Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak termasuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dengan ketiadaan jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam takrifan tersebut, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hanya mendapat kemudahan sebagai Ahli Parlimen dan bukan mengikut jawatan yang disandang.

Dengan pindaan ini, ahli atau anggota bermaksud anggota pentadbiran, Ahli Parlimen, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pindaan ini adalah bagi

membolehkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menikmati kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 berasaskan jawatan yang disandang sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3(a) rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 4(a) dan (b) Akta ibu dengan memperuntukkan kenaikan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Fasal 3(b) rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 4(c) dan (d) Akta ibu dengan memperuntukkan bahawa Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah menerima gaji sebanyak RM8,000 sebulan menggantikan elaun sebanyak RM3,399 sebulan. Sebelum ini, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hanya dibayar elaun bulanan sahaja. Memandangkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat memegang jawatan tersebut secara sepenuh masa, adalah wajar mereka dibayar gaji yang sesuai dengan jawatan yang disandang. Oleh yang demikian, pindaan ini mencerminkan perubahan status jawatan-jawatan itu daripada separuh masa ke jawatan sepenuh masa.

Fasal 4 rang undang-undang pula, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji bulanan itu kena dibayar kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 rang undang-undang ini bertujuan meminda Jadual Kedua dengan memasukkan sebutan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ke dalam Jadual itu bagi membolehkan kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Jadual tersebut diberikan juga kepada kedua-dua penyandang jawatan berkenaan. Pindaan ini dicadangkan dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 2001.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan seperti yang telah dinyatakan di atas, akan melibatkan tambahan perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak RM70,600 setahun. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tambun.

3.15 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No.2) 2001. Saya menyokong di atas pindaan tersebut kerana memang jelas bahawa tugas Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua sudah menjadi begitu berat dengan saya dapat lihat perbezaan di antara Parlimen Kesepuluh dengan Kesembilan perdebatan lebih kerap lagi berlaku. Jadi saya menyokong di atas pindaan tersebut. Saya tahu bahawa tugas dan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua adalah untuk memastikan perjalanan Parlimen serta perbahasan urusan Parlimen berjalan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu saya berharap dengan adanya pindaan tersebut dan Timbalan Yang Di-Pertua dibayar elaun maka perjalanan urusan mesyuarat berjalan dengan lebih baik.

Satu aspek yang saya harap dapat diberi perhatian oleh Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua mengenai dengan Aturan Urusan Mesyuarat saya mengangap perkara ini amat penting. Saya dapati bahawa Aturan Urusan Mesyuarat ini kadangkala ditukar tidak mengikut jadual rang undang-undang akan dibahas dan bila tiba pada hari berkenaan tiba-tiba yang lain dijalankan.

Saya memberi contoh pengalaman saya mengenai dengan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan. Saya lihat dalam jadual sepatutnya akta saraan ini dan juga satu lagi rang undang-undang lain dibahas kemudian barulah melibatkan

Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan. Jadi, apabila kita balik ke kawasan masing-masing menerusi pengalaman kerana Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan saya jangkakan melibatkan satu perbahasan yang menyentuh perkara-perkara sensitif akan dibangkitkan oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, kita perlu lebih banyak membuat kajian dan penyelidikan melalui Internet, melalui buku dan sebagainya. Tetapi bila tiba ke Parlimen pada hari Isnin tiba-tiba didapati Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan ini didahulukan manakala saya telah pun mengumpul maklumat-maklumat yang belum lagi diletak dalam bentuk *talking points*.

Isunya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara ini berlaku saya rasa Parlimen akan berasa rugi kerana segala persediaan kita tidak dapat kita manfaatkan sepenuhnya. Dengan demikian saya berharap Tun, di atas kedudukan Tun sebagai Tuan Yang di-Pertua, dan Timbalan Yang di-Pertua pastikan Aturan Urusan Mesyuarat ini mengikut giliran supaya kita tahu buat persediaan input-input yang perlu kita perolehi dan input-input ini kita hendak sampaikan ke Parlimen agar ia dapat digunakan secara yang baik oleh pihak kerajaan dalam meneliti pandangan-pandangan serta input-input yang kita berikan untuk kepentingan negara kita.

Perkara kedua, mengenai dengan Aturan Urusan Mesyuarat. Di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) ada satu seksyen di bawah Fasal 14 (1) (i) iaitu Penerangan daripada Menteri-Menteri. Saya berpendapat bahawa Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua mungkin boleh melihat perjalanan Parlimen. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dan apakah isu-isu yang perlu mendapat maklum balas daripada pihak kerajaan. Maka oleh kerana kita berhadapan dengan keadaan yang lebih kompleks terutama sekarang melibatkan soal-soal ekonomi, melibatkan perkara-perkara yang agak teknikal, dengan itu saya berpendapat bahawa ada kalanya kita perlu mendapat penerangan daripada Menteri-Menteri.

Mungkin Tun sebagai Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua boleh menyampaikan maklumat ini kepada Menteri-menteri berasaskan kepada Tuan Yang di-Pertua melihat perjalanan Parlimen ini apakah isu-isu yang perlu diketahui oleh Ahli-ahli Parlimen, pihak Menteri boleh menyampaikan maklumat-maklumat tersebut dan berasaskan maklumat-maklumat tersebut kita boleh membuat persediaan yang lebih baik untuk memberi maklum balas serta input-input yang lebih baik dalam perbahasan.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, salah satu peranan Parlimen adalah peranan *check and balance*. Pernah kita bincang bahawa dalam proses demokrasi kuasa demokrasi adalah dalam tangan rakyat dan kuasa ini digunakan oleh rakyat dalam konteks negara kita lima tahun sekali dia akan pilih wakil-wakil rakyat dan manamana parti yang mendapat majoriti kerusi di Parlimen akan membentuk kerajaan manakala yang mendapat kurang kerusi menjadi pembangkang. Di dalam kerajaan pula ada dua kategori, satu dilantik untuk memegang jawatan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan yang lain-lain, macam saya dan rakan-rakan kita menjadi ahli kelab penyokong kerajaan. Jadi, fungsi utama Parlimen dalam proses demokrasi adalah untuk kita memainkan peranan sebagai *check and balance* kepada dasar dan pelaksanaan dasar tersebut oleh kerajaan supaya untuk memastikan bahawa pelaksanaan dan dasar ini selaras dengan kepentingan untuk menjaga kedaulatan negara, keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya di Parlimen ini kita dapati bahawa kadangkala proses *check and balance* ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Satu yang saya perhatikan antara Parlimen ke-10 dengan Parlimen ke-9, Parlimen ke-10 ini lebih banyak kepada ahli-ahli hendak *score points*, dia main paku hendak cari *political mileage*. Dan saya dapati mungkin analisa saya tidak begitu tepat tetapi saya buat perbandingan dari Parlimen ke-9 dan ke-10, Parlimen ke-10 ini lebih banyak bercorak perbincangan-perbincangan politik sehingga sebahagian besar daripada peranan kita untuk kita memainkan peranan *check and balance* ini untuk kita *scrutinize* kerajaan tidak dilaksanakan dengan berkesan. Soalan-soalan yang patut ditujukan tidak dapat ditujukan kerana lebih banyak ini saya bandingkan dengan Parlimen Kesembilan, Parlimen Kesepuluh ini lebih banyak ucapan bercorak politik untuk menegakkan kedudukan parti masing-masing.

Saya menganggap bahawa proses ini amat rugi, Tuan Yang di-Pertua, bermakna kita tidak dapat memberikan *knowledge* yang patut kita bagi kepada Parlimen. Di peringkat ini *knowledge* ini datang daripada pemimpin-pemimpin tertinggi negara dan ini akan dianalisa oleh semua pihak supaya kita dapat membentuk ataupun

mencorak undang-undang yang baik, dasar yang baik serta pelaksanaan dasar yang baik.

Sehubungan dengan itu, saya dapati dalam proses kita *scrutinize*, dengan izin, kerajaan ini salah satu daripada mekanisme yang ada di Parlimen ini urusan soal jawab pertanyaan 14 (1)(g) Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan oleh Menteri-menteri. Jadi, saya ingin memberi pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita ada tiga kategori mereka yang memegang jawatan kerajaan. Satu Menteri, satu Timbalan Menteri dan satu Setiausaha Parlimen. Boleh atau tidak Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan mesyuarat semasa sesi soal jawab ini oleh kerana tiga jawatan ini mempunyai *authority* yang berbeza dalam kerajaan mewakili kementerian.

Jadi, yang berjawatan Menteri kita tambahkan soalan tambahan ini daripada dua kepada tiga umpamanya dan bagi Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mungkin dua seperti mana kita buat sekarang kerana *hierarchy authority* berbeza, Menteri dia mempunyai *authority* yang lebih, cakap dia lebih mencerminkan kementerian. Bukan saya kata Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dia tidak bagus tetapi kerana *authority*. Kalau Menteri cakap dia boleh jadi dasar kementerian, kalau Timbalan dengan Setiausaha Parlimen mungkin dia perlu rujuk pula kepada Menteri. Jadi, boleh atau tidak supaya kita dapat memanfaatkan sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan oleh Menteri-menteri ini lebih banyak soalan tambahan dapat dikemukakan kepada Menteri-menteri kepada tiga, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen kepada dua mungkin. Itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, ada jawapan-jawapan kita biasanya satu hari lima atau enam puluh soalan yang dikemukakan mungkin dapat dijawab sepuluh atau dua belas tetapi sekarang ini saya dapati hanya lima atau enam kerana jawapan yang diberi kadang-kadang terlampau panjang. Biasanya patut dapat dua belas atau lima belas sudah jadi enam. Kalau satu hari kita letak dalam senarai ada 60 soalan, yang dijawab sepuluh, yang 50 tidak dijawab. Bagi kita Ahli Parlimen, Parlimen akan hantar kepada kita satu dokumen jawapan daripada kementerian.

Tidakkah boleh pula dokumen jawapan ini dimasukkan dalam dokumen prosiding harian Parlimen kerana saya berpendapat bahawa bila saya tanya soalan, jawapan itu bukan milik saya. Soalan saya kemukakan sebagai Ahli Parlimen tetapi ia sudah menjadi milik Parlimen. Jadi, maknanya untuk semua orang. Dan jawapan tersebut bukan jawapan untuk saya tetapi jawapan untuk soalan yang saya kemukakan untuk kegunaan Parlimen. Ini tidak kita masukkan. Yang kita masukkan hanya jawapan lisan sahaja. Tetapi tidakkah kita boleh – kadang-kadang saya pun minat juga hendak dengar jawapan ke atas soalan nombor 30 umpamanya. Jadi dimasukkan dalam dokumen kita - *Hansard*. Ini jadi milik semua dan malah saya percaya dalam website Parlimen ada dimasukkan jadi boleh digunakan oleh seluruh rakyat kita mengenai dengan perkara-perkara tersebut.

Kemudian mengenai dengan soalan lisan ini dan termasuk soalan jawab bertulis itu, boleh atau tidak Tuan Yang di-Pertua Dewan, perkara ini pernah dibangkitkan, kita melaksanakan satu inovasi. Saya ambil contoh bulan Oktober, sesi Parlimen lebih kurang dua bulan, Oktober 15 haribulan lebih kurang, November sampai Disember, lebih kurang dua bulan, kita buat inovasi, soalan ini tidak dihantar keseluruhannya dua atau tiga minggu sebelum Parlimen bersidang kerana pada bulan November dan Disember, soalan yang kita hantar pada awal bulan Oktober sudah *outdated*.

Jadi, kita akan memberi jawapan kepada perkara yang *outdated* tetapi kalau kita buat inovasi, kita ubah peraturan kita, sebelum sesi Parlimen, dua minggu sebelum itu kita hantar soalan untuk bulan Oktober, kemudian dua minggu sebelum itu, kita boleh hantar pula untuk bulan November dan selepas itu untuk bulan Disember. Jadi, bermakna soalan-soalan kita *current*. Bagi yang pendek, macam pertengahan tahun ini, tidak apalah kita bersidang dua minggu, tiga minggu tetapi disambung mungkin jadi satu bulan. Soalan kita masih *current*.

Tetapi bagi yang Oktober sampai Disember, bila Menteri jawab pun sudah bukan lagi isu-isu *current*. Jadi, tidakkah boleh kita buat inovasi atau pindaan supaya nampak dinamik Ahli-ahli Parlimen kita dan Parlimen kita. Kita membincangkan perkara-perkara yang *current* di Parlimen kita, berbanding kalau kita tidak buat, kita ikut sistem sekarang ini, bulan November dan Disember, kita bincang perkara yang sudah

banyak kali jawapan yang kita perolehi. Jadi, inovasi ini pada pandangan saya harus kita beri perhatian.

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan sedikit berkenaan dengan soalan jawab lisan dan jawab bertulis, adakah Yang Berhormat bagi Tambun sedar bahawa ada banyak soalan bertulis, jawa[am-jawapan bertulis kebanyakannya tidak dijawab dan saya juga setuju dengan pandangan tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun bahawa kalau boleh soalan-soalan jawab secara bertulis ini boleh membenarkan Ahli-ahli Parlimen membuat soalan sepanjang tahun kerana apabila kita hendak menyertai perbahasan, kita memerlukan butir-butir dan juga banyak fakta yang diperlukan untuk menyertai perbahasan dan kita perlu mendapat maklumat daripada kementerian.

Oleh itu, kalau boleh benarkan Ahli-ahli Parlimen untuk memberi soalan secara bertulis dengan lebih awal dan membenarkan Ahli-ahli Parlimen mendapat soalan secara bertulis dengan secepat mungkin, bukan seperti pada hari ini, kita membuat soalan secara bertulis tetapi membenarkan kita membuat lima soalan, sepuluh soalan jawab lisan, lima soalan jawab bertulis tetapi jawapannya langsung tidak ada. Kita minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat, saya ingat biar Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah supaya perkara ini dibincangkan pada masa kita membincangkan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat pada hari ini. Perkara-perkara yang dibincangkan ataupun dibahaskan itu bukanlah dalam kuasa kepada Speaker atau Timbalan Speaker. Timbalan-timbalan Speaker hanya mengikuti Peraturan Mesyuarat dan jika sekiranya hendak dipindahkan Peraturan-peraturan Mesyuarat itu, maka hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Jadi, bukanlah kuasa yang ada pada Speaker itu ataupun Timbalan-timbalan Speaker.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi, macam mana ruling Tuan Yang di-Pertua, adakah perkara yang saya bincang ini....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat boleh pada mana masa-masa pun membukakan cadangan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sebab ucapan saya ingin menyentuh kepada beberapa perkara dalam pemerhatian saya, perjalanan Parlimen dan adakah boleh saya bincang....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:saya kemukakan dalam perbahasan ini ataupun dalam masa lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat, mengenai dengan kualiti perdebatan dan jawapan. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kuasa Yang di-Pertua dalam membuat penterjemahan di bawah 18(1). Petang ini kita ada seksyen 18(1). Ini tafsiran saya sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pihak yang mengemukakan usul dan juga perbahasan diberi sebanyak 30 minit, kemudian jawapan daripada kementerian 30 minit. Jadi, daripada faham saya, setelah usul itu dikemukakan dan dapat sokongan, dalam tempoh 30 minit itulah Ahli-ahli Parlimen ini akan berbahas. Kemudian jawapan daripada kementerian itu 30 minit kerana kita hendak perbahasan yang berkualiti dan jawapan juga berkualiti.

Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, katalah saya bentang di bawah 18(1) dan diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk dibahas, saya akan bentang dan disokong oleh *backbencher* dan kita bahas, di mana pula pembangkang hendak masuk? Takkan dia hendak ambil yang 30 minit dalam 30 minit milik jawapan daripada kerajaan. Jadi, tidakkah bila sama ada pembangkang ataupun *backbencher* yang

mengemukakan, bila diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, ia tidak lagi menjadi milik pembangkang ataupun milik *backbencher*, ia sudah menjadi milik Parlimen.

Jadi, yang membentang, dia akan bentang, disokong, kemudian siapa sahaja boleh bahas dan jawapannya daripada kementerian, daripada Menteri setengah jam. Tidak ada seorang pun patut ambil yang 30 minit itu. Macam saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bentang, di mana pembangkang hendak ambil. Jadi, saya berharap interpretasi yang jelas dapat diberi kerana saya lihat banyak kerugian yang kita hadapi daripada 18(1) itu. Satu usul dikemukakan, kita sebagai Ahli Parlimen kita berhak untuk menyuarakan apa sahaja dan kita juga mahu jawapan yang baik daripada Menteri tetapi kalau sudah 15 minit diambil oleh *backbencher*, kementerian punya lebih kurang 15 minit sahaja untuk menjawabnya, padahal kementerian ada banyak perkara yang hendak digunakan untuk dijawab.

Jadi, saya harap Tun sebagai Tuan Yang di-Pertua dapat memberi interpretasi yang jelas kerana saya lihat di dalam Standing Order ini tidak ada interpretasi. Kalau saya lihat dari sudut proviso, sudut saya lebih wajar dan lebih betul lagi, kalau saya balikkan balik saya yang membentang dan usul saya diterima oleh Dewan untuk dibahaskan, di mana pembangkang akan ambil bahagian dalam perbahasan tersebut.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, tentang keistimewaan Ahli-ahli Parlimen. Dari segi keistimewaan, Ahli-ahli Parlimen diberikan kuasa untuk menyampaikan ucapan secara bebas dan kita mendapat imunasi daripada undang-undang. Saya ada lihat di beberapa kes di Parlimen-Parlimen lain di bawah inisiatif, saya tidak tahu sama ada inisiatif Yang di-Pertua ataupun di atas inisiatif Jawatankuasa, diadakan kajian pada satu-satu ketika, ada yang tiga tahun sekali, ada yang dua tahun sekali – kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada Ahli-ahli Parlimen sebenarnya telah menggunakan keistimewaan tersebut secara berfaedah atau tidak.

Dalam laporan yang dibuat di salah sebuah negara, didapati bahawa Ahli-ahli Parlimen di bawah keistimewaan tersebut sebenarnya telah menyalahgunakan keistimewaan tersebut. Umpamanya membuat tuduhan yang tidak berasas. Ini satu laporan yang telah dibuat dan kadang-kadang orang tidak dapat *defend*, kita tidak mempunyai supporting document untuk kita membuat tuduhan-tuduhan tersebut. Jika Parlimen-Parlimen lain ada membuat kajian begitu, tidakkah boleh kita buat begitu di bawah Yang di-Pertua Dewan, Timbalan ataupun badan-badan lain, kita buat kajian seperti itu kerana saya rasa perkara ini baik supaya satu analisis terhadap – ia macam *performance evaluation* juga ke atas Ahli-ahli Parlimen berasaskan kepada keistimewaan ini.

Ada tidak kita cakap luar daripada yang sepatutnya kita bercakap dan ini akan dapat digunakan untuk jangka panjang, ia boleh *govern* diri kita sendiri lain kali hendak bercakap macam mana dan generasi-generasi akan datang juga boleh terlibat, Tuan Yang di-Pertua. Bila saya tengok Tuan Yang di-Pertua tengok saya macam itu, saya rasa risau, macam sudah time saya singkat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua ya [*Ketawa*] Jadi, itulah saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dapat diberi perhatian oleh Parlimen kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan prosiding Parlimen ini. Macam manakah prosiding Parlimen kita ini, kita hendak letakkan nilai ke atas nya – setelah kita bercakap, kita ada *Hansard*. *Hansard* adalah dokumen sementara. Kemudian kita *translate* dalam bentuk buku dan letak di dalam perpustakaan tetapi jangka waktu antara kita bercakap dengan dicetak itu memakan masa yang cukup panjang. Saya ingat Parlimen Ke-9 kalau tidak silap saya, belum lagi keluar, mungkin itu salah saya tetapi ada tahun-tahun yang belum lagi keluar dan dokumen ini penting.

Di samping itu, sekarang ini kita *compete*, Tuan Yang di-Pertua, antara Parlimen Singapura, Malaysia dan semua – macam mana bisnes, ia ada *global competition*, parlimen pun ada juga *global competition*. Jadi, parlimen masing-masing, ia akan cuba untuk menjual parlimen ini sebagai yang terbaik antara parlimen-parlimen lain dan banyak parlimen sekarang, ia ada mengeluarkan percetakannya sendiri, *publicationnya*. Tiap-tiap bulan ia keluar macam magazine yang dibuat oleh Parlimen sendiri. Kita pergi Singapura, ada dia punya dan ini diedarkan ke seluruh dunia dan orang dapat lihat kerja kita macam mana.

Dan ini penting, Tuan yang di-Pertua, penting dari segi masyarakat luar dapat menilai kita. Umpamanya kita ada undang-undang ataupun akta yang mungkin

masyarakat luar melihatnya tidak sesuai digunakan. Katalah macam ISA, masyarakat luar kata ini tidak sesuai digunakan tetapi apabila masyarakat luar dia *study debate* kita, dapat membaca *character* kita, kehendak kita, keperluan kita, budaya kita, dia mungkin mempunyai tanggapan yang berbeza tentang keputusan-keputusan yang kita buat. Jadi, dengan itu kita tidak jadi isolated dalam dunia antarabangsa. Maknanya, segala apa yang dibincangkan ini dapat dibaca oleh seluruh dunia dan ini dapat memberi manfaat kepada negara kita untuk orang menilai sebenarnya standard kita, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, ada dua lagi perkara. Saya ingin memberi pandangan, dahulu pernah saya dan beberapa rakan ada memberi pandangan mengenai dengan proses *legislative* kita. Mula-mula kita buat bacaan kali pertama, kemudian bacaan kali kedua – bacaan kali kedua dibuat secara dasar dan kemudian pergi kepada peringkat Jawatankuasa. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober, November dan Disember, kita membincangkan Belanjawan Negara. Belanjawan Negara kalau tidak silap saya sebulan lebih, Tuan Yang di-Pertua, kita bincang. Lebih kurang sebulan setengah.

Perbahasan pada peringkat dasar satu minggu, empat atau lima hari dan kemudian pergi kepada peringkat Jawatankuasa dan saya lihat proses itu amat *boring*, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita kena terima balik hakikat, tiap-tiap orang dia ada bidang yang dia *specialize*. Bukan semua orang tahu kecuali Yang Berhormat bagi Batang Lupar mungkin, dia semua tahu dan sebelah sana, Yang Berhormat bagi Kepong. [Ketawa] Semua dia hendak berbincang tetapi orang-orang lain tidak, dia ada bidang-bidang yang dia mempunyai kepakaran.

Apabila kita ada 23 kementerian dan juga jabatan, jadi proses itu menjadi begitu panjang dan kita duduk dalam Parlimen, katalah macam saya umpamanya, ada 23 kementerian dan jabatan, saya hendak terlibat dalam lima sahaja dan saya tidak mahu terlibat dalam 18 yang lain kerana saya tidak ada kepakaran. Jadi, saya diminta duduk dalam ini, duduk macam itu, tidak buat apa, Tuan Yang di-Pertua, dan tidakkah kita rugi kebolehan saya yang boleh saya gunakan ke tempat-tempat lain. Kalau saya tidak hadir pula, orang panggil kuorum.

Saya bersyukur ke hadrat Allah, sekarang ini tidak panggil kuorum. Kadang-kadang orang guna kuorum. Bila orang gunakan kuorum saya, kata, "Apalah standard dia". Kuorum ini bukannya patut kita guna senjata untuk semata-mata hendak melewati perbahasan kerana kita tahu takkan Ahli Parlimen hendak duduk tidak buat apa satu hari suntuk, duduk sahaja tidak buat apa dan ini rugi kepada orang yang cukup hebat. 193 orang, semua hebat dan merugikan diri dia.

Jadi, bila dalam peringkat Jawatankuasa selama sebulan saya hendak mengambil bahagian hanya empat hari jadi yang dua belas hari itu saya duduk tidak buat apa, rugi saya punya resources. Jadi, tidakkah boleh kita membuat inovasi, memang ini di bawah Jawatankuasa tetapi biar saya kemukakan di sini, kalau tidak di mana lagi saya hendak kemukakan. Saya sudah berbincang dengan kawan saya daripada Parlimen Kesembilan ada pernah dibincang. Tidakkah kita boleh membuat inovasi, kita tukar. Memang dari segi peraturan semua prosiding termasuk peringkat Jawatankuasa mesti dibuat dalam Dewan ini tetapi ada Parlimen lain tidak dibuat dalam Dewan ini. Di Jepun saya pergi berbincang dengan pihak berkenaan, dia tidak membuat di dalam Dewan ini. Dalam Dewan ini hanya pembentangan dan akhirnya membuat keputusan. Yang lain dibuat dalam bilik-bilik lain.

Di sana ada satu sistem yang saya rasa mungkin kita tidak terima untuk digunakan. Dia beri time limit untuk tiap-tiap satu mengikut saiz kerusi yang dipegang LDP 27 minit, parti kecil macam komunis dalam lima minit sahaja. Dalam lima minitlah hendak berebut, dua orang hendak bercakap. LDP 27 minit, tiap-tiap perdebatan, tetapi bukan itu yang saya suruh buat, saya hendak syorkan tetapi pada pandangan saya daripada kita duduk lama, saya ada membaca salah satu Parlimen Eropah pada Committee Stage dia buat di luar, dia buat secara *simultaneous* atau enam kementerian sekali. Kita ada jawatankuasa I, II, III, IV, V dan VI. Saya minat yang mana, saya pergi ke situ dan saya register. Jadi, saya bercakap di situ. Kalau kita buat enam, katalah satu kementerian satu, enam dibahagikan dengan 24 maknanya empat hari sudah selesai Committee Stage, tidak payah kita duduk lama betul tidak produktif.

Jadi dengan sebab sedikit pindaan kepada peraturan kita, kita gunakan bilik-bilik yang kosong, banyak bangunan itu semua kosong. Kita gunakan yang itu nampak

sibuk. Menteri menjadi Pengerusi biasanya Menteri akan mempengerusikan, tidak tahulah Menteri atau sesiapa yang mempengerusikan. Kemudian saya hendak bercakap, bila saya pergi saya register di situ. Kita cari berapa kuorum di situ, saya bercakap, kalau sepuluh orang - sepuluh orang yang bercakap. Selepas itu saya pergi dalam kementerian lain pula saya bercakap dan selesai. Saya minat hanya empat kementerian, maknanya hanya empat hari habis semua orang telah menjalankan kerja dia. Tidak payah kita duduk lama, tidak boring, tidak berangan, tidak mengantuk hendak tidur.

Macam mana perkara ini hendak dilaksanakan saya tidak tahulah, mungkin pandangan saya agak terkeluar tetapi saya rasa kalau kita membuat inovasi ini Parlimen ini akan menjadi cukup dinamik dan cukup aktif kerana saya ingat kepada terminology dalam dunia globalisasi ini efisiensi dan produktiviti. Ini dua perkara kalau Parlimen ini boleh sampai kepada peringkat efisiensi dan produktiviti yang tinggi, inilah peringkat kepimpinan tertinggi negara, perubahan-perubahan boleh berlaku senang. Kerana perubahan datangnya daripada atas. Top bottom daripada atas, kalau ini boleh begitu efisien, kementerian efisien, sektor swasta efisien dan semua rakyat efisien, ia akan mewujudkan satu negara yang berpegang kepada *culture of excellence*. Saya percaya akan dapat wujud, kalau tidak orang datang tengok belakang, Kata eh! Apa Ahli Parlimen ini sikit sahaja orang bercakap, yang lain diam sahaja, menung. Orang tengok pun, tetapi kalau cara ini lebih dinamik, yang ini pegawai kerajaan pergi sana, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen disokong oleh pegawai-pegawai kerajaan defence satu-satu peruntukan untuk kementerian. Jadi, di bilik ini sibuk.

Saya pergi ke Congress di Amerika Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sibuk. Dia punya sistem lain, dia ada memanggil orang luar untuk *hearing* nampak sibuk, orang berlari ke sana, berjalan, nampak sibuk. Tetapi Parlimen kita ini nampak sunyi, sebelah sana kosong, bangunan tinggi itu lagi kosong. Jadi saya beri pandangan itu Tuan Yang di-Pertua harap dapat diberi perhatian.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan Jawatankuasa Pemilih (Select Committee) kita. Saya berpendapat banyak bil yang datang ke Dewan ini, ada setengah-setengah bil yang cukup *substantive* Jadi untuk yang *substantive* ini saya rasa perlu juga Select Committee memainkan peranan untuk mengkaji betul-betul, kalau perlu panggil pakar untuk menyiasat *substantive*, bukan semua. Saya tengok banyak Parlimen pun hanya yang *substantive* sahaja. Tetapi dia telah memberi definisi, yang mana dikatakan *substantive* dengan tidak *substantive*. Kemudian komiti-komiti ini juga perlu diberikan *support staff* yang cukup. Macam Public Accounts Committee, umpamanya Tuan Yang di-Pertua saya dalam Public Accounts Committee, saya ingin menyatakan sebenarnya *support system* ini tidak cukup. Setiausaha bagi Parlimenlah yang jadi sekretariat, orang itu juga. Jadi kadang-kadang kerja menjadi delay, mengapa tidak kita Public Accounts Committee ada *support staff* dia. Sepatutnya yang ini ada *support staff*, baru jadi dinamik, sepakat, maju dan kita pun seronok bekerja. Tetapi kalau kita bekerja hari ini sudah tidak ada, lama nanti baru datang dia punya hasil, jadi, orang akan menjadi malas. Tetapi kalau hari ini kita bekerja, macam *Hansard* kita, hari ini kerja besok keluar. Tetapi yang beberapa hari ini belum lagi. Kita seronok, semalam saya cakap pagi-pagi esok sudah ada, saya baca. Kemudian datang daripada belakang ini draf, saya edit, hantar. Kemudian keluar yang final dalam masa seminggu. Katalah saya bercakap minggu ini minggu depan sudah keluar yang final yang kita letak dalam library. Beri kepada Ahli Parlimen masing-masing. Saya bawa balik ke kawasan Parlimen saya, saya order lagi, hendak beri kepada pengundi saya.

Jadi, proses dinamik ini yang menyeronokkan kita. Kita jalan laju, datang ke Parlimen hendak bekerja kuat. Selepas itu hari ini mesyuarat, tidak ada - kosong seminggu, dua minggu, ini akan menjadi satu untuk orang menjadi malas. Jadi, saya berharap pandangan-pandangan yang saya kemukakan itu disambut baik oleh Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi saya menyatakan saya menyokong pindaan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No.2) 2001. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

3.52 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong cadangan kerajaan untuk menjadikan jawatan Dato' Speaker sebagai jawatan sepenuh masa. Oleh kerana saya tahu bukan senang bagi Timbalan Yang di-Pertua menjalankan tugas di dalam persidangan ini dan saya berharap bahawa cadangan kerajaan ini akan membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih lancar dan baik. Saya berharap juga bahawa setelah Timbalan Speaker dijadikan jawatan sepenuh masa mereka akan dapat memastikan persidangan dijalankan secara profesional dan adil.

Saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa oleh kerana kekurangan kematangan sistem demokrasi kita, sentiasa Parlimen tidak boleh menjalankan fungsinya dengan sepenuhnya sebagai satu Legislative body dan peranan Speaker adalah begitu mustahak dan saya berharap dalam penafsiran apa-apa peraturan bahawa bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua mengikut peraturan sahaja. Kita juga hendaklah mematuhi prinsip demokrasi dan juga amalan biasa yang dipraktikkan di negara-negara lain.

Satu soalan walaupun kecil saya ingin menanya di sini ialah bagaimana dan siapakah yang bertanggungjawab atas pilihan soalan lisan oleh kerana saya lihat baru-baru ini nampaknya cuma soalan-soalan sejuk yang dinaikkan. Manakala soalan yang hangat, yang kita hendak tahu jawapan dengan serta merta itu tidak dapat dinaikkan. Ini adalah satu perkara yang mustahak oleh kerana kalau soalan yang rakyat hendak tahu, tidak dapat dijawab dengan serta merta melalui soalan lisan, maka lama kelamaan pandangan rakyat ialah bahawa nampaknya Parlimen tidak begitu relevan kepada aspirasi dan harapan mereka.

Maksud saya, saya berikan satu contoh di mana saya ada menimbulkan satu soalan berkenaan dengan seorang hakim yang mengatakan beliau telah diarah iaitu berkaitan dengan kes Likas. Persoalannya kes-kes begini yang kita perlukan jawapan dengan cepat tetapi kerajaan tidak memberikan jawapan dan soalan sahaja dinaikkan. Itu sama juga dengan perkara lain seperti penangkapan ISA dan sebagainya walaupun tempoh hari Menteri yang ada di sana mengatakan bahawa jawapan yang telah diberikan oleh Menteri itu memadai untuk menjelaskan apakah sebabnya polis telah membuat penangkapan ISA tetapi saya rasa ini bukan satu jawapan yang boleh di terima oleh kerana kalau itulah jawapan yang boleh diterima maka saya kata akhirnya Parlimen tidak akan menjadi tempat yang relevan kepada aspirasi rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya haraplah bahawa sebagai Tuan Yang di-Pertua yang begitu berpengalaman kadang-kadang boleh memberikan teguran dan juga nasihat kepada para Menteri dan kerajaan. Oleh kerana saya dapat melihat bahawa kadang-kadang teguran yang dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua itu memang dipatuhi oleh Timbalan Menteri atau Menteri yang ada di sini. Jadi saya harap bahawa apabila Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua membuat penaksiran itu, kita hendaklah membuat daripada penaksiran yang boleh memastikan bukan sahaja persidangan dijalankan dengan lancar tetapi prinsip demokrasi akan dapat dipertahankan.

Kita tahu bahawa di Amerika ada hakim yang digelar secara terbuka, hakim ini adalah hakim yang *conservative*, hakim ini adalah hakim yang liberal. Mereka tidak merasa malu kalau mereka digelar oleh kerana itu pendapat mereka. Jadi, saya haraplah bahawa ketiga-tiga orang yang duduk di atas - Tuan Yang di-Pertua dan juga dua orang Timbalan Yang di-Pertua akan digelar sebagai Tuan Yang di-Pertua yang begitu liberal, yang boleh memastikan bahawa Parlimen ini akan menjalankan urusannya dengan baik dan mengikut prinsip demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa taraf Timbalan Yang di-Pertua sama dengan Timbalan Menteri dan saya ingin menanya satu soalan kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu kalau jawatan Timbalan Yang di-Pertua adalah setaraf dengan Timbalan Menteri, adakah Timbalan Yang di-Pertua akan diberikan kemudahan-kemudahan sedemikian, iaitu bagi Timbalan Menteri mereka akan mendapat imbuhan tetap kerajaan sebanyak RM2,800/- dan imbuhan tetap perumahan sebanyak RM3,000/- sebulan dan bayaran pembantu rumah tiga orang, setiap orang diberi RM1,050/- dan bagi bantuan penyelenggaraan rumah, Timbalan Menteri diberikan RM3,000 sebulan dan pinjaman perumahan akan diberikan RM240,000 dan bagi pinjaman kenderaan RM60,000 dan bagi elaun pakaian panas RM2,000 tiga

tahun sekali. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah angka yang cuma boleh dipakai sebelum tahun ini. Oleh kerana saya difahamkan sejak Januari tahun ini ada cadangan baru di mana Kabinet telah meluluskan dalam Mei ini tetapi ini tidak dibuat dengan cara yang telus.

Sampai hari ini rakyat tidak tahu bahawa sebenarnya begitu banyak perubahan dibuat. Mengikut apa yang saya perolehi, Tuan Yang di-Pertua, imbuhan tetap kerajaan yang baru bagi Timbalan Menteri ialah RM6,000 walaupun asalnya RM2,800 sekarang menjadi RM6,000. Imbuhan tetap perumahan memang kekal RM3,000 dan bayaran pembantu rumah sekarang digantikan dengan bayaran cash tunai, iaitu RM1,500/-. Bagi bantuan penyelenggaraan rumah dinaikkan kepada RM6,000 sebulan dan bagi pinjaman perumahan telah ditambah kepada RM400,000, pinjaman kenderaan dinaikkan kepada RM160,000 dan bagi elaun pakaian panas telah dinaikkan kepada RM3,000. Dan ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, di sini Perdana Menteri imbuhan tetap kerajaan daripada RM8,500 dinaikkan kepada RM18,865. Untuk Timbalan Perdana Menteri imbuhan tetap kerajaan dinaikkan daripada RM7,000 kepada RM15,000.

Untuk menteri asalnya RM5,500, sekarang dinaikkan RM8,600; untuk Setiausaha Parlimen, semua yang ada di sini, ada kata tidak betul. Boleh kata ini tidak betul, kalau sudah ambil wang, diam-diam ya. Setiausaha Parlimen, imbuhan tetap kerajaan RM1,750, sekarang naik kepada RM4,200 sebulan; untuk Setiausaha Politik, imbuhan tetap kerajaan asalnya RM1,250, sekarang naik kepada RM3,300. Betul, ya? Semua betul, tetapi rakyat tidak tahu.

Sekarang, *I fight for the Speakers' benefits*. Imbuhan tetap perumahan Perdana Menteri sudah ada kediaman, dikekalkan; Timbalan Perdana Menteri dahulu bagi RM6,000 sebulan, sekarang disediakan kediaman rasmi; dan menteri yang lain semua sama.

Bagi bayaran pembantu rumah bagi Setiausaha Parlimen, dahulu dia dapat RM350 sebulan sahaja tetapi sekarang dapat RM1,000; bagi Setiausaha Politik dahulu tidak ada, sekarang dapat RM500 sebulan. Bantuan penyelenggara rumah bagi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri semua kekal, tetapi bagi Menteri, dahulu menteri dapat RM5,000 sebulan, sekarang dapat RM10,000 sebulan. Betul ya? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Ledang, betul ya? Bagi Timbalan Menteri, dahulu dapat RM3,000, sekarang dapat RM6,000.

Bila Ahli Parlimen lawan dalam Parlimen dapat RM500, susah Kabinet luluskan. Tidak ada orang tahu senang, berapa dapat naik.

Bagi Setiausaha Parlimen, dahulu berapa dapat? RM1,000, sekarang dapat RM2,000. Diluluskan dalam bulan Mei, backdated January tahun ini, betul? Setiausaha Politik, dahulu tidak ada, sekarang dapat bantuan menyelenggara rumah RM2,000.

Pinjaman perumahan semua naik, dahulu Perdana Menteri dapat RM1/2 juta sekarang RM1 juta. Bagi Timbalan Perdana Menteri dahulu RM1/2 juta sekarang RM1 juta. Bagi menteri dahulu RM400,000 sekarang RM600,000. Timbalan Menteri dahulu RM240 sekarang RM400,000. Bagi Setiausaha Parlimen dahulu RM160,000 sekarang RM300,000. Bagi Setiausaha Politik, dahulu RM96,000 sekarang RM200,000.

Bagi pinjaman kenderaan, semua naik, saya tidak payah baca tetapi bagi elaun pakaian panas, dahulu Perdana Menteri dapat RM3,500 bagi tiga tahun setiap kali, sekarang naik kepada RM7,000.

Semua dua kali ganda. Bagi Timbalan Perdana Menteri dua kali ganda, bagi menteri dua kali ganda.

Bagi Timbalan Menteri dahulu RM2,000, sekarang RM3,000; Setiausaha Parlimen dahulu RM600, sekarang RM1,500; bagi Setiausaha Politik dahulu RM600, sekarang RM1,500.

Jadi kalau kita betul-betul menghormati jawatan Tuan Yang di-Pertua yang dikatakan sama taraf dengan Timbalan Menteri, maka Timbalan Yang di-Pertua harus mendapat semua faedah ini. Tetapi soalan yang saya timbulkan di dalam Parlimen ini ialah semasa begitu ramai rakyat menderita, apakah sebabnya Kabinet telah meluluskan semua ini tanpa memberitahu sesiapa pun? Adakah apa yang saya katakan di sini salah? Kalau salah saya boleh tarik balik. Ramai orang di sini.

Ada lagi Tuan Yang di-Pertua, kemudahan baru bagi....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Terap bangun.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Kota Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa penderitaan rakyat di luar bandar sekarang ini adalah amat ketara terutama bagi mereka yang bergantung harapan kepada hasil getah ataupun padi? Harga getah sekarang adalah 57 sen lebih kurang kalau di Padang Terap 1 kilogram. Saya bertanya kepada salah seorang yang menoreh getah, paling banyak berapa kilo boleh ditoreh. Dia kata, paling kuat daripada pukul 4.30 pagi dia turun hanyalah 20 kilo. Itu pun kalau dibahagi dua hanyalah 10 kilo. Jadi satu hari RM5.50 pendapatannya berkongsi dengan enam orang anak lagi. Jadi lapan orang yang hendak makan dengan RM5.50 satu hari. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa penderitaan rakyat ini kalau dibandingkan dengan menteri-menteri ini berapa jauh dia punya beza? Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya rasa elok kita jemput semua menteri pergi ke ladang getah dan mengetahui dengan sendiri bagaimana penderitaan mereka.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebelum itu, ada kemudahan baru juga. Pinjaman komputer sebanyak RM5,000 setiap 5 tahun sekali. Bayaran pakaian *black tie* sebanyak RM1,500 setiap tiga tahun sekali. Bayaran pakaian menghadiri upacara rasmi sebanyak RM1,500 setiap tiga tahun sekali. Bayaran perpindahan rumah, itu tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua,

Puan Chong Eng: Penjelasan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Selalunya dalam sebuah organisasi, kalau kita hendak kurangkan jurang atau gap pendapatan di antara mereka yang tertinggi dan juga mereka yang terendah, maka semasa menaikkan gaji, kita mesti menganggapkan bahawaperaturan kenaikan untuk mereka yang di bawah mesti lebih tinggi daripada mereka yang lebih atas. Adakah prinsip ini seolah-olahnya tidak diamalkan oleh kerajaan? *Gap* antara *top executive* begitu jauh dengan orang yang di bawah seperti polis, guru-guru dan kakitangan kerajaan yang lain. Adakah ini merupakan satu amalan yang baik atau ini sebenarnya satu amaran yang tidak boleh diterima? Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Pada saat ini saya tidak mahu mempertikaikan *quantum* yang dinaikkan oleh kerana saya bukan pakar, tetapi saya sekarang hendak penjelasan: Adakah ini benar? Dan kalau ini benar, apakah sebabnya Kabinet telah membuat keputusan demikian dengan cara yang tidak telus?

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, kalau ini benar - dan saya pasti ini benar oleh kerana tidak ada siapa pun hendak sangkal apa yang saya katakan di sini - ini menunjukkan bahawa inilah cara kerajaan menaikkan elaun untuk anggota-anggota pentadbiran iaitu melalui *back-door method* Bermakna gaji atau *allowance* harus diluluskan oleh Parlimen itu, mereka kekalkan pada satu tahap tetapi dengan cara lain menaikkan elaun-elaun mereka. Ini sama dengan satu perkara yang telah saya bongkarkan dalam Dewan ini di mana saya tidak dapat jawapan.

Saya harap menteri yang ada akan memberi jawapan iaitu pada satu ketika saya telah katakan saya juga mendapat maklumat bahawa walaupun memang cara mengira gratuiti adalah mengikut satu formula di mana tempoh perkhidmatan paling maksimum yang akan digunakan iaitu enam tahun bagi semua Ahli Parlimen, tetapi saya kata pada satu ketika bahawa Kabinet telah menghapuskan tempoh perkhidmatan maksimum itu. Ini bermakna bahawa ia akan mengikut tempoh perkhidmatan sebenarnya, iaitu bermakna bahawa kalau bagi Perdana Menteri, gratuiti akan dikira bukan berdasarkan kepada tempoh maksimum sebanyak enam tahun tetapi selama 20 tahun. Dan saya kata kalau ini benar, ini bukanlah satu cara yang adil kepada semua pegawai kerajaan, termasuk juga Ahli Parlimen. Tetapi saya tidak dapat apa-apa jawapan. Saya tidak hairan oleh kerana apabila benda ini dibongkarkan, kalau kerajaan boleh elak, mereka memang elak.

Saya pernah juga membawa satu perkara dalam Parlimen di mana saya telah menunjukkan satu surat rahsia yang diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional iaitu oleh Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, Presiden BBC di mana beliau telah menyatakan di mana Yang Berhormat pada masa itu Tun Daim Zainudin telah memaklumkan bahawa Kabinet telah bersetuju daripada peruntukan RM500,000 setahun untuk tujuan penyelenggaraan dan pembangunan kawasan Parlimen itu boleh digunakan bagi lain-lain tujuan yang tidak rasmi seperti sumbangan derma, sedekah dan sebagainya. Saya kata memang ini adalah satu keputusan yang tidak boleh diterima. Dan saya tahu ada Ahli Parlimen Barisan Nasional yang telah dapat *cheque*, tetapi selepas saya bongkarkan, semua *cheque* itu ditarik balik. Bila saya timbulkan dalam Dewan, Menteri yang jawab itu secara terang-terang membohongi Dewan mengatakan bahawa ini tidak berlaku, walaupun saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya pernah meminta supaya Auditor-General masuk dan menyiasat cara peruntukan di kawasan itu digunakan sebab saya memang dapat tahu ada banyak aduan yang mengatakan ini semua tidak digunakan dengan betul, tetapi saya tidak tahu sama ada *Auditor General* akan masuk. Ini juga, pada saya, satu *back-door method* untuk menaikkan *allowance* Ahli Parlimen Barisan Nasional oleh kerana tidak boleh kerajaan mengamalkan sistem ini di mana sebelum perbelanjaan di buat, wang sebanyak RM50,000 setahun telah diberikan kepada mereka secara advance. Bila saya bongkarkan, semua orang diam, tetapi saya tahu ada orang telah terima dan tidak berani gunakan wang itu. Akhirnya Treasury atau Kementerian Kewangan telah tarik balik wang itu.

Saya timbulkan perkara ini iaitu surat rahsia yang dikeluarkan oleh BBC dan juga tadi kenaikan imbuhan-imbuhan itu, semua ini dibuat secara tidak telus, secara senyap-senyap. Jadi saya harap bahawa kalau kita semua betul-betul hormati Dewan ini, menteri ini akan menjawab secara rasmi dan terus terang. Apakah sebenar yang berlaku? Dan kalau hari ini menteri elak, maka saya kata apa gunanya kalau kita jadikan jawatan Timbalan Yang di Pertua sebagai sepenuh masa tetapi masalah yang serius ini tidak dipandang berat?

Jadi saya minta menteri akan menjawab semua tiga perkara yang telah saya minta iaitu yang pertama sama ada betulkah cara formula untuk mengira cuti itu telah ditukar dan tiada had maksimum perkhidmatan lagi. Yang kedua ialah bahawa imbuhan-imbuhan itu semua telah diluluskan dalam Mei dan back-dated kepada bulan Januari, betul atau tidak? Ketiga, iaitu surat rahsia yang dikeluarkan oleh BBC itu sebenarnya adalah benar dan saya harap untuk rekod Parlimen ini, sekurang-kurangnya kerajaan berani mengaku bahawa memang berlaku satu kesilapan. Saya sanggup menerima, saya tidak mahu serang hari-hari. Cakap kalau buat kesilapan, sila tarik balik, saya boleh terima tetapi jangan bohong di Dewan ini bahawa ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya ingin timbulkan dan saya menunggu jawapan yang memuaskan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman. Tunggu sekejap. Ada usul menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diselesaikan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Pindaan) No. 2 2001 dan selepas dari ucapan penangguhan, Mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah satu usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

4.14 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua kerana jawatan telah diiktirafkan semula kepada satu tahap yang lebih tinggi dan juga yang lebih dihormati kerana kita juga tidak mahu melihat Timbalan Yang di-Pertua kita tidak dilayan dengan cara yang sepatutnya. Tetapi semasa itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kalau dapat oleh kerana kita sebagai Ahli Parlimen ini ingin bekerja untuk rakyat dan kalau dapat tidak mahu terpaksa mencari sumber-sumber yang lain supaya kita dapat menumpukan 100% daripada tenaga kita untuk berkhidmat kepada rakyat.

Oleh kerana itu, kalaulah tidak keberatan, saya minta kerajaan menimbangkan semula oleh kerana kadang-kadang saya rasa seperti kata pepatah bangsa Iban "Jari kanan hendak menghadiahkan, jari kiri hendak mengambil" iaitu kadang-kadang kita terlalu baik hati, kita hendak menyelamatkan syarikat ini, syarikat itu, konsortium ini konsortium itu, tetapi apabila kita bercakap tentang elaun kita sendiri, kita berasa malu. Kadang-kadang mungkin kita hendak mengambil political mileage dan mengatakan kita sebenar keberatan untuk menerima elaun yang lebih besar ataupun elaun yang lebih tinggi. Tetapi untuk saya oleh kerana kalau dapat saya tidak mahu terpaksa mencari sumber yang lain, kalau dapat saya minta tingkatkan lagi elaun supaya saya dapat menumpukan semua tenaga saya kepada perkhidmatan untuk rakyat. Oleh kerana itu, kalau dapat ditimbangkan elaun perjalanan bolehlah dinaikkan, elaun telefon juga boleh dipertimbangkan, dan juga elaun kereta.

Dan bagi pinjaman komputer, pada masa sekarang kita masih menggunakan Treasury Instruction yang dikenakan kepada pegawai-pegawai kerajaan iaitu kalaulah kita telah menikmati elaun itu sekali, selepas itu kita tidak layak lagi, padahal Parlimen ini tiap-tiap lima tahun ia luput. Saya rasa orang yang dipilih semula adalah orang yang baru dan dianggap baru. Saya rasa kalaulah ahli Parlimen itu bernasib baik dan dipilih semula saya rasa dia juga harus diberi semua pinjaman yang layak diterima oleh ahli-ahli Parlimen yang baru. Lagipun komputer ini selepas 18 bulan ia menjadi obsolete, tidak begitu sepadan dengan permintaan semasa.

Begitu juga elaun rumah, ada ahli Parlimen yang sebelum dipilih telah bertugas sebagai pegawai kerajaan dan apabila memohon untuk elaun rumah untuk membesarkan rumah ataupun membaiki pulih rumah atau membeli rumah kedua, kita diberitahu kita tidak layak kerana kita pada satu ketika dahulu telah menikmati kemudahan ini. Saya minta juga dipertimbangkan kepada orang yang sudah menerima dalam perkhidmatan mereka dahulu dipertimbangkan untuk diberi pinjaman perumahan.

Saya juga minta pembantu penyelidikan (research assistant) diadakan ataupun elaun untuk research assistant diadakan untuk ahli-ahli Parlimen ini supaya bila kita debate, debate kita akan menjadi lebih berkualiti, dan apabila kita menyebut sesuatu angka, angka itu adalah angka yang tepat dan juga angka yang betul. Apabila kita membuat kesimpulan, kesimpulan yang kita buat itu adalah tepat, adalah betul kerana ia adalah berasaskan fakta-fakta yang betul dan angka-angka yang sahih. Kita lihat pada persidangan Parlimen kali begitu banyak bil yang telah kita luluskan, dan kalaulah kita tidak mempunyai research assistant saya rasa debate kita pun hanya cetek sahaja ataupun w ishy-washy sahaja.

Seterusnya, saya minta juga melalui Parlimen ini mengadakan lebih kerap lagi ataupun lebih banyak lagi ataupun melantik ramai lagi ahli-ahli Parlimen menerusi Commonwealth Parliamentary Association dan juga melalui IPU melantik ramai lagi

ahli-ahli Parlimen kita untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat antarabangsa melalui IPU dan CPA. Apa sebabnya, Tuan Yang di-Pertua? Apabila kita menjadi pegawai daerah, kalau kita ketandusan ilmu, jadi ilmu kita akan bertambah apabila kita mengadakan persidangan pegawai daerah. Apabila kita menjadi pengetua sekolah seperti saya dahulu, apabila kita letih, ketandusan ilmu, kita adakan Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah SeMalaysia dan di sanalah kita tahu macam mana orang lain mengendalikan tugas-tugas mereka ataupun menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan Parlimen cari sumber kewangan supaya setiap kali ada mesyuarat IPU, setiap kali ada mesyuarat CPA, kita boleh melantik lebih ramai ahli Parlimen untuk menyertai persidangan antarabangsa supaya kita tahu macam mana orang di negara-negara lain debate untuk menyelesaikan masalah mereka ataupun mengendalikan urusan-urusan Parlimen mereka. Saya rasa ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selangau.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Sri Aman berkenaan dengan elaun-elaun dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju berkenaan dengan gratuity ahli Parlimen, sebab mengikut peruntukan sekarang ahli Parlimen hanya diberikan gratuity dalam tempoh enam tahun atau 72 bulan. Adakah Yang Berhormat setuju selagi ahli Parlimen dipilih oleh rakyat sama ada lebih daripada enam tahun dia akan diberi gratuity itu sebab dia masih ahli Parlimen mengikut tempoh yang masih dipilih sebagai ahli Parlimen? Setuju atau tidak?

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah mengatakan apabila Parlimen luput, yang bernasib itu yang telah bekerja kuat yang dipilih semula itu mestilah dianggap sebagai ahli Parlimen yang baru dan dapat menerima apa jua kemudahan-kemudahan, layanan-layanan yang diberi kepada ahli Parlimen yang baru ini. Oleh kerana itu, saya rasa kalaulah dia orang yang bekerja kuat, orang yang rajin, orang yang berkhidmat mesra dengan masyarakat seperti Yang Berhormat Jawah anak Gerang, Ahli Parlimen bagi Lubok Antu, saya rasa [*Ketawa*] sepuluh kali pun dia dipilih, sepuluh kali pun dia harus diberi gratuity, dua kali dia menang tanpa bertanding. Jadi, inilah semangat yang patut kita kekalkan. Ahli-ahli Parlimen pembangkang juga pun patut begitu juga.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita menerima di Parlimen itu begitu banyak laporan dari badan-badan berkanun, laporan dari suruhanjaya-suruhanjaya dan laporan-laporan audit. Jadi, saya cadangkan apa salahnya kalau lebih ramai lagi ahli Parlimen dilantik sebagai ahli dalam suruhanjaya dalam badan-badan berkanun oleh kerana di sini kita diminta memeriksa, meneliti laporan-laporan mereka, tetapi kita tidak ada hubungan dengan mereka. Jadi, kalaulah kita hendak gilirkan, gilirkanlah, mungkin satu tahun sahaja, satu term ataupun kita dilantik selama dua tahun, ataupun tiga tahun ataupun enam bulan supaya kita ada hubungan yang rapat, supaya kita tahu apa yang mereka buat dengan betul, apa yang mereka buat yang salah supaya apabila mereka menyeleweng pun kita dapat menegur mereka supaya penyelewengan mereka tidak sampai RM3 bilion ataupun RM30 bilion. Inilah saya rasa yang harus kita timbangkan.

Berbalik kepada bangunan Parlimen ini sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dua-dua Timbalan Yang di-Pertua dan juga Setiausaha kepada Parlimen dan semua pegawai-pegawai yang berada di bangunan Parlimen ini yang berkhidmat untuk kita semua. Oleh kerana saya nampak begitu banyak perubahan yang baik, saya nampak keceriaan di Parlimen kita kalau dibandingkan dengan Parlimen Kesembilan dan saya rasa ini adalah kerana kerja kuat yang telah diwujudkan dan kerjasama yang telah diberi oleh semua kakitangan-kakitangan yang bertugas di Parlimen.

Saya mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada mereka kerana telah bekerja kuat tetapi saya rasa masih ada - [*Disampuk*] - Okay [*Ketawa*] - tetapi saya rasa masih ada perubahan. Nombor satu perubahan, Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang rasa susah hendak menyuruh api (lampu mic) ini menyala kerana sudah rosak. Dan dalam Parlimen yang Kesembilan semua yang di hadapan kita ini kuning tetapi sekarang sudah hitam. Dan rupanya ada sedikit IT di sini, tetapi kita sehingga hari ini selepas lima tahun belum diberi taklimat macam mana menggunakan butang-butang yang ada di hadapan kita ini. Apakah tujuan lubang yang kecil di sini? [*Ketawa*] Jadi, ini satu yang saya minta.

Di pejabat di bawah – minta maaf menyebut nama sebab saya tidak ingat dengan tugasnya - pejabat Encik Riduan di bawah sana macam selalu gelap. Bolehkah apabila kita mengambil wang daripada kerajaan kita juga membuat satu pbaikan yang menyeluruh supaya orang yang terpaksa mempunyai pejabat di bawah juga mendapat keceriaan yang didapati oleh kita di Dewan ini?

Seterusnya tentang warta yang diedarkan kepada kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kadang-kadang kita ini seperti pepatah Bahasa Inggeris “Penny wise pound foolish” oleh kerana di sini kita diminta meluluskan peruntukan yang berjuta-juta, tetapi apabila tiba ke hal yang kecil yang memakan masa berpuluh ringgit, beratus ringgit, beratus ribu ringgit kita sangat kedekut. Jadi, saya cadangkan warta yang seperti ini [*menunjukkan warta*] hantar terus ke pejabat kita ataupun ke rumah kita di kawasan kita, oleh kerana kalaulah disimpan, ditaruh, dibubuhkan di mana kita duduk ini, ia hanya menyusahkan. Kita tidak ada tempat untuk kita meletakkan jari, tangan ataupun kaki kita. [*Ketawa*] Apabila kita hendak bawa balik ke kawasan begitu susah, terlalu berat.

Dan oleh kerana itu saya pun merasa malu. Apa sebab malu? Oleh kerana kita bubuhkan warta-warta ini di tepi pintu itu dan ia menjadi sampah. Penerbitan yang telah memakan masa berjuta-juta ringgit ini menjadi sampah. Apa sebab? Oleh kerana kita adalah “Penny wise, pound foolish”, dengan izin, oleh kerana kita ingin menyelamatkan wang yang RM20, RM30 untuk menghantar balik ke kawasan. Ini tidak harus terjadi dan kalaulah ini dihantar terus ke pejabat saya, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ia akan menjadi bahan rujukan saya.

Begitu juga laporan-laporan yang masa sekarang laporan yang saya bawa ialah laporan dua tiga kementerian yang mana saya menaruh minat tetapi alangkah lebih baik kalau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,.....

Tuan Jimmy Lim Donald: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, oleh kerana ada perbahasan Usul, jadi ucapan Yang Berhormat boleh disambung sebentar nantilah.

Setiausaha.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Penangkapan 10 Orang Aktivist Di Bawah ISA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi ini yang telah meluluskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya sekarang memberhentikan perbahasan mengenai rang undang-undang untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pendang. Seperti yang telah pun diputuskan pagi tadi pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit.

Yang Berhormat bagi Pendang sila kemukakan.

4.30 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menyebut dalam usul yang saya bacakan di Dewan yang mulia ini pagi tadi mengenai kedudukan 10 orang pemuda yang ditahan di bawah ISA minggu lalu yang perlu diberi perhatian segera. Kami mengutuk sekeras-kerasnya penahanan

tanpa bicara dan tanpa melalui proses natural justice yang membenarkan seseorang itu membela diri dan seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan dianya bersalah.

Penahanan tanpa bicara adalah berlawanan sama sekali dengan konsep keadilan sejagat atau keadilan tabii dan juga bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan Islam di mana Islam menyebutkan tentang satu konsep dalam bahasa Arab disebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Seseorang itu adalah bersih daripada kesalahan sehinggalah dia dibuktikan telah sabit kesalahannya.

ISA adalah satu undang-undang yang zalim. Hanya Barisan Nasional sahaja yang mengatakan ISA itu adil [Tepuk] sehingga ada yang mempertahankannya dengan membawa perbandingan contoh hak Allah S.W.T. mengenai syurga dan neraka - seorang Timbalan Menteri. Saya hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu semalam yang membandingkan ISA dan kuasa Allah S.W.T. supaya Ahli Yang Berhormat seorang yang beragama Islam itu beristighfar dan bertaubat. Dia perlu merujuk lebih dahulu kepada kitab Allah S.W.T. atau Al-Quran dan daripada pandangan para ulama yang muktabar agar tidak terlanjur dan menjejaskan akidahnya. Allah S.W.T. menjanjikan keadilan dengan membawa kepada perbicaraan di padang mahsyar dengan meneliti semua amalan baik dan buruk dengan mengemukakan saksi termasuk anggota tubuh badan orang itu sendiri, bukan dengan cara melulu memasukkan seseorang ke syurga atau neraka.

Tahukah kita bahawa ISA tidak memerlukan semua pertimbangan saksi atau mahkamah untuk menentukan sama ada seseorang itu benar atau tidak? Yang Berhormat tersebut sanggup memfitnah Allah S.W.T. seolah-olah Allah S.W.T. itu kejam sekejam ISA, nauzubillah.

PAS dan Barisan Alternatif tidak pernah melindungi amalan jenayah dan mengancam keselamatan orang ramai dan negara. Kami tidak pernah meminta kerajaan mendiamkan atau menyorok sebarang bentuk pencabulan undang-undang, sebab itu kami mahukan semua pertuduhan dibuktikan di mahkamah terbuka supaya rakyat tahu mengenai kegiatan yang merbahaya ini. Pernahkah Dewan yang mulia ini mendengar kita melindungi perompak atau penjenayah lain? Kita mahu penjenayah dihukum melalui proses undang-undang yang jelas, bebas dan terbuka dengan saksi-saksi yang berwibawa dan bukti-bukti yang cukup. ISA tidak memberikan ruang untuk keadilan ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini 10 orang aktivitis KeADILan dan reformasi ditangkap di bawah ISA kerana dikatakan mempunyai hubungan dengan kumpulan pemisah Selatan Thai dan Aceh dan menyediakan senjata untuk menggulingkan kerajaan. Mana dia bukti-buktinya? Sampai hari ini, keadilan tidak diberikan kepada mereka malah enam orang terus ditahan di Kamunting. Adilkah ini?

Dua orang pelajar ditahan di bawa ISA dengan heboh pemimpin termasuk Perdana Menteri menuduh mereka terlibat dengan aktiviti yang mengancam keselamatan termasuk peristiwa kebakaran DTC di Universiti Malaya. Apabila terbukti mereka tidak terlibat dengan kebakaran ini dan pihak penyiasat bomba menyatakan kebakaran itu tidak mempunyai hubungan sama sekali dengan perbuatan khianat, bahawa ia berpunca daripada wayar putus dan tuduhan ini ternyata palsu, bukan sahaja satu ketidakadilan telah berlaku, pelajar yang berkenaan pula dibuang daripada universiti. Adakah kita mendengar Perdana Menteri meminta maaf? Jauh sekali, malah beliau dalam keadaan malu terus bertindak luar batasan, mengecam pelajar dan merubah keseluruhan sistem kuota dan membawa pertikaian baru dengan isu meritokrasinya.

Penangkapan kali ini pun menggunakan taktik yang sama, mereka dituduh terlibat dengan kegiatan yang mengancam negara kerana bergiat dalam kumpulan Mujahidin Malaysia dan polis, katanya, ada bukti berikutan siasatan awal. Perdana Menteri sekali lagi mendahului dengan menuduh anak Menteri Besar Kelantan memang terlibat walaupun bentuk keterlibatannya sedang disiasat.

Benarkah adanya pertubuhan yang disebut-sebutkan itu? Apakah yang telah dilakukan oleh 10 orang ini yang dikatakan membahayakan keselamatan negara? Adakah dengan pergi ke Afghanistan, melawan Russia bererti mereka ini digolongkan sebagai penjenayah? Dan adakah orang-orang yang memperjuangkan untuk membebaskan negara mereka dari cengkaman pencerobohan asing dianggap mereka itu penjenayah? Kalau itulah sikap Kerajaan Malaysia, samalah dengan sikap Israel

[*Tepuk*] yang menganggap para pejuang intifadah Palestine yang menentang keganasan Israel dan menuntut hak mereka yang sah dianggap oleh Israel sebagai penjenayah.

Ini yang mesti difikir dan direnung oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya hendak mengingatkan kita semua bahawa perjuangan yang dilalui oleh Mujahidin Afghanistan menghalau komunis Russia yang menduduki negara itu adalah satu perjuangan jihad yang suci yang disokong oleh negara-negara Islam dan negara-negara Barat pada ketika itu. Russia adalah penjajah dan ramai anak muda dari dunia Islam, dari Timur Tengah, dari Pakistan termasuk mungkin dari Malaysia turut menyumbang tenaga dan nyawa bagi menghalau Russia sehingga Afghanistan bebas. Adakah sesiapa di antara kita yang sanggup mengatakan bahawa perjuangan itu sia-sia?

Pelik dan ajaib apabila kini anak-anak muda ini dicap sebagai penjenayah dan merbahaya. Mereka terdiri dari pelajar di kolej-kolej di Pakistan. Salahkah mereka belajar di sana? Kerajaan Mujahidin disokong oleh Malaysia dan hingga sekarang ini wakil Mujahidin dijemput membuka pejabatnya di sini walaupun mereka tidak lagi berkuasa selepas Taleban mengambil alih kuasa. Mengapa sekarang pula hubungan dengan Mujahidin itu dipertikaikan dan mereka yang ditahan pula hendak dikaitkan dengan Taleban? Taleban adalah satu pergerakan yang baru muncul selepas pembebasan Afghanistan daripada cengkaman Russia....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pendang. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa mereka ini yang dikatakan pernah belajar di Pakistan dan menyertai perjuangan Mujahidin di Afghanistan untuk menentang Russia ini tetapi apabila balik ke Malaysia mereka menyertai kumpulan yang mendukung demokrasi iaitu PAS dan rakan-rakan yang lain, iaitu mereka merupakan petugas-petugas pilihan raya yang akhirnya berjaya untuk mengalahkan UMNO dan Barisan Nasional di negeri Kelantan dan juga di negeri Terengganu? Sebab hendak mengalahkan UMNO dan Barisan Nasional ini tidak perlu kepada militan atau angkat senjata, tetapi cukup melalui pangkah di peti undi. Setuju atau tidak setuju Yang Berhormat bahawa Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) yang wujud itu ialah sebenarnya "Kumpulan Mahathir Mohamad"? [*Tepuk*]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, saya bersetuju sebab apabila mereka pulang mereka tidak menjalankan sebarang aktiviti-aktiviti militan. Ada di antara mereka yang menyertai parti politik, ada yang tidak menyertai parti politik tetapi mereka menjalani hidup sebagai rakyat yang biasa. [*Disampuk*].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu 36(6), menuduh... [*Disampuk*] Ini tuduhan...gilakah ini? Main-main politik begini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Itu 36(6) juga.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...bahawa KMM ini ditubuhkan oleh Kubang Pasu. Ini dah gila!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena, cukup! Biar Pendang habiskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: sama-sama gila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]...Kata-kata itu gila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak kata, sama-sama gila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta tarik balik mengatakan KMM itu Kumpulan Mahathir Mohamad. Saya kata tuduhan itu gila. Saya stand!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... Teruskan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, mereka menjalani kehidupan biasa, mereka menyertai parti politik, ada di antara mereka menyertai parti politik dan menjalankan kegiatan-kegiatan mengikut agenda parti politik yang berkenaan melalui demokrasi. Perdana Menteri telah membuat kenyataan menyatakan satu tuduhan yang liar mengatakan PAS telah mengirim ahli-ahlinya untuk menerima latihan di luar di luar negara – latihan tentera. Ini satu fitnah! Ini satu tuduhan yang jahat!

Seorang Ahli: Pembohong!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Pembohong! Mereka yang menjadi ahli PAS sebahagiannya, sekembalinya ke tanah air telah menerima perjuangan demokrasi, membantu dalam pilihan raya sehingga memenangkan PAS, BA di Kelantan dan Terengganu dan juga di beberapa tempat dan kawasan di negeri-negeri yang lain bersama dengan rakan-rakan mereka dalam parti PAS dan juga BA. Lebih baik pihak kerajaan membawa mereka ke muka pengadilan untuk mengetahui apa sebenarnya yang dilakukan oleh mereka ini sebelum rakyat bertambah marah. ISA tidak akan memberi kebaikan kepada sesiapa. Kalau tindakan kerajaan ini adalah cubaan mengaitkan PAS atau KeADILan atau lain-lain parti dengan aktiviti militan, cubaan ini tidak akan berjaya kerana ia adalah tuduhan palsu, karut dan dusta!

BN bersungguh-sungguh cuba mengaitkan PAS dengan kumpulan A-Maunah tetapi gagal dan sandiwara ini ditempelak oleh rakyat hingga ke hari ini. Parti keADILan pula hendak dikaitkan dengan golongan pemisah Thailand dan Aceh. Ini juga tidak masuk akal dan gagal menghasut rakyat membenci parti KeADILan. BN juga mahu menyamakan PAS dengan Taliban, tetapi apa yang dilihat di Kelantan dan Terengganu yang melaksanakan kebebasan beragama, menolak sepenuhnya dakwah BN. Tapi banyak yang berjaya dilakukan oleh BN ialah mengalihkan pandangan rakyat daripada masalah yang dihadapi oleh mereka seperti kegagalan penswastaan, penyelewengan dan rasuah yang mereka lakukan. Cubaan BN kali ini pasti akan gagal lagi kerana semua ini adalah fitnah yang luar biasa dan biadab!

Perdana Menteri pernah mencabar PAS supaya menghantar ahlinya berjuang di Palastine dan Chechnya untuk menunjukkan PAS benar-benar mahu berjihad bagi menggantikan intifadah, malah ada pihak dalam UMNO mahu membiayai tambang ke sana seperti mana yang pernah diucapkan oleh wakil rakyat bagi Rompin – mencabar. Apakah kalau sekiranya terdapat rakyat Malaysia yang pergi ke Palestine atau ke Chechnya atau ke Albania, umpamanya, apakah mereka yang berhadapan dengan keganasan tentera Rusia, keganasan tentera Israel, umpamanya, boleh pergi dengan tangan tanpa menerima apa-apa latihan? Dan kalau Kerajaan Malaysia mengizinkan mereka pergi untuk berhadapan dengan kekejaman Israel, kekejaman Rusia, apakah mereka itu dianggap sebagai penjenayah? Inilah ketidakwarasan pemimpin-pemimpin UMNO terutamanya. *[Tepuk][Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: BN memperli kononnya jihad PAS tidak kena...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: ...tempat dan intifadah dan bukan diperlukan di Malaysia. Namun, bila didapati ada anak muda yang pergi berjuang atas inisiatif mereka sendiri, BN jadi malu. Kesannya, orang yang balik dari berjuang ini pula

yang ditangkap tanpa bicara. Kalau UMNO sendiri takut untuk berjihad, tidak payahlah hendak suruh orang lain ke medan perjuangan.

Kerajaan juga mahu mengaitkan anak-anak muda dengan rompak bank dan pembunuhan Joe Fernandez – bekas ADUN Lunas. Ini adalah kes jenayah berat yang tidak dapat dihukum sewajarnya dengan ISA. Mereka boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan atau undang-undang lain yang lebih telus di mahkamah terbuka. Tiga bulan telah berlalu sejak tangkapan pertama dibuat yang dikaitkan dengan pembunuhan Joe Fernandez, dan polis mendakwa kes pembunuhan ini telah selesai, tetapi sampai hari ini kes ini belum di bawa ke mahkamah. Apa telah terjadi? Bagaimana rakyat mahu mempercayai lagi kenyataan pihak keselamatan jika mereka dengan mudah berselindung di sebalik ISA? Mengaitkan semua pelajar yang belajar di Pakistan dengan dakwaan terlibat dengan rompak semata-mata kerana beberapa individu yang terlibat adalah satu dakwaan yang menghinakan intelek rakyat. Ini samalah menuduh semua komando terlibat dengan rompak apabila dua, tiga kerat yang terlibat dengan rompak.

Seorang ahli: Tangkap Menteri Pertahanan!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Begitu juga tidak kurang jumlah anggota polis terlibat dengan rompak, tetapi tidak bermakna semua polis harus disyaki merompak.

Saya menuntut kerajaan bersikap lebih rasional dan tidak mencampur adukkan tindakan politik dengan perkara-perkara yang melibatkan jenayah. Kalau hendak dikatakan orang yang pernah terlibat dengan latihan senjata api adalah merbahaya, maka yang bahaya adalah ahli-ahli persatuan bekas perajurit dan bekas ahli kadet polis dan kadet tentera yang juga dilatih mengguna senjata api dan bilangan mereka lebih ramai daripada 10 orang yang ditangkap itu.

Kami tidak mahu kerajaan membuat andaian yang bukan-bukan untuk menimbulkan keresahan rakyat. Kami mendesak supaya semua tahanan ISA ini dibebaskan dengan segera dan dikembalikan kepada kaum keluarga mereka. *[Tepuk]* Kalau benar-benar kerajaan ada bukti, silakan bawa mereka ke mahkamah terbuka. Bawalah saksi-saksi seramai mungkin. Kami mencabar BN untuk berlaku adil di kali ini. Jangan jadikan iktisad ini untuk menduga kesabaran rakyat atau sebagai mukadimah kepada penangkapan lebih ramai pemimpin parti untuk mematahkan saingan kami terhadap BN. *[Tepuk]* Kenyataan Timbalan Perdana Menteri bahawa lebih ramai akan ditangkap di bawah ISA adalah menunjukkan sikap sombong dan angkuh dengan kuasa yang ada di tangan mereka. *[Tepuk]*

UMNO/BN memang suka mengugut rakyat. Dia menganggap rakyat akan sentiasa takut dan tunduk kepada ugutan. Dia boleh ugut ahli UMNO, tetapi jangan cuba ugut orang lain! *[Tepuk]* Saya mahu beliau meminta maaf kepada rakyat atas keterlanjurannya. Keegoan Perdana Menteri pula yang membuat andaian bahawa saya sendiri, Dato' Nik Aziz, Lim Kit Siang pun akan ditangkap adalah kenyataan yang tidak diperlukan dalam negara yang mengamalkan demokrasi dan yang ada undang-undang ini. Semua orang tahu bahawa yang salah akan didakwa termasuk mana-mana pemimpin BN sendiri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) tuduhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 36(6).

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab tuduhan ini serius, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak ada baca dalam akhbar yang mengatakan Perdana Menteri akan ambil tindakan, mengugut untuk menangkap Ketua Pembangkang. Tidak ada! *[Sorak][Disampuk][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini apa tuduhan ini? Ini cuba hendak...ini di surat khabar.....apa itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...Harakah itu memanglah, yang tidak ada diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini akan dijawab, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia tidak ada masa baca surat khabar, Tuan Yang di-Pertua. Dia terpaksa membaca report TNB yang banyak bercelaru sekarang ini! *[Ketawa]*

Semua orang tahu bahawa orang yang salah akan didakwa termasuk mana-mana pemimpin BN sendiri seandainya didapati menyeleweng, melindungi anak-anak yang menghabiskan harta negara, rasuah dan sebagainya.

Tuntutan terakhir kami adalah pemansuhan Akta zalim ini seberapa segera. *[Ketawa]* ISA sudah dikira luput tarikh dan tidak diperlukan. Sasarannya iaitu pengganas komunis sudah tiada lagi. Kita harus menyedari bahawa kelangsungan pemerintahan Dr. Mahathir hari ini adalah semata-mata bergantung kepada penggunaan ISA dan bukan kerana kehebatan beliau mentadbir negara ini. *[Tepuk]* Tempoh pemerintahan beliau menyaksikan penahanan di bawah ISA bukan kerana aktiviti komunis ialah tempoh yang paling ramai mereka yang ditahan di bawah ISA. Inilah hakikat kelemahan BN yang cuba ditutup daripada pengetahuan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini juga kerajaan Barisan Nasional meluaskan lagi cengkamannya ke atas parti pembangkang dengan melarang sama sekali ceramah-ceramah yang sah diadakan. Ini juga adalah merupakan penyalahgunaan kuasa yang berterusan sehingga bukan sahaja sebagaimana yang dilaungkan oleh Timbalan Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri yang mengatakan ceramah-ceramah dalam markas-markas atau tempat-tempat tertutup dibenarkan tetapi pihak polis telah bertindak menangkap mereka yang terlibat dengan ceramah walaupun di dalam markas-markas yang tertutup. Ini lagi satu iktisad kezaliman UMNO dan Barisan Nasional!

Terima kasih, assalamua laikum. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

4.51. ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita mendesak supaya kerajaan menunjukkan bukti mengenai golongan militan Malaysia yang berkaitan dengan Afghanistan sehingga 10 orang telah ditahan di bawah ISA. Pertama, kita menentang dengan sekeras-kerasnya sebarang kegiatan kekerasan dan keterlaluan atau melampau tanpa mengira agama, ras dan kawasan.

Kedua, kita mempercayai bahawa negara ini mempunyai undang-undang bukan ISA yang boleh digunakan untuk mencari bukti dan saksi dan menghadapkan orang-orang yang disyaki itu ke mahkamah. Selagi kerajaan mempunyai ISA, ia enggan memakai undang-undang yang lain untuk menahan orang yang disyaki itu.

Ketiga, sejak bulan Mei tatkala berlakunya rompakan Southern Bank, polis telah menerangkan ia ada pertalian dengan golongan militan yang bersifat antarabangsa yang berkaitan dengan pembunuhan Joe Fernandez dan sebagainya. Dalam tempoh yang lebih dari tiga bulan ini polis mempunyai tempoh untuk mendapat bukti dan saksi yang boleh digunakan di mahkamah kita. Adalah menjadi tanggungjawab atau kewajipan kerajaan untuk memberi bukti terhadap golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, adalah tidak wajar bagi kerajaan untuk menggunakan kesempatan bagi mengekang pembangkang dengan ISA dan helah yang lain. Setelah kerajaan membolot atau memonopolikan media massa dan menggunakan ISA, perjuangan pembangkang bagai menentang matahari. Ini termasuklah parti-parti politik yang menggondol media massa dan akhbar termasuk Nanyang.

Kelima, kita tidak setuju dengan sebarang golongan militan, sebaliknya kita tidak mahu kerajaan mengerjakan isu ini dengan niat hanya untuk menakut-nakutkan rakyat sahaja.

Jangan ditentang matahari condong,

Takut terturut jalan tak berintis.

Mudah-mudahan kerajaan dapat mengumumkan bilangan orang yang terlibat dengan golongan militan antarabangsa ini di mana mereka, bila mereka terlibat dengan golongan di Afghanistan dan juga di negara-negara yang lain dan menghadapkan mereka ke mahkamah. *[Tepuk]*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Permatang Pauh.

4.54 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuduhan-tuduhan terhadap mereka yang ditahan di bawah ISA baru-baru ini adalah tuduhan yang berat, dan kaitannya dengan pelbagai hal lain lebih merumitkan. Oleh itu sepatutnya mereka ini diberi peluang melalui saluran undang-undang biasa untuk membuktikan dan menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan. Kita terbuka untuk menerima apa-apa dakwaan jikalau benar-benar disokong oleh bukti yang kukuh, tetapi di dalam kes tahanan ISA mujahidin ini dan juga tahanan ISA yang lain, terlalu banyak kemusykilan dan keraguan yang timbul jika berpandukan alasan dan hujah kerajaan BN yang dilaporkan oleh media.

Kesemua persoalan ini menimbulkan keraguan di sekitar penahanan kumpulan ini. Kita berhak mempertikaikan motif Kerajaan BN di sebalik tindakan terhadap mereka. Langkah terbaik untuk mengelakkan syak wasangka dan ketegangan hasil episod ini adalah dengan menyiasat dan, kalau perlu, membicarakan mereka secara telus dan adil.

Pelbagai stigma kontroversi dan dosa politik sudah melekat kepada tubuh ISA untuk membolehkan ia membawa penyelesaian dalam isu ini. Menggunakan ISA akan lebih menimbulkan ketegangan dan kekeliruan. Sudahlah ISA dipergunakan, para pemimpin Kerajaan BN pula membuat pelbagai ulasan yang berbau politik berkaitan dengan isu ini.

Sepatutnya selagi siasatan dan tuduhan terhadap mereka belum selesai, semua pihak mesti diharamkan daripada membuat apa-apa kenyataan dan ulasan liar yang berkepentingan. Malangnya, inilah yang berlaku sepanjang penahanan ISA selama ini. Ketika mahasiswa ditahan, mereka dituduh terbabit dengan kegiatan melampau dan militan termasuk membakar Dewan Tunku Chanselor, Universiti Malaya. Akhirnya dakwaan-dakwaan ini terbukti meleset.

Sebelum itu, pemimpin politik alternatif yang ditahan telah melaporkan dalam affidavit mereka bahawa sepanjang tempoh mereka ditahan, kononnya hendak menggulingkan secara keras, mereka tidak pula disoal siasat berkaitan dengan keselamatan negara: Mana bomnya? Mana rocket launchernya? Mana molotof cocktailnya? Sebaliknya mereka hanya disoal siasat tentang salah laku seks dan pelbagai persoalan politik: "Jangan sokong Anwar Ibrahim";, "Masuk balik UMNO"; termasuk memfitnah saya dan anak saya. *[Tepuk]*

Ini apa tentang keselamatan? Track record menggunakan ISA terutamanya sejak akhir-akhir ini menyebabkan kita menyimpulkan bahawa tindakan terkini adalah bertujuan untuk mengalih pandangan rakyat daripada isu sebenar yang terus mencengkam negara, iaitu krisis politik dan ekonomi negara. *[Tepuk]*

Penyelewengan kuasa politik dan salah guna dan silap tadbir ekonomi negaralah isu sebenar yang patut diberi tumpuan. Demi menyembunyikan hakikat sebenar, pemimpin BN cuba mengalih perhatian umum kepada isu keselamatan dan kestabilan negara, menaburkan benih ketakutan dan kebimbangan moga-moga dalam keclaruan yang timbul rakyat terpaksa terus berpaut dan berlindung dengan BN.

Sekali lagi kita tegaskan, masalah utama yang melanda negara adalah krisis politik dan ekonomi, episod salah guna kuasa, penyelewengan, pembaziran wang rakyat, pengurusan ekonomi yang pincang tetap berterusan dan cuba diselindungi. Isu keselamatan negara dan kestabilan hanyalah helah atau bom asap untuk menutup pandangan rakyat daripada menyedari kepincangan Kerajaan BN.

Buat sekian kalinya, saya menyeru kepada conscience atau "*dhomir*" semua pihak, khususnya pucuk pimpinan BN agar menghentikan salah guna ISA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, satu minit lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail : Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua .

Janganlah terus berselindung di balik ini.

Akhirnya, saya ingin memetik tulisan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tidak berapa lama dahulu yang menegaskan, dengan izin, "...if there is any law in the country that supports raw power and arbitrariness in extremity, it is the ISA", dan saya rasa menteri itu ada pada hari ini. Maksudnya ISA adalah undang-undang yang paling bersifat menindas dan mendukung kuasa sewenang-wenangnya di dalam negara kita.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Pilah.

5.01 ptg.

Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam bahasan ini. Nampaknya hari ini jelas iaitu dalam parti PAS ada kumpulan militan yang merancang, yang melaksanakan kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara, keselamatan orang awam dan juga keamanan dalam negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Napsiah binti Omar: Tengok ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Berita Harian hari ini, "Golongan Ekstrem dalam PAS ..."...

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat berapa? Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Surat khabar tidak boleh dijadikan sebagai alasan, pertuturan media.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Tuan Husam bin Haji Musa: 36(6). Tuduhan bahawa PAS menaja gerakan militan berasaskan laporan surat khabar. Dalam Peraturan Parlimen, surat khabar tidak boleh dijadikan sebagai satu landasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak kena, Yang Berhormat, secara am. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Napsiah binti Omar: Saya hanya baca sahaja, tetapi parti PAS harus samanlah nanti Berita Harian ini nanti.

Saya mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan syabas kepada pihak yang berkuasa terutamanya pihak polis yang telah bertindak dengan pantas supaya dapat menyelamatkan keadaan [*Tepuk*] di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan hari ini banyak perkara-perkara yang berlaku, keganasan yang berlaku dan beberapa hari dalam surat khabar daripada 4 haribulan sampai ke hari ini, beberapa perkara kita dapat lihat dalam headlines, lapan anggota militan ditahan, anak Nik Aziz ditahan, dan sebagainya dan ada juga pengakuan daripada Nik Aziz sendiri yang anaknya juga pernah pergi ke Afghanistan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato' Napsiah binti Omar: Tidak salah. Sebenarnya kata Yang Berhormat parti pembangkang tadi, kalau pergi ke Afghanistan, melawan orang Rusia, saya pun menyokong. Kalau saya ada peluang, saya akan pergi melawan dan menentang Rusia ini! [*Tepuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya ucapkan syabas kepada Kuala Pilah. Semangatnya berkobar-kobar, inilah cara Barisan Nasional atau UMNO.

Saya hendak bertanya kepada Kuala Pilah mengenai dua perkara. Pertama, perkara ini, KMM ini, Kumpulan Mujahidin Malaysia ala mujahidin dan kata-kata, ala

PAS, ala Taliban, semuanya ala belah sana terselongkar kerana perompakan Southern Bank.

Lepas itu dia kaitkan juga dengan isu Hong Leong Bank, begitu berbangkit juga dengan tentang membunuh Rajaswaran dan pembunuhan Joe Fernandez. Ini jelas bahawa mereka ini terlibat dengan jenayah. Masih lagi belah sana hendak mengata tidak? Masih lagi belah sana cuba menolak pembabitian ahli-ahli mereka? Ini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Dato' Kuala Pilah.

Yang kedua, saya hendak bertanya. Tadi berkobar-kobar Ketua Pembangkang mengatakan anak Yang Berhormat Nik Aziz pergi ke Afghanistan, kononnya pejuang-pejuang mujahidin membela tekanan pencerobohan Rusia. Adakah Yang Berhormat tahu Rusia keluar 1991? Yang mereka sini melawan siapa? Yang masalahnya Rusia eluar 1991. Mereka masuk kerana apa? Menyebelahi Kumpulan Syiah dengan Sumi ini, perbalahan antara kumpulan Islam ini? Mereka masuk bukan membela Rusia, Rusia sudah keluar pada tahun 1991.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucapakah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Semak faktanya. Minta pandangan Kuala Pilah.

Dato' Napsiah binti Omar: Betul Yang Berhormat Dato' dari Rompin, apa yang dikatakan itu perkara ini semua terbongkar rasa saya selepas rompakan di Southern Bank. Saya minta kerajaan siasat betul-betul perkara ini dan kalau didapati betul, saya minta Ketua Pembangkang minta maaf dengan Dr. Mahathir!. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kumpulan militan dalam PAS ini, betul kata Rompin tadi, kalau pergi melawan Rusia, saya sendiri menyokong. Tetapi selepas itu apa yang berlaku di Afghanistan ialah perang saudara.

Sebenarnya anak Nik Aziz, Nik Adli ini pergi ke sana untuk belajar apa? Untuk belajar ketenteraan, memegang senjata supaya balik ke Malaysia ini untuk membuat apa? Mengguling kerajaan dengan secara militan

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Di bawah peraturan, seseorang yang tidak boleh mempertahankan diri, kita tidak boleh fitnah macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Tuan Husam bin Haji Musa: Seseorang yang tidak boleh mempertahankan diri dia sendiri, kita fitnah macam ini. Ini satu fitnah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi ada juga disebut oleh pencadang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, dia kata anak Nik Aziz, anak Nik Aziz sekarang dalam tahanan ISA, dia tidak boleh mempertahankan diri dia. Ini fitnah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat perkara ini memang juga dibahaskan oleh pencadang.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tidak, fitnah tidak boleh cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Pilah, sila teruskan.

Tuan Haji Husam bin Haj Musa: Dia duduk dalam tahanan, macam mana difitnah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cuba, cuba

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mereka ini kembali ke tanah air dan ingin meneruskan aktiviti yang tidak sihat ini, saya sebagai Ahli Parlimen dan sebagai seorang ibu, menolak dengan sekeras-kerasnya, menolak kerana sebagai seorang ibu, saya tidak mahu melihat negara saya huru hara, saya

hendak negara kita ini menjadi sebuah negara yang aman untuk anak-anak kita membesar.

Saya pernah berjumpa dengan wanita-wanita dari negara Laos dan Cambodia yang mengatakan selama 20 tahun mereka mengalami peperangan saudara di mana seorang ibu itu, katanya, melihat anaknya mengangkat senjata umur 12 tahun dan tidak pernah melihat anak itu sehingga umurnya 19 tahun. Anak ini tidak pernah melihat umurnya ke 20 tahun kerana umur 19 tahun dia telah menjadi mayat dibawa pulang kepada rumah ibunya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu perkara ini berlaku di negara kita ini, sebab apa yang saya perhatikan dan baca di dalam akhbar. Dan ini saya minta kerajaan menyasat betul-betul kerana didapati revolver, Smith Watson Point 38, senapang M16, magazine sampai 60 bullet dan pistol. Jadi rasa saya ini apa maknanya ini? Bukankah ini kerja-kerja militan? Dan nampaknya pula parti PAS ada kaitannya dengan kumpulan KMM ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin minta laluan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit pandangan Kuala Pilah. Tadi Ketua Pembangkang menolak, dia kata PAS tidak terlibat, ini rekaan sahaja, ini tuduhan politik. Adakah Yang Berhormat mahu minta belah sana bersihkan diri, rakyat akan menentukannya, bersihkan diri semua. Sebab apa? Dalam buku-buku, kalau tidak saya pun hendak satu buku, satu buku jihad, anak Melayu di Pakistan,

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hai terpulang kepada PAS meyakinkan orang ramai membersihkan diri daripada ini, tetapi dibiarkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin, hendak minta penjelasan daripada Kuala Pilah ataupun hendak berucap?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan. Tetapi dia dah tanya saya, saya jawablah.

Saya bertanya kepada Kuala Pilah, adakah Kuala Pilah mahu bertanya belah sana tanggungjawab mereka meyakinkan orang ramai mereka membersihkan elemen-elemen militan dalam ahli-ahli mereka? Saya hendak bertanya Kuala Pilah.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, ya itu parti PAS untuk membersihkan dalam tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menekankan di sini, kata pihak pembangkang tadi, katanya kerajaan menggunakan ISA ini sebagai alat untuk menekan lawan politik dan orang-orang yang berbeza pendapat dengan parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menanya kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga kepada pihak kerajaan. Di dalam Dewan ini sejak tahun 1982 di mana saya menjadi Ahli dalam Dewan ini, bekas Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang, berbuih-buih mulutnya dalam Dewan ini mengatakan kerajaan tetapi dia tidak pernah ditahan daripada bertanding dalam pilihan raya. Kali ini dia tidak ada tempat dalam Dewan ini. Adakah ditahan oleh ISA atau ditahan oleh suara rakyat? Suara rakyat menahannya dan menolaknya daripada duduk di dalam Dewan ini? *[Tepuk]*

Jelas, Tuan Yang di-Pertua, ISA tidak diguna oleh kerajaan untuk

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Dalam ucapan Yang Berhormat tadi sebut bahawa gambaran yang diberi oleh pembangkang seolah-olah kerajaan selama ini terpaksa hendak menggunakan ISA untuk, dengan izin, mengadakan political operation supaya membendung pembangkang ini. Tadi, Ketua Pembangkang menyebut bahawa Yang Berhormat Kubang Pasu sebagai Perdana Menteri, dia kata, menangkap orang yang salah sebut. Kalau betul-betul hendak gunakan sebagai political operation, baik tangkap Ketua Pembangkang, tangkap Lim Kit Siang, tangkap Nik Aziz!

Tadi Ketua Pembangkang putar belit. Dr. Mahathir sebut bahawa jikalau itulah rasionalnya pihak pembangkang mengatakan bahawa ISA ini digunakan oleh kerajaan untuk mengadakan political operation, baik kita tangkap Ketua Pembangkang, tetapi sebenarnya pada hakikatnya ISA ini juga digunakan untuk menjaga keselamatan negara.

Jadi pihak pembangkang ini dia sentiasa putar belit.

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Memang betul kenyataan itu. Apa yang saya ingin tekankan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di waktu ini, rasa saya eloklah kita minta kerajaan untuk menjelaskan, kalau betul yang 10 orang ini tidak salah, sila lepaskan. Saya sendiri menyokong. Jangan kita tahan orang yang tidak salah. *[Dewan gamat seketika]*. Tetapi, kalau mereka ini salah, mereka harus dihukum!

Beberapa Ahli: Ya. *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Napsiah binti Omar: Ini kerana, keselamatan negara kita adalah lebih penting daripada sesiapa sahaja. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingat, masa tidak mengizinkan, saya ingin mengatakan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tetapi masa tidak mengizinkan.

Dato' Napsiah binti Omar:

Kata-kata bukan sebarang kata,

Kata-kata ini untuk kita semua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Napsiah binti Omar:

Akta bukan sebarang akta,

Akta Keselamatan Dalam Negara.

Sekian, terima kasih. *[Tepuk] [Sorak] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh jawab.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Ketua Pembangkang yang telah membawa usul ini, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Terlebih dahulu, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pendang yang telah membangkitkan kesedaran yang telah membawakan kenyataan, yang telah memperkatakan penentangan dan isi hatinya kepada Majlis pada hari ini atas perkara yang telah berlaku dan penangkapan 10 orang kumpulan Mujahidin Malaysia. Saya hendak maklumkan, tangkapan 10 orang Mujahidin Malaysia ini dan termasuk juga tangkapan-tangkapan yang lebih awal, ada terdapat seorang Mujahidin daripada Indonesia yang telah bersama-sama pergi ke Afganistan, yang telah menanamkan semangat setiakawan, kemudian balik ke Indonesia dan datang ke sini menyertai kalangan sahabat-sahabat Mujahidin yang telah pergi ke Afganistan.

Saya juga ingin memaklumkan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang bahawa tangkapan ini menurut tuduhan Yang Berhormat, kita lakukan kerana mereka menjadi puak Mujahidin dan menentang puak-puak Musyrikinlah, kita kata ataupun puak kafir Rusia. Kalau itulah tuduhan yang benar, ketika mereka pergi dan balik, kita sudah menangkap mereka ini daripada awal lagi. Seperti Nik Adli, sudah tentu waktu dia menuntut pelajaran di Afganistan dan pada saban ketika ada ketika dia bercuti, dia tidak balik ke Malaysia. Ini diterangkan oleh

ayahandanya sendiri dan kalau kita tidak mahu menggunakan berita benar yang mengatakan tidak boleh menggunakan asas penerangan di dalam akhbar, kerajaan juga tidak boleh menggunakan penerangan yang jelas di dalam akhbar ini. Tetapi, bagaimana kalau penerangan ini disampaikan oleh keluarganya sendiri?

Dia juga pergi ke Afganistan. Kita yakin pemergian mereka ke Afganistan adalah untuk membantu puak Afganistan untuk menentang pencerobohan Rusia. Tetapi, setelah penyelesaian pencerobohan ini, mereka pergi lagi ke Afganistan. Pada ketika ini, berlaku pertelingkahan, persengketaan antara dua pihak Islam, puak Sunni dan puak Syiah. Mengikut tinjauan kita, mereka membantu puak Sunni, tidak membantu puak Syiah. Soalan awal, mereka pergi ke Afganistan kerana menentang puak-puak yang menceroboh daripada kalangan kafir. Tetapi apabila mereka pergi yang kedua, mereka menentang puak mana pula?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan, bilakah tarikh terakhir Nik Adli pergi ke Afganistan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini yang kita sedang lakukan penyiasatan yang sebenar. Dan apa yang kita ketahui, Nik Adli mula mengambil alih pentadbiran KMM ini dalam satu mesyuarat yang berlaku di Puchong. Mesyuarat yang berlaku di Puchong, apabila pengerusi asal KMM ini sudah tidak aktif dan agresif dan ada cadangan untuk Nik Adli mengambil alih kepimpinan ini., pada ketika pengerusi awalnya tidak ada dalam mesyuarat di Puchong ini dan dia, Nik Adli, telah disarankan oleh peserta kumpulan seramai 12 orang ini supaya mengambil alih dan menjadi kepala serta pengerusi kepada kumpulan KMM ini. Bersabit daripada perkara awal yang telah saya sebutkan tadi, kita melihat bahawa perkara-perkara ini bukan baru dan perkara-perkara KMM ini bukan kerana mereka menjadi kumpulan penyokong penentangan Mujahidin di Afganistan, tetapi, semangat-semangat perjuangan Mujahidin itu dibawa balik bersama. Ketika mereka membawa balik semangat-semangat penentangan ini, kita jangan lupa bahawa ada satu semangat yang telah ditanam.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta ulasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab tuduhan tadi, kononnya ditangkap ini adalah satu tindakan politik, usaha kerajaan Barisan Nasional, agenda Barisan Nasional. Saya hendak bertanya, adakah ini yang sebenarnya agenda keselamatan negara? Rakyat semua di seluruh negara mahukan keamanan negara - hak asasi manusia juga - mereka mendapat satu keadaan yang aman di negara ini. Tindakan polis ini untuk menjaga keselamatan negara. Yang ditangkap ini orang politik ataupun orang yang boleh mengancam keselamatan negara? Track rekodnya. Adakah di kalangan mereka ini wakil rakyat? Adakah di kalangan mereka Ahli Parlimen atau DUN? Ini semuanya saya minta pengesahan. Mereka yang ditangkap ini mereka yang militan? Kumpulan KMM bukan orang-orang politik. Saya minta Yang Berhormat Dato' beri sedikit kenyataan sebab kadang-kadang nanti, rakyat tersalah anggap pula, kata yang dituduh itu betul pula. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rompin, itu satu soalan patutnya dijawab. Tadi, saya telah menjelaskan lebih awal, kalau mereka ini daripada kalangan ahli politik, kita telah menangkap mereka ataupun kerana mereka pergi ke Afganistan untuk membawa perjuangan menentang kafir ini, kita telah menangkap mereka ketika mereka balik. Tetapi, ketika mereka balik, kita tidak menangkap mereka. Tetapi, apabila peristiwa-peristiwa selanjutnya berlaku dan dalam penyiasatan, dalam gerakan kita, kita melihat beberapa orang ini telah terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang telah pergi ke Afganistan yang mereka dipanggil dengan panggilan puak Mujahidin ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tarikh pemergian Nik Adi ke Afganistan yang terakhir sangat mustahak. Kalau perkara yang sedemikian mudah, Kementerian Dalam Negeri tidak boleh bentangkan di Parlimen pada hari ini, boleh didapati daripada passport dia, daripada imigresen, sangat mustahak. Perkara yang basic, saya tidak sangka bahawa perkara ini boleh berlaku. Tidak boleh ditentukan bila tarikh.

Dan setakat yang saya tahu dari segi politik, di Afganistan tidak ada puak Syiah dan Sunni tetapi ialah berdasarkan kumpulan-kumpulan daerah, lebih daripada Sunni dan Syiah. Jadi, premis itu sudah tidak betul dan yang dikatakan di Mesyuarat Agung KMM, ini adalah satu tuduhan. Kita tahu yang sebenar kerana pelajar-pelajar Pakistan dan India, mereka ada satu pertubuhan pelajar yang dipanggil sebagai PAKINDO (Pakistan- India). Jadi, ini yang memerlukan penjelasan yang sebenar-benarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah beri ucapanlah, sebab masa.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, yang benar-benar jelas. Jangan diserabutkan dengan perkara-perkara lain.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita tidak kira bila dia balik. Tetapi sahnya dia berada dalam negara kita dan Yang Berhormat juga tahu bahawa Nik Adli telah pergi belajar di Pakistan. Nik Adli telah menyertai golongan mujahidin di Afganistan dan sekarang dia balik. Saya tidak kata Nik Adli pergi tetapi kumpulan ini ada pergi berkali-kali sama ada Nik Adli yang pergi atau orang lain yang pergi tetapi kumpulan mujahidin daripada Malaysia kerap kali pergi membuat penentangan ini. Saya kata tadi bahawa Nik Adli mengambil alih pada awal tahun 1999 di Kampung Sri Aman, Puchong dalam bukan mesyuarat agung sebab pertemuan mereka kita kerajaan tidak menilai pertemuan 12 orang itu sebagai satu mesyuarat agung tetapi ini satu pertemuan yang telah diadakan dan pada ketika itu dia mengambil alih dengan dicadang oleh Tajuddin Abu Bakar supaya Nik Adli mengambil alih daripada kumpulan 12 orang yang bermesyuarat pada malam itu. Yang menjadi masalah kepada saudara Yang Berhormat kalau kita menerangkan beliau tidak percaya dia meminta kita percaya apa yang dia terangkan. Ini yang menjadi masalah kepada kita seolah-olah Yang Berhormat di sini tidak mempercayai di atas penyiasatan yang dibuat polis. Yang Berhormat akan terus tidak mempercayai bila kalau kita membawa kes kepada penghakiman seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bila penghakiman berlaku

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:mereka mengatakan satu penghakiman yang zalim. Ini yang menjadi masalah untuk kita *rationalize*kan kepada perkara-perkara yang berbangkit dalam Dewan ini. Kita bukan mengatakan bahawa tidak tahu tetapi kita ada cara yang kita boleh mendapat bila dia pergi dan bila dia balik kerana melalui Jabatan Imigresen kita, kita boleh mendapat semua detail dan fakta ini. Untuk sementara ini kita tidak tahu bahawa Yang Berhormat ingin mengetahui bila Nik Adli balik daripada Afghanistan ataupun Nik Adli balik daripada Pakistan. Tetapi insya-Allah kita akan memberitahu kepada Yang Berhormat mengikut rekod yang ada di dalam passport antarabangsa kecuali Nik Adli keluar daripada negara ini dengan tidak menggunakan passport antarabangsanya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Rompin lebih awal bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pokok Sena kawan lama.

Dat o' Zainal Abidin bin Zin: Rompin lebih awal bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Dato' Timbalan Menteri terima kasih. Timbalan Menteri minta penjelasan sedikit. Rakyat negara kita hanya dengar perkataan KMM ini baru ini. Ini saya difahamkan nama ini wujud bila polis membuat siasatan tentang rompakan di Southern Bank barulah terselongkar wujudnya KMM ini dan dikatakan kumpulan KMM ini ada kaitan dengan pembunuhan, cubaan hendak membunuh Rajeswaran mungkin ada kaitan dengan pembunuhan Joe Fernandez dengan rompakan Hong Leong Bank, dengan ada insiden di kuil Hindu dengan adanya Balai Polis Guar Cempedak. Saya hendak bertanya berbalik, kalau ini benar KMM ini adalah agenda keselamatan. Itupun pihak polis berjumpa, terselongkar bila menyiasat kes rompakan Southern Bank bukan agenda politik. Ini sudah agenda keselamatan negara dan perlu polis mengambil tindakan yang sewajar dan cepat. Saya minta pandangan Timbalan Menteri takut rakyat tidak faham tentang perkara ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebenarnya apa-apa yang berlaku di peringkat awal pihak kerajaan tidak mengatakan bahawa ini adalah dilakukan oleh kumpulan KMM. Saya setuju apabila berlaku rompakan Southern Bank dan kerajaan telah melalui pasukan keselamatan atau Polis Diraja Malaysia kita telah menahan dan dua orang daripada mereka telah ditembak mati. Dan seorang daripadanya ialah ahli PAS sendiri. Kita tidak mengatakan PAS terlibat dan ahli-ahli PAS terlibat. Saya tidak tahu bahawa PAS tidak mengetahui perkara ini kerana apa rentetan daripada penyiasatan polis sejak daripada berlakunya peristiwa-peristiwa yang saya akan sebut ini iaitu bermula dengan peristiwa Memali pada tahun 1985, pembakaran tapak semarak di Baling pada 5 Jun 1988 menyerang Balai Polis Guar Cempedak pada 4 Februari 2001, peristiwa Al-Ma'unah di Bukit Jenalik, pembunuhan individu yang dianggap kafir dan murtad dan rompakan di Hong Leong Bank, berakhir dengan rompakan di Southern Bank di mana orang-orang yang berkenaan telah ditangkap. Orang-orang yang terlibat keseluruhannya boleh saya sebutkan bahawa yang telah ditangkap hari ini yang sebahagiannya yang terlibat dalam rompakan dan ditahan, ada yang telah mati. Kalau PAS mengatakan mereka tidak tahu seperti Lufti bin Ariffin - bekas Exco Pemuda PAS negeri Kedah, Norashid bin Sakit - Ketua Pemuda PAS Sungai Benut, Ahmad Tajuddin Abu Bakar - Ketua Pemuda PAS Larut, Salehan bin Mat Ghafar - ahli PAS Guar Cempedak, Abu Bakar bin Che Doi - ahli PAS cawangan Kampung Tembok, Baling Kedah, Nik Adli bin Nik Aziz - ahli PAS cawangan Pulau "Malat" Kota Bharu....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pulau Melaka, Pulau Melaka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pulau Melaka, bagus. Alias bin Ngah - penyokong PAS, Zainol bin Ismail - dulu ahli PAS dan dia dipecat kerana dia telah membongkar rahsia penyelewengan pungutan duit Memali ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Walau bagaimanapun ingin saya ingatkan Yang Berhormat hanya ada empat minit lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Asmawi bin Abdullah - PAS cawangan Kampung Tembok Baling, Ahmadrol Fauzi bin Deraman penyokong PAS Gurun Kedah, Zainuri bin Kamaruddin PAS cawangan Kampung Ajil Perak Parit, Haji Mohd. Alimuddin Haji Basir - PAS cawangan Batu Hampar Beruas. Banyak lagi ya, banyak lagi Mohd. Azri bin Abdul Rahman Nazri - PAS cawangan Batu 10 Jalan Taiping Perak,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...Mohd. Sabri bin Abu Hassan PAS cawangan Kampung Sri Aman, Puchong, Ahmad Nazri bin Ramli - penyokong PAS dan pembantu tadbir takmil fitrah, Mohd, Iqbal bin Abdul Rahman ini ialah yang saya katakan bukan ahli PAS tetapi ialah puak mujahidin yang bersama-sama di Afghanistan dia berasal daripada Indonesia menjadi penceramah dan pemantau dalam usrah yang tidak berdiri atas tiket PAS tetapi mirip perjuangannya seperti yang dibuat oleh ahli-ahli PAS.

Tuan-tuan sekalian, telah saya katakan tadi beberapa perkara yang berkaitan dengan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak berikan laluanakah? Masa hanya dua minit sahaja.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dua minit sahaja. Tidak payahlah. Biarlah saya cakap ya. Semua perkara-perkara ini dilakukan oleh orang-orang ini kerana bukan daripada kekerasan kerajaan terhadap rakyat tetapi kerana rangsangan pendengaran, fatwa, bacaan mereka. Umpamanya kata daripada seorang – Dr. Abdullah Asem daripada Palestin yang mengatakan 'benih jihad tidak boleh tumbuh kecuali di atas limpahan darah'. Begitu juga orang mengatakan di dalam negara kita terdapat bahawa kalau terdapat orang-orang Islam yang berkawan dengan orang bukan Islam dan mengamalkan undang-undang yang tidak Islam, tidak memberi peluang kepada orang-orang Islam dan mereka adalah di antara orang-orang yang bersubhat dengan orang-orang kafir maka darahnya menjadi halal untuk dibunuh. Dan apa yang dibuat dalam rompakkan di Southern Bank mereka membawa fatwa kalau harta ini adalah harta orang-orang kafir dan harta ini adalah harta haram, harta ini boleh menjadi halal untuk kita merompak. Maka kalau jihad dan semangat jihad ini diteruskan ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak berikan laluanakah?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...membunuh itu satu jihad, merompak itu satu jihad,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Zainal Abidin bin Zin:memaki itu juga satu jihad, membenci itu juga satu jihad ini telah diamalkan di dalam negara kita. Dan atas semangat inilah yang mereka teruskan perjuangan ini yang menakutkan sebahagian besar daripada rakyat, bukan mendamaikan sebahagian besar daripada rakyat. Kita sebagai kerajaan kita mahu membawa kedamaian ini dan kalau kita kata bahawa pembangkang yang membawa kita menjadi gerun, gundah dan gusar kita kalah dalam pilihan raya kita. Kita kalah dalam pilihan raya, rakyat semua takut, rakyat mesti menyokong pembangkang kerana pembangkang sangat baik. Tetapi rakyat menyokong mengembalikan kuasa Barisan Nasional dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah Yang Berhormat, masa cukup. Masa cukup.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Masa cukup. Saya ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ada banyak lagi untuk menjawab untuk menidak perkara-perkara yang telah disebutkan ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]* Saya ada bukti untuk membuktikan tindakan ini tidak militan...*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Dewan riuh]* Pokok Sena, Pokok Sena, Pokok Sena.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Memanglah kita ada. Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada bukti. Kita polis pun ada bukti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukuplah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ... dan kita tahan ini atas bukti-bukti bukan yang ada pada kita sahaja yang telah diberi oleh daripada kalangan puak-puak yang menyerang Southern Bank mereka menerangkan kepada polis siapa lagi yang terlibat dalam rancangan itulah yang kita tangkap. Bukan daripada aspirasi kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Rancangan kita untuk menangkap dan menahan di bawah ISA ini yang dibuat oleh polis selama 60 hari dan insyaAllah bila perkara-perkara yang tertentu dengan undang-undang yang ada tindakan akan kita teruskan. Kalau perlu mereka ini ditahan di bawah ISA atas keselamatan orang ramai, atas kedamaian masyarakat majmuk di negara ini, kita tidak ada pilihan, ISA mesti digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Dato'.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pondan, pondan, pondan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah peraturan mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya tutupkan perbincangan ini. Yang Berhormat bagi Sri Aman sila sambung ucapan.

[Perbincangan ke atas rang Undang-undang di sambung semula]

5.30 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya minta warta ini dihantar ke rumah, pejabat Ahli-ahli Parlimen supaya ia dapat menjadi bahan rujukan. Saya sekarang beralih kepada soal telefon kita di Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu Parlimen Yang Ke-9, kita mengadakan empat telefon untuk digunakan oleh wakil rakyat berhubung dengan orang-orang di kawasan mereka tetapi ini telah dipotong menjadi dua.

Tetapi sekarang kita menekankan iaitu kita wakil rakyat mestilah rapat dan mesra dengan pengundi-pengundi kita. Jadi, saya mintalah dua lagi telefon yang telah diambil, diletak balik supaya lebih ramai lagi Ahli-ahli Parlimen dapat berhubung dengan pengundi-pengundi di kawasan mereka supaya kita ini akan terus bermesra dengan pengundi-pengundi kita.

Yang seterusnya, sekarang kita menggunakan perkhidmatan IT dan orang yang duduk di Pulau Borneo ini, di Sabah dan Sarawak, tuntutan kita kadang-kadang sebulan pun tidak sampai, walaupun kita tahu sudah dibuat, sudah diluluskan oleh Parlimen dan kita sangat berterima kasih kepada pekerja-pekerja, pegawai Parlimen kerana bekerja begitu kuat tetapi apabila menghantar tuntutan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini ke *Treasury* kadang-kadang memakan masa 3 minggu, sebulan dan ada juga yang hilang terus. Jadi, saya cadangkan kalaulah kita membuat tuntutan, saya cadangkan menggunakan cara *telegraphic transfer*, titikan wang tuntutan itu supaya Ahli-ahli Parlimen dapat menggunakan wang mereka dengan segera untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada kawasan-kawasan mereka.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya diminta oleh kawan-kawan saya yang sebelah kiri saya untuk merayu sekali lagi iaitu *gratuity* ini, saya belum sampai ke tahap ini, oleh kerana ini baru penggal kedua saya menjadi Ahli Parlimen tetapi kawan sebelah kiri saya, Yang Berhormat bagi Selangau ini sudah penggal ketiga, Yang Berhormat bagi Lubuk Antu sudah penggal keempat, oleh kerana mereka yang baik, mereka akan duduk di sini 10 penggal lagi. *[Ketawa]*

Jadi, mereka minta saya menekankan iaitu kalaulah kita membayar *gratuity* kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dengan tidak ada had, apa salahnya kalau kita juga membayar Ahli-ahli Parlimen seperti mereka berdua ini, seperti Yang Berhormat bagi Kepong dan ramai lagi, saya rasa yang akan kerja kuat akan terus menjadi Ahli Parlimen, akan terus menang berkali-kali dan kita menunjukkan kita juga berterima kasih kerana mereka sudah berkhidmat dengan begitu cemerlang, telah lulus dalam semua ujian yang dipilih oleh rakyat sekali dalam lima tahun saya rasa tidak salah kalau kita memberi mereka *gratuity* sepenuhnya yang dinikmati oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau.

5.35 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana beri peluang bagi kita untuk sekadar memberi beberapa pandangan mengenai rang undang-undang yang di hadapan meja Mesyuarat iaitu satu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) tahun 1980.

Saya sekadar mempunyai beberapa perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya perubahan dan pindaan yang dicadangkan ini memang ada kaitan khususnya dengan perubahan tanggungjawab Timbalan Yang di-Pertua mahupun Yang di-Pertua Dewan Rakyat khususnya dan juga Timbalan Yang di-Pertua di peringkat *Senate*. Kita tidak ada halangan apa-apa, Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara ini. Hanya dengan ini kelihatan sama sekali bahawa perubahan kepada rang undang-undang ini membawa perubahan dan tambahan kewangan kepada kerajaan di mana Timbalan Yang di-Pertua itu akan menjadi satu tugas sepenuh masa sepertimana yang ditafsirkan dan dengan itu bayaran ganjaran gaji sejumlah RM8,000 sebulan sebagai ganti elaun sebanyak RM3,399 sebulan sepertimana yang diadakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini mempunyai dua implikasi. Nombor satu, implikasi dan barangkali perubahan trend di dalam soal perlantikan Timbalan Yang di-Pertua di mana pada masa sekarang ini, tradisinya ialah daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih sebagai Ahli Parlimen dan dengan ini, nampaknya bukan sekadar perubahan dari segi tambahan gaji dan kita ucapkan syabas kepada kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua yang sedang menyandang tugas ini kerana sememangnya dengan tambahan gaji, dengan izin, *backdated to January* dia cukup lumayan, lebih tinggi daripada gaji Tuan Yang di-Pertua sendiri tapi gambaran kita adalah nampaknya trend akan berubah pada masa-masa akan datang di mana kemungkinan besar dan kita percaya inilah sebenarnya antara tujuan induk akta ini ialah supaya pada masa akan datang Timbalan Yang di-Pertua itu akan bukan lagi dipilih di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi dilantik terus oleh pihak kerajaan dan ini mempunyai perubahan yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Nombor satu, ia mengikiskan peluang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini untuk duduk sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Kita percaya apabila dia dipilih di kalangan kita, ada satu perhubungan yang karib kerana dia daripada kalangan kita dan mengenali Ahli-ahli Yang Berhormat serta latar belakang, masalah di peringkat kawasan dan seterusnya, jadi sebenarnya ada kelebihan-kelebihan tertentu dan ini tidak harus diabaikan. Kita berharap bahawa walaupun ada peruntukan ini, ini bukan sekadar lesen bagi kerajaan untuk seterusnya memilih Ahli-ahli sebagai bakal Timbalan Yang di-Pertua ini daripada golongan yang begitu jauh latar belakangnya, tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran, penggubalan dasar dan seterusnya.

Jadi, ini nampaknya sifat ataupun ciri perlantikan yang ada sekarang akan hilang begitu sahaja dan kita berpendapat bahawa ini satu tradisi yang akan hilang yang tidak semestinya adalah baik kepada Dewan yang mulia ini bahkan kepada rakyat keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah soal elaun yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini dan seperti yang disentuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya rasa sudah sampai masanya bagi pihak kerajaan untuk meninjau elaun-elaun yang diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari segi pentadbiran di peringkat kawasan. Saya bergaul dengan beberapa Ahli Parlimen dari India dan Australia dan di situ, khususnya di India, satu negara yang begitu tidak maju dibandingkan dengan negara Malaysia, mereka punya elaun-elaun dan fasiliti-fasiliti yang diberi sebagai Ahli Parlimen cukup lumayan, bahkan tidak ada beza di antara kerajaan punya Ahli Parlimen dan Ahli Parlimen dari golongan pembangkang. Mereka diberi kereta, mereka diberi pembantu pentadbir, mereka diberi elaun untuk pejabat di peringkat kawasan dan seterusnya dan tidak mengira adakah itu ahli dari kerajaan ataupun ahli pembangkang.

Jadi, dalam soal ini kalau kerajaan inginkan supaya mutu perbahasan, mutu proses pembentukan dasar dalam badan yang tertinggi dalam negara ini iaitu Parlimen sendiri, kalau ini ingin ditingkatkan di alaf baru ini, saya berpendapat menyokong pandangan-pandangan yang lain yang telah dikemukakan. Sudah sampai masa untuk menyemak kembali, dengan izin, untuk review di dalam perkara ini supaya misalnya, kos pejabat di peringkat kawasan mengenai kos perlantikan ataupun pembantu,

research assistant, dengan izin, dan seterusnya saya rasa ini adalah konsisten dengan cadangan-cadangan untuk meningkatkan mutu perbahasan di peringkat Dewan Rakyat ini dan mutu penggubalan dasar di peringkat Dewan Rakyat ini.

Jadi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, times have changed and all the functions are changing saya rasa sudah masa untuk meninjau secara realistik dan secara terbuka perkara-perkara ini.

Saya juga mencadangkan di peringkat Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang lain misalnya sokongan-sokongan yang diberi oleh pihak Parlimen. Kita berterima kasih kerana di peringkat Parlimen kita akan melihat bahawa kakitangan keseluruhannya berfungsi dengan baik dan mereka tidak pilih kasih, walaupun daripada parti pembangkang, parti kerajaan. Namun demikian, scope dengan izin untuk meningkatkan perkhidmatan itu mesti luas dan walaupun fungsi mereka dan layanan mereka ini juga terbatas kepada kewangan yang diasingkan untuk Jabatan Parlimen.

Saya mencadangkan misalnya *Hansard* yang dipaparkan dalam halaman web itu pada saat ini begitu limited sekali. Kalau hendak di print out dengan izin, seksyen – misalnya aku punya ucapan minggu lalu tidak boleh terus mengeluarkan dalam printer kita untuk mendapatkan salinan. Juga harus *hansard* yang terkini telahpun diedit dengan izin harus terdapat di sana dan senang bagi kita ataupun mana-mana pegawai penyelidik untuk dengan izin mengeluarkan print out tanpa datang ke Parlimen dan seterusnya. Ini saya melihat Tuan Yang di-Pertua, perlu dipertingkatkan lagi seperti mana Parlimen-parlimen yang kecil seperti Parlimen-parlimen Western Australia, kita boleh membuat seperti ini semua.

Seterusnya seperti dicadangkan bahawa Ahli-ahli Parlimen ini harus dibekalkan dengan e-mail yang berasaskan kepada di peringkat sistem di peringkat Parlimen saya rasa sudah sampai masanya untuk membuat ini. Oleh kerana perkhidmatan Internet di peringkat Parlimen begitu juga dengan sokongan-sokongan multimedia amat ketinggalan zaman. Sebagai satu negara yang mementingkan peranan ICT dan seterusnya seringkali kita ingin e-mail soalan kepada Parlimen pun ragu-ragu tidak sampai, kita terpaksa membuat fax juga, jadi ini sudah ketinggalan zaman. Saya sendiri terpaksa membuat dalam dua peringkat kerana beberapa kali mereka menjawab, silap fax oleh kerana tidak boleh download e-mail yang kita kirim. Jadi, saya rasa dengan izin next Parliament saya rasa role player di dalam soal pembangunan ICT multimedia dan bukan pula tempat yang di antara yang terkunci di dalam perkembangan sektor ini.

Seterusnya yang terakhir saya ingin membangkitkan perkara Tuan Yang di-Pertua, saya rasa iaitu berkaitan dengan yang hendak saya sentuh ialah berkenaan kelayakan kita sebagai Ahli Parlimen. Sebenarnya soal kelayakan ini ternyata di dalam Perlembagaan Malaysia dalam Artikel 48(1) dan (2). Dari segi Artikel 48(2) di dalam perkara ini cukup jelas bahawa berkaitan dengan soal hilang kelayakan menjadi Ahli Parlimen begitu jelas di bawah Artikel 48, khususnya (2). Di sini dia mengatakan bahawa undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen selama tempoh yang dinyatakan oleh undang-undang itu bagi orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan pilihan raya. Sesiapa yang telah disabitkan ses uatu kesalahan atau dibuktikan dalam perbicaraan berhubung dengan satu pilihan raya sebagai telah melakukan suatu perbuatan yang menjadikan kesalahan itu adalah hilang kelayakannya selama tempoh yang dinyatakan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuhkan perkara ini kerana diedarkan di atas meja mesyuarat pada hari kelmarin ialah *Warta Kerajaan* Jilid 45 No. 13, bertarikh 2 Julai 2001 dan saya sekadar petik kerana jilid ini khusus mengeluarkan Election Offences Act 1954. Saya petik sekadar sahaja dalam muka surat 426 dengan izin, report under section 37, Election Offences Act 1954, under conclusions of the trial of the petition I found that corrupt practice has been proved to have been committed with the knowledge and consent of the successful candidate, the second respondent Yong Teck Lee, under section 11(c) dan (d) of the Election Offences Act Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara ini kerana adalah penting bagi kita semua dan kerajaan keseluruhannya serta awam supaya mereka jelas mengenai interpretasi undang-undang yang sedia ada mengenai kedudukan kita, status kita sebagai Ahli Parlimen.

Memang kes ini berada di dalam Mahkamah Rayuan 'for stay prosecution' mengikut yang telahpun dilakukan. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya menyentuh perkara ini mengenai kerana ada kaitan dengan kedudukan Ahli Parlimen bagi Gaya. Sebab mengikut soal rayuan ini pun Tuan Yang di-Pertua kita pun begitu tidak berpuas hati, sebab mengikut Election Offences Act 1984 dalam seksyen 36 mengatakan bahawa keputusan Mahkamah Pilihan Raya itu adalah muktamad adalah final. Jadi, tidak ada lagi rayuan, bahkan saya masih ingat kalau saya tidak silap Ahli Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri tahun lalu mengatakan kerajaan bercadang untuk mengubah undang-undang ini untuk membolehkan soal rayuan.

Jadi, beliau sudah cukup mengetahui perkara ini tetapi nampaknya keputusan yang telah dibuat itu bertentangan dengan akta yang ada dan walaupun ini masih dalam peringkat rayuan dan akhirnya mula discussion dengan izin, the merit of the marital of the case hanya merujuk dalam perkara ini. Sebab pandangan umum adalah tidak pernah ada kes seperti ini di dalam negara-negara Komanwel, apatah lagi keputusan mahkamah berhubung perkara ini supaya tidak ada agensi untuk duduk memutuskan perkara ini. Ini bertentangan dengan kepentingan perkara ini yang mengakibatkan kedudukan ahli seorang Ahli Parlimen itu di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin bertanya dengan itu apa sebenarnya kedudukan Ahli Yang Berhormat dari Gaya mengenai dalam kes ini dan apakah respons kerajaan kepada sebenarnya satu surat yang dikemukakan oleh second petitioner iaitu Dato' Haris Mohamad Saleh yang telah menulis kepada Speaker ataupun Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat ini mengenai kedudukan sebenar Ahli Yang Berhormat bagi Gaya berkaitan dengan keputusan Mahkamah Pilihan Raya itu, supaya kita cukup jelas. Kita inginkan supaya perlembagaan itu iaitu interpretasi perlembagaan haruslah tidak mengelirukan bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dua minggu lalu mengatakan hakim-hakim haruslah membuat interpretasi yang jelas dan inilah keinginan kita supaya dalam soal ini bukan sahaja keadilan, tetapi hormat kepada martabat undang-undang itu dijalankan dan dilakukan.

Sekadar itu pandangan kita dan diharap pihak Menteri akan menjawabnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian dan selepas ini menteri boleh menjawab.

5.50 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah di atas cadangan kenaikan imbuhan dan elaun Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya berharap bahawa kenaikan ini bukan sahaja kenaikan gaji tetapi kenaikan ini ialah kenaikan martabat Dewan ini sendiri atau Parlimen ini sendiri dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita laksanakan dan amalkan sekarang.

Dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan, kebebasan bersuara, *accountability* kerajaan dan juga tanggungjawab untuk memberikan penjelasan kepada urusan negara yang dilaksanakan menerusi Parlimen ini adalah sesuatu yang menjadi tunjang kepada amalan ini.

Dalam buku *Malay Dilemma, chapter pertama; What Went Wrong* yang telah disebutkan ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dicatitkan keperluan institusi Parlimen ini dihormati oleh semua pihak lebih-lebih lagi pihak kerajaan yang menjadi tuan rumah kepada kejayaan institusi ini. Saya berkongsi dengan Tambun tentang beberapa inovasi sistem dan aturan urusan perjalanan Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya cita-cita ini dapat ditingkatkan kepada satu tahap yang lebih memuaskan hati.

Dalam bab *What Went Wrong* yang telah ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada satu kritik yang tajam terhadap amalan yang telah berlaku pada zaman Allahyarham Yang Mulia Tunku Abdul Rahman iaitu suatu rang undang-undang ataupun bill yang dibawa oleh kerajaan dalam '*harriet manner*' dengan izin dalam keadaan yang tergesa-gesa dan kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam buku tersebut, Ahli-ahli Parlimen tidak dirunding terlebih dahulu dalam pembentangan sesuatu rang undang-undang dan dibahaskan dan diluluskan dalam keadaan tergesa-gesa.

Saya mengambil contoh pengalaman yang saya rasa tidak menyenangkan saya ialah semasa pembentangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tempoh hari bacaan kali yang pertama ialah pada hari Selasa. Bacaan kali kedua dan perbahasan pada hari Rabu. Satu hari tempoh diberikan kepada kita. Sebelum ini, rang undang-undang ini tidak ada dalam susunan Aturan Urusan Mesyuarat dan sebagai seorang ahli Parlimen seperti rakan daripada Tambun. Kita membuat persiapan berasaskan susunan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Apabila sesuatu rang undang-undang dibentangkan dalam keadaan yang tergesa-gesa dan Aturan Urusan Mesyuarat ini ditukar dalam saatsaat yang terakhir memang memerangkap kita. Kita tidak sempat bersedia dan persediaan kita yang terdahulu dikebelakangkan kemudian. Contoh yang lain ialah kesihatan mental yang dibentangkan pada kalau tidak silap saya dibahaskan pada hari Khamis minggu yang lepas. Untuk membahaskan satu rang undang-undang baru yang luas skopnya seperti ini adalah tidak mudah. Kita tidak pakar dalam semua bidang seperti kata Tambun. Apabila seseorang Ahli Parlimen ingin berfungsi, mereka memerlukan bahan rujukan yang cukup dan luas dan mereka memerlukan pakar-pakar untuk dirundingi dan oleh kerana rang undang-undang ini datang dengan tiba-tiba, yang dahulunya duduk di bawah dalam Aturan Urusan Mesyuarat kemudian dinaikkan serta merta. Saya cukup kecewa. Saya ada buku-buku yang agak lengkap tentang psikologi yang saya simpan di rumah tetapi tidak mungkin saya boleh terbang untuk ambil buku tersebut malam itu dan pagi itu untuk datang berbahas. Jadi saya tidak dapat mengambil bahagian.

Itu satu contoh bagaimana tertekan seseorang ahli-ahli Parlimen untuk terlibat dengan berkesan dan sebelum kita datang berucap, kita memerlukan rundingan dengan pihak-pihak yang lain yang lebih pakar dan arif dalam sesuatu perkara. Apabila sesuatu rang undang-undang itu ditukar begitu mudah dan sesuka hati atas arahan menteri, saya berharap ini mendapat penjelasan daripada menteri bahawa ini adalah atas arahan menteri sehingga Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua tidak mempunyai pilihan seperti kata Tuan Yang di-Pertua bahawa mereka tidak mempunyai kuasa. Menteriilah sebenarnya berkuasa. Jadi saya berharap kedudukan ini dapat diseimbangkan. Menteri tidak boleh *impose* dengan izin, sesuatu perubahan itu dengan mendadak tanpa Timbalan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua juga mempunyai kemuliaan untuk berkata tidak kepada arahan-arahan menteri yang menyukarkan. Bukan sahaja menyukarkan Ahli Parlimen, saya cuba menyelami proses ini, ia menyukarkan staf dan pegawai-pegawai Parlimen kerana sebelum Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua membacakan satu-persatu Aturan Urusan Mesyuarat hendak jemput menteri dan apa yang menteri hendak kata, lepas itu setiausaha hendak kata, lepas itu apa Tuan Yang di-Pertua hendak baca. Ini semua memerlukan satu skrip dan skrip ini ditulis lebih awal oleh staf-staf. Jika berlaku perubahan *last minute*, perubahan saat akhir tentulah staf-staf mengalami kesukaran untuk mengubah skrip ini kepada skrip yang baru. Ini satu keadaan yang tidak menyenangkan.

Mengapakah kita tidak boleh mengikut peraturan yang sedia ada kecuali dalam keadaan-keadaan kecemasan yang sangat mendesak tetapi dalam keadaan-keadaan yang telah berlaku ini tidak menimbulkan, kalau ada...

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada lagi orang dalam Dewan ini [Ketawa]

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kubang Kerian, apakah ini adalah menunjukkan sikap menteri yang kurang memberikan keutamaan kepada mesyuarat di dalam Parlimen, sebab saya berpendapat peraturan di dalam mesyuarat ini selalu diubah kerana untuk menyesuaikan jadual atau masa menteri-menteri. Jadi mereka lebih gemar untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti lain selain daripada menghadiri mesyuarat. Sebab itu Aturan Mesyuarat selalu diubah atau mungkin saya hendak minta pandangan Yang Berhormat mengikut *mood* atau perasaan mereka. Kalau mereka rasa hendak hadir, hadir, kalau rasa hendak tendang rang undang-undang ini, mereka hadir kalau tidak hendak, mereka beri panggilan telefon kata boleh tolong tundakan. Mungkin kerana sikap yang tidak memandang penting mesyuarat di dalam Dewan ini kerana mereka tahu hari ini atau esok ia akan tentu luluskan rang undang-undang semua. Apa yang

mereka mahu, mereka tahu akan boleh diperolehi. Apakah ini kerana sikap menteri-menteri.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mungkin, mungkin pasal saya agak menteri yang mengeluarkan arahan dan saya tidak mahu, saya minta maaf kalau saya salah menggunakan bahasa ini iaitu Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Yang di-Pertua bukan budak suruhan menteri. Taraf dan statusnya mestilah lebih atas terutama dalam prosiding Dewan Rakyat. Menteri sepatutnya boleh dimarahi oleh Tuan Yang di-Pertua jika mereka mengeluarkan arahan yang memandai-mandai seperti itu. Bukan Timbalan Yang di-Pertua atau Tuan Yang di-Pertua mesti mengikut arahan menteri. Ini sangat mustahak dan tentulah pengalaman pahit Tuan Yang di-Pertua dan timbalan, kita tidak boleh kongsi mereka, tidak beritahu kita tentang perkara ini tetapi mereka tentulah tidak berani. Tetapi menteri patut timbang perkara ini dan lihat sahaja kehadiran menteri-menteri. Pada masa menjawab soalan atau pada masa rang undang-undang kementerian mereka dibentangkan pun, mereka tidak ada. Masa penggulangan tidak ada, kadang-kadang Setiausaha Parlimen, saya bukan hendak memperkecilkan Setiausaha Parlimen tetapi kita boleh berkongsi rasa dengan mereka iaitu menteri hadir dalam Mesyuarat Kabinet dengan itu menteri boleh lebih maklumat tentang kementerian yang lain dan satu-satu polisi yang diambil oleh kerajaan. Tetapi Setiausaha Parlimen tidak ada hadir dalam Mesyuarat Kabinet. Timbalan Menteri pula tidak hadir dalam Mesyuarat Kabinet, informasi mereka sangat terhad. Jadi terkial-kial mereka hendak melepaskan satu-satu hujah kerana informasi mereka terhad tetapi menteri senang-lenang, tidaklah makan gaji buta tetapi lebih senang daripada Setiausaha Parlimen. Mereka tidak perlu berhadapan dengan pembangkang.

Undang-undang Kesihatan Mental dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Menteri boleh jadi sibuk tetapi tidak boleh buat macam itu. Sudahlah Perdana Menteri sibuk, menteri-menteri sibuk, Timbalan Menteri sibuk, Setiausaha Parlimen sahaja yang kena berdepan dengan peluru-peluru daripada pembangkang dan bukan kita kata mereka tidak baik tetapi jawapan mereka kurang kemas berbanding dengan maklumat yang ada pada menteri-menteri lebih-lebih lagi apabila kita bangkitkan satu perkara, mereka tidak boleh jawab ataupun tidak ada maklumat, mereka sama ada melupakan ataupun membiarkan atau tidak buat apa-apa. Saya telah bangkitkan banyak perkara, bukan saya hendak mendabik dada tetapi penjelasan tidak ada. Di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya bertanya tentang susunan sewaan KLCC oleh Petronas kepada Mitcity Resources yang 24% adalah dipunyai oleh Ananda dan telah mengeluarkan bon sejumlah RM4 bilion. Kedua-dua isu ini tidak mendapat penjelasan.

Dan demikian juga saya berkongsi dengan Tambun tentang jawapan soalan bertulis. Ada soalan bertulis yang kita hantar sampai hari ini kita tidak ada jawapan, dan susunan soalan juga berubah-ubah saat akhir. Saya penggal ini yang kita bersidang sekarang saya hantar soalan awal dan saya lihat saya di antara nombor beberapa belas, tak sampai 20 yang paling awal. Saya berharap soalan saya naik duduk nombor 3 atau nombor 4. Alhamdulillah, soalan saya duduk nombor 7, 8, 9, itu dalam buku aw al, buku yang mula-mula diedarkan. Buku itu pun sampai kepada kita dua hari sebelum persidangan. Kalau kita datang awal kita tahu perkara tersebut. Dan selepas soalan ini disusun semula, soalan saya yang ini duduk nombor 62, soalan nombor 62 sampai petang pun tak boleh sampai. Jadi, daripada nombor 9 turun jadi 62. Jadi, saya setakat yang saya ingat tak ada soalan saya secara lisan yang dapat peluang ditanya, tak ada peluang, kasihanlah. Kadang-kadang sekali-sekala duduklah nombor satu kah atau nombor dua kah. Soalan saya, saya telah adjust supaya nampak general tidak hendak menekan mana-mana pihak tetapi itu pun masih tidak diberikan kesempatan untuk dikemukakan dalam sesi kita.

Saya difahamkan bahawa Perdana Menteri bila beliau menjawab, beliau boleh diberikan keizinan untuk menjawab lebih daripada biasa bagi satu-satu soalan lisan, sampai empat soalan. Tetapi kadang-kadang Perdana Menteri macam dilindungi sehingga tak boleh beri soalan lebih daripada dua. Jadi, saya berharap dalam isu-isu penting semasa Perdana Menteri diberikan keistimewaan untuk menjawab lebih daripada dua soalan supaya chek and balance itu dapat berlaku, tidaklah nampak protective, tidaklah nampak Dewan ini melindungi kerajaan daripada memberikan informasi yang diperlukan oleh ahli-ahli Dewan dan ini adalah luahan yang saya rasa berguna untuk kita mengemukakan satu saluran yang sah daripada segi undang-undang supaya kepuasan hati.

Saya telah sebutkan daripada segi falsafah, keraguan itu adalah jambatan kepada keyakinan. Orang mungkin ragu, tetapi jika dapat kerajaan memberikan penjelasan yang memuaskan akan bertambah keyakinan. Tetapi kalau keraguan ini tidak di'address', tidak diberikan channel untuk mendapat kepuasan dan keyakinan maka akan berlaku perkara-perkara yang tidak kita senangi. Sebab itu dasar kita daripada awal ialah demokrasi berparlimen kita sokong. Saya telah sebutkan PAS kalah pilihan raya beberapa kali dan tiap-tiap kali kita kalah pilihan raya kita, kita amat kecewa tetapi tidak tergerak dalam hati kita untuk menyalurkan kekecewaan itu dalam jalan yang tidak sah daripada segi undang-undang dan Perlembagaan. Ini adalah sangat mustahak, kestabilan negara adalah kerana kita mempunyai channel yang cukup untuk mendapatkan penjelasan terhadap isu-isu bersama negara. Sesuatu isu bukan sahaja isu kerajaan, ia adalah isu bersama tiap-tiap kumpulan rakyat jika channel itu ada. Maka rakyat akan rasa puas, mereka akhirnya akan mendapat penjelasan oleh wakil-wakil mereka.

Kestabilan satu-satu negara bukan sahaja disumbangkan oleh pasukan keselamatan, oleh undang-undang yang ketat, oleh satu parti pemerintah. Kestabilan yang kita capai bersama ialah kerjasama semua pihak termasuk pembangkang. Kalau pembangkang buat onar, susah. Saya beri contoh, dalam satu-satu kawasan Parlimen, Parlimen saya ada tiga balai polis. Balai polis ini ada tujuh, lapan orang bertugas. Katakanlah, ini bukan saya hendak apa-apa, katakanlah kita hendak buat sesuatu perkara, akan mudah berlaku, tetapi oleh kerana rakyat, petugas parti semua patuh kepada konsep demokrasi berparlimen dan kita hendak keamanan, maka jangan diperkecilkan peranan pembangkang, peranan parti-parti di luar kerajaan, peranan saluran yang sah, peranan kebebasan untuk menyumbang kepada kestabilan. Kestabilan bukan kerana kerajaan itu ada instrument of powers begitu kuat, kerana Shah Iran yang mempunyai instrument yang terkuat the Middle East boleh runtuh oleh kebangkitan rakyat. Suharto yang ada instrument of powers, dengan izin, yang begitu kuat boleh runtuh.

Jadi, bukan instrument of powers yang menjamin kestabilan tetapi flexibility dan fairness itu pada hemat saya yang boleh menjamin kestabilan, dan oleh kerana itu kita tak hendak membuat sesuatu perkara di luar daripada undang-undang ataupun satu perkara fitnah. Kita datang ke Parlimen ini mendapat penjelasan dan menteri mesti memberi penjelasan. Hubungan kita saya berharap bukan sahaja dalam hubungan yang rasmi seperti ini. Sebab itu sepatutnya dalam Parlimen yang lain mereka ada komiti pilihan - Select Committee yang diasaskan kepada isu-isu yang berbangkit. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua telah melawat beberapa parlimen. Menteri di Jabatan Perdana Menteri lebih-lebih lagi, di India sendiri komitinya adalah lebih daripada 21, itu yang tetap dan pembangkang diberi kebebasan. Ketua PAC ialah daripada pembangkang. Ini amalan yang berlaku. Kita tak boleh kata India lebih mundur daripada kita kerana Parlimen demokrasi India lebih jauh daripada besar daripada demokrasi Malaysia.

Puan Chong Eng: Uganda.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ha, macam Uganda. Uganda, Tuan Yang di-Pertua. Orang kulit hitam pun lebih baik daripada kita. Jadi, saya tak setuju dengan Tambun bahawa kita hadkan perbincangan jawatankuasa, perbahasan jawatankuasa dipecah-pecahkan buat di luar. Saya rasa tak ada mana-mana parlimen dalam dunia buat macam ini. Yang nampak sibuk itu ialah kerana select committee mereka sibuk. Kalau di Senate Amerika mereka form Committee of Inquiry, bila ada sesuatu isu mereka syak tentang sesuatu benda. Bila ahli parlimen membentangkan dalam senate ataupun parlimen, parlimen bersetuju untuk select committee dalam inquiry yang tertentu. Kita langsung tak ada committee of inquiry dalam negara kita.

Berapa ratus juta rugi pun, berapa ribu juta rugi pun, sudah berapa kali rugi pun, sudah berapa kali lulus dalam Parlimen ini bilion-bilion untuk bantu, tak ada committee of inquiry. Ini saya rasa adalah tidak menampakkan ketelusan, tidak menampakkan kesungguhan kerajaan untuk memartabatkan Parlimen selain daripada hendak naik gaji. Bukan saya bangkang naik gaji, saya sokong naik gaji. Dan bukan sahaja gaji bagi Timbalan Yang di-Pertua saya sokong naik, tetapi staf Parlimen ini sendiri mestilah ada pihak yang mendengar rungutan mereka. Jangan dibiarkan staf ini merasa kecewa kerana amalan tertentu yang berlaku, saya bukan kata apa-apa, tetapi oleh kerana sistem SSB bukan sahaja telah dikritik oleh MTUC, oleh CUEPACS tetapi juga telah diakui oleh Ketua Setiausaha Negara pada satu masa sebagai kadang

kadang menyebabkan pilih kasih berlaku. Saya tidak kata di Parlimen ini ada pilih kasih. Yang saya hendak kata ialah bahawa kebajikan mereka mestilah diperhatikan dan rungutan mereka diberikan perhatian dan jika sekiranya ada keadaan-keadaan staf-staf yang terlibat di sini rasa dikesampingkan ataupun diketepikan dalam proses kenaikan pangkat dan sebagainya ini memerlukan addressing daripada pihak kerajaan. Saya berharap menteri dapat mengambil ingatan dalam perkara tersebut. Saya tak ingin panjangkan perkara ini tetapi ada beberapa perkara lain yang saya ingin bangkitkan.

Saya bersetuju dengan cadangan daripada Bentong, kalau tak silap saya tadi ataupun yang mencelah semasa Tambun berucap bahawa ahli Parlimen bukan sahaja dihadkan soalan bertulis. Soalan bertulis sangat penting kerana sebagai seorang ahli Parlimen kita tahu kita ada beberapa stage. Stage yang pertama ialah investigation stage, kita investigate terhadap sesuatu isu pada peringkat permulaan sebelum kita letakkan asas bagi sesuatu pandangan kita dalam sesuatu isu itu. Investigation kita memerlukan maklumat daripada kerajaan.

Bagaimanakah ahli Parlimen ini boleh mempunyai peluang berurusan dengan kementerian bagi mendapatkan maklumat. Jika sekiranya kita diberikan hak yang lain, keistimewaan yang lain, kita ada crown Parlimen, kita ada kad Parlimen yang kalau kita jumpa polis kita tak bayar road tax, terlewat satu hari, kita boleh kata minta maaf datuk, saya ahli Parlimen, kita boleh lepas. Tetapi saya lebih daripada itu, kita boleh pergi ke kementerian, saya hendak maklumat rasmi tentang perkara ini, boleh kita buat satu surat, kementerian berikan maklumat kepada kita. Barulah kita tak akan dituduh memfitnah. Kita akan buat sesuatu perbahasan berasaskan fakta yang didapati secara official daripada kementerian-kementerian dalam segala bidang, dalam suhunya, dalam harga kelapa sawitnya, dalam perkaraperkara lainnya, semua perkara yang tidak digolongkan sebagai OSA, sebagai maklumat yang boleh dibekalkan kepada ahli Parlimen bagi membolehkan kita membuat perbahasan yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Jadi, jika kita hadkan kepada lima soalan, memang pening kepala kita hendak tanya lebih daripada itu tetapi kita diberikan had untuk lima. Jadi, apa tujuan dihadkan soalan kepada lima. Adakah kerana Menteri tidak mahu orang tahu banyak tentang kementerian dia ataupun macam mana.

Saya juga mencadangkan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, ada PM question time, macam di Parlimen England kalau kita pergi. Saya amat seronok tiap-tiap hari Rabu Perdana Menteri akan pergi dan menteri-menteri lain juga dua minggu sekali saya lupa ataupun seminggu sekali. Menteri Kebajikan dia pergi Parlimen dan semua Ahli Parlimen boleh bertanya pada hari itu dalam beberapa jam tertentu hal Kementerian Kebajikan sahaja. Menteri Kebajikan kena jawab sendiri on the spot walaupun soalan-soalan pokok telah pun dimajukan terlebih dahulu kepada kementerian, kepada Menteri tetapi sangat menarik, hidup. Kita ini hendak jumpa Menteri macam Menteri Belia dan Sukan saya jarang-jarang dapat tengok muka dia walaupun sukan kita selalu kalah tetapi di Parlimen pun dia tidak datang.

Jadi, kalau ada ministers question time ini kita akan dapat menilai prestasi dan performances setiap menteri dan mengetahui polisi-polisi dan perjalanan kementerian dengan begitu selesa dan ini saya akan menghidupkan prinsip akauntabiliti tiap-tiap menteri barulah menteri-menteri ini terjaga daripada tidur dan tidak ada menteri lagi sudah rugi bertahun-tahun baru hendak buat siasatan, situ rugi, sini rugi. Dalam Kementerian Pengangkutan semua rugi, LRT rugi, kapal terbang rugi, Malaysia Airport pun rugi.

Jadi, kalau menteri itu datang kita boleh bambu dengan macam-macam soalan dan menteri itu akan balik dengan suatu tenaga baru dan akan jadi kementerian yang lebih perform. Walaupun saya tahu dreams ini, ideal ini saya rasa di bawah Barisan Nasional susahlah sedikit hendak berlaku kecuali Perdana Menteri kita buat satu perubahan paradigma yang besar. Tetapi yang saya hendak tekankan ialah bahawa sudah sampai masanya kerajaan memandang serius Parlimen ini sendiri. Jika dikatakan Parlimen ini bukan rubber stamp inilah prosiding-prosiding yang perlu dibaiki. Kalau tidak orang tahu semua di akhir daripada satu rang undang-undang siapa kata setuju, setuju walaupun sebelah sana ada empat orang sahaja. [Ketawa] Sebelah sini mungkin ramai sedikit, ya tidak? Jadi, siapa setuju, setuju, siapa tidak setuju, tidak setuju lebih suara yang bersetuju kerana diandaikan kerajaan mempunyai lebih ramai orang.

Jadi, itulah perkara-perkara yang

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, peraturan kita tidak cukup kuorum ini. Kalau tidak kita sambung esok sahaja. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ya, sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukup kuorum.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kuorum kita tidak cukup, saya ingat kita sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak habis lagi. Harap-harap cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Loceng.

[Loceng dibunyikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha kira.

[19 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, terpaksa kita tangguhkan mesyuarat dan Dewan akan bersidang semula pada

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:sambung pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.